


Jilid II
Bil. 65



Hari Isnin
3hb Disember, 1984

M A L A Y S I A

PENYATA RASMI PARLIMEN PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 9247]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 9296]

USUL-USUL:

Akta Kastam, 1967—

- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20) 1984
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21) 1984
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 22) 1984
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23) 1984
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 24) 1984
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 25) 1984
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 26) 1984
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 27) 1984
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28) 1984
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 29) 1984
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 30) 1984
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 31) 1984
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 36) 1984

→ [Ruangan 9296 dan 9297]

KANDUNGANNYA—(Samb.)

Akta Eksais, 1976—

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3) 1984 [Ruangan 9302]

Akta Cukai Jualan 1972—

Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pindaan) 1984 [Ruangan 9303]

Anggaran Pembangunan (Tambahahan) (Bil. 2), 1983 dan Anggaran Pembangunan (Tambahahan) (Bil. 1), 1984 [Ruangan 9311]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 9347]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1983 dan 1984) [Ruangan 9305]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

,, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

,, Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

,, Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

,, Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

,, Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

,, Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

,, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

,, Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

,, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

,, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

,, Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

,, Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

,, Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG alias ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- ,, Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- ,, Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- ,, Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- ,, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- ,, Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- ,, Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- ,, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- ,, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- ,, Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- ,, Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- ,, Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- ,, Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- ,, Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- ,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ,, Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- ,, Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- ,, Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- ,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- ,, Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- ,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).**
- ,, **TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).**
- ,, **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).**
- ,, **TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).**
- ,, **DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).**
- ,, **DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).**
- ,, **TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).**
- ,, **DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**
- ,, **DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).**
- ,, **TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).**
- ,, **TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).**
- ,, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- ,, **DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).**
- ,, **TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).**
- ,, **TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).**
- ,, **TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).**
- ,, **TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).**
- ,, **TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).**
- ,, **DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).**
- ,, **TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).**
- ,, **DR CHEN MAN HIN (Seremban).**
- ,, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).**
- ,, **TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).**
- ,, **DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).**
- ,, **TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).**
- ,, **DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).**
- ,, **DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lutar).**
- ,, **TUAN FUNG KET WING (Sandakan).**
- ,, **TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).**

Yang Berhormat TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

- ,, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- ,, DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- ,, TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- ,, TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- ,, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- ,, TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- ,, TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- ,, TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- ,, DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ,, TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- ,, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- ,, TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- ,, TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- ,, TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- ,, TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- ,, DR KOH TSU KOOK (Tanjong).
- ,, DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantan).
- ,, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- ,, TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ,, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- ,, DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- ,, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- ,, TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- ,, TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- ,, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- ,, TUAN LING SIE MING (Sibu).
- ,, TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- ,, DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ,, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).

- Yang Berhormat DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).

Yang Berhormat TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).

- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
„ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
„ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
„ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
„ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
„ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
„ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
„ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 3hb Disember, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PERKESO—JUMLAH CARUMAN

1. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Buruh menyatakan berapa banyak caruman yang diterima oleh PERKESO untuk tahun-tahun 1980, 1981, 1982 dan 1983; berapa caruman yang dibayar keluar sebagai faedah kepada pencarum-pencarum untuk tiap-tiap ahli pencarum PERKESO pada masa ini, dan adakah apa-apa rancangan tertentu untuk memperluas liputan dan perlindungan dan apakah langkah yang diambil untuk menukar PERKESO menjadi satu badan berkanun.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, jumlah caruman kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan jumlah faedah yang telah dibayar serta bilangan penerima faedah bagi tahun 1980, 1981, 1982 dan 1983 adalah seperti berikut:

Tahun	Caruman Bersih	Faedah Yang Dibayar	Bilangan Penerima Faedah
1980	\$54,965,632	\$ 4,863,802	13,920
1981	\$81,062,670	\$ 8,005,765	22,418
1982	\$93,343,291	\$10,477,693	24,652
1983	\$99,032,835	\$15,396,931	27,392

Jumlah majikan dan pekerja yang berdaftar dengan PERKESO setakat bulan Jun, 1984 adalah seperti berikut:

Jumlah Majikan	Jumlah Pekerja
59,392	2,507,784

Tuan Yang di-Pertua, PERKESO memang ada rancangan tertentu untuk memperluaskan liputan dan perlindungan. Rancangan ini dibuat dalam dua bentuk seperti berikut:

- (i) memperluaskan liputan dan perlindungan kepada pekerja yang bergaji \$1,000 sebulan dan ke bawah yang mana akan dilaksanakan mulai 1hb Januari, 1985. Setakat ini liputan adalah bagi pekerja yang bergaji \$500 sebulan dan ke bawah sahaja;
- (ii) memperluaskan kawasan liputan PERKESO di Sabah dan Sarawak secara berperingkat-peringkat. Setakat ini Skim Keselamatan Sosial telah dilaksanakan di seluruh Semenanjung Malaysia dan kawasan keselamatan sosial Kota Kinabalu di Sabah dan Kuching di Sarawak. Rancangan untuk melaksanakan Skim Keselamatan Sosial ke seluruh daerah Sandakan di Sabah dan Sibu di Sarawak sedang giat dijalankan-jalankan. Pada masa ini tindakan untuk mendaftarkan semua majikan dan pekerja yang layak di kawasan-kawasan tersebut sedang berjalan lancar. Adalah dijangkakan bahawa

perlaksanaan Skim Keselamatan Sosial di kawasan-kawasan ini akan dilakukan dalam tahun 1985.

Rancangan kemajuan selanjutnya ialah memperluaskan lagi kawasan keselamatan sosial ke daerah-daerah tertentu di kedua-dua negeri tersebut. Bagi tujuan ini, 3 buah lagi Pejabat Tempatan telah dibuka di tiap-tiap negeri pada awal tahun 1984 ini. Pejabat-pejabat Tempatan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

<i>Sabah</i>	<i>Sarawak</i>
Tawau	Bintulu
Lahad Datu	Miri
Keningau	Sri Aman

Adalah dijangkakan bahawa tindakan untuk mendaftarkan majikan-majikan dan pekerja-pekerja yang layak di kawasan-kawasan tersebut akan dilakukan dalam tahun 1985.

Rancangan terakhir ialah memperluaskan kawasan liputan PERKESO ke kawasan-kawasan lain yang belum lagi diliputi di kedua-dua negeri tersebut. Bagi tujuan ini, 3 buah lagi Pejabat Tempatan akan dibuka di tiap-tiap negeri seperti berikut:

<i>Sabah</i>	<i>Sarawak</i>
Labuan	Kapit
Kudat	Sarikei
Beaufort	Limbang

Adalah dijangkakan bahawa rancangan ini akan dilaksanakan dalam tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari langkah-langkah yang telah saya sebutkan tadi, Kementerian saya akan mengkaji keperluan Keselamatan Sosial Pekerja dari masa ke semasa

dan jika didapati perlu pindaan-pindaan yang sewajarnya akan dibuat ke atas undang-undang yang berkenaan.

Persediaan untuk menjadikan PERKESO sebagai sebuah badan berkanun adalah di dalam peringkat akhir dan tarikh kuatkuasanya akan diumumkan dalam sedikit masa lagi.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa masih terdapat majikan-majikan yang belum membayar caruman kepada badan PERKESO atas sebab mereka tidak begitu faham dengan peraturan-peraturan yang termaktub dalam badan SOCSO ini dan adakah badan SOCSO bercadang untuk melancarkan satu kempen untuk memberi maklumat-maklumat kepada semua pihak majikan supaya mereka sedar tentang peruntukan itu dan boleh membuat bayaran berikutnya.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar masih ada lagi majikan-majikan yang tidak berapa faham atas perkara PERKESO ini dan Kementerian saya sedang melancarkan kempen-kempen seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bukan sahaja di atas lawatan-lawatan oleh pegawai-pegawai PERKESO dan juga bekerjasama dari pihak Kementerian Penerangan dan kami pada masa sekarang adalah menyediakan risalah-risalah di dalam Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil dan kami akan melancarkan kempen ini tidak lama lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ban Hong Keong.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Ban Hong Keong tidak hadir).

**BEKAS ANGGOTA POLIS
KHAS**

3. Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar, bahawa khidmat Bekas-bekas Anggota Polis Khas (Special constables) semasa darurat tidak diambil kira apabila bekas-bekas anggota tersebut menyambung khidmat mereka dengan Perkhidmatan Awam bagi tujuan kiraan pencen. Jika sedar, apakah beliau bercadang untuk mengira khidmat mereka. Jika tidak, apakah langkah-langkah tertentu atau cadangan beliau agar khidmat mereka semasa darurat akan mendapat ganjaran setimpal.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Tuan Mustaffa bin Mohammad): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar adanya bekas Anggota Polis Khas (Special Constabulary) yang menyambung perkhidmatan di dalam jawatan tetap Kerajaan selepas berhenti daripada perkhidmatan Polis Khas yang tidak diambil kira tempoh perkhidmatan mereka sebagai Anggota Polis Khas itu bagi maksud perkiraan pencen.

Menurut peraturan-peraturan pencen yang dipakai di dalam perkhidmatan awam, tempoh sepanjang mana seseorang pegawai telah berkhidmat sama ada secara sementara atau tetap boleh dimasuk kira bagi maksud mendapat faedah-faedah pencen dan ganjaran. Oleh yang demikian, bekas Anggota Pasukan Polis Khas yang terus menyambung berkhidmat di dalam mana-mana Jabatan lain dalam Perkhidmatan Awam, adalah dibenarkan mencantumkan perkhidmatannya dalam Polis Khas itu bagi maksud perkiraan faedah persaraan apabila ia bersara. Anggota-anggota Polis Khas yang terus berhenti daripada Pasukan Polis Khas dan tidak

memasuki mana-mana perkhidmatan Kerajaan selepas itu tidaklah mendapat faedah ini tetapi telah mendapat ganjaran penamatian perkhidmatan Polis Khas.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Seow Hon Khim.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Seow Hon Khim tidak hadir).

DAKYAH/TUDUHAN TERHADAP KERAJAAN

5. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri minta Menteri Penerangan menyatakan peranan yang dimainkan oleh Kementerian beliau dalam usaha memerangi dakyah-dakyah dan tuduhan-tuduhan melulu terhadap Kerajaan oleh parti pembangkang yang menggunakan sentimen agama untuk menarik sokongan.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fungsi Kementerian Penerangan ialah sebagai penyokong dalam usaha-usaha membangun negara atau perhubungan yang membantu pembangunan yang berkait rapat dengan fungsi serta tugas lain-lain Kementerian dan agensi Kerajaan.

Mengenai dakyah-dakyah dan tuduhan-tuduhan melulu yang dilemparkan oleh Parti Pembangkang terhadap Kerajaan, perkara ini amatlah menyediakan kerana ianya akan memecahkan perpaduan ummah dan melaga-lagakan orang Islam sesama Islam.

Saya suka menegaskan di sini bahawa segala jentera Kerajaan akan dipergerakkan untuk membasmi dakyah-dakyah dan tuduhan-tuduhan yang tersebut.

Bagi Kementerian Penerangan langkah-langkah yang diambil termasuk:

- (1) Mengadakan rancangan-rancangan agama yang berthemakan perpaduan;
- (2) Membaiki serta memperbaikan pendekatan dalam rancangan-rancangan agama yang sedia ada, umpamanya dengan menjemput para alim ulama yang terkemuka dan disegani untuk memberi pandangan mereka mengenai masalah-masalah yang sedang dihadapi; dan
- (3) Mengadakan perhimpunan serta seminar peringkat negeri berthemakan agama dan perpaduan di bawah anjuran Jabatan Penerangan Malaysia.

Dari maklum balas yang diterima menunjukkan bahawa usaha-usaha Kementerian Penerangan itu telah mendapat sambutan yang baik dan insya Allah, ianya akan dapat juga membantu untuk menentang dakyah dakyah serta tuduhan-tuduhan yang dibuat terhadap Kerajaan. Walau bagaimanapun, usaha itu perlu diperluaskan kerana tanggungjawab untuk berdakwah menegakkan kebenaran tidak sahaja harus dipikul oleh Kerajaan tetapi para alim ulama juga harus tampil ke hadapan untuk mengekalkan perpaduan ummah.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan di dalam penerangan beliau tadi mengatakan bahawa ada beberapa rancangan agama telah dijalankan oleh Kementerian beliau bagi mengatas dakyah-dakyah yang dijalankan oleh setengah-setengah Parti Pembangkang di dalam negara ini. Apakah pada pandangan beliau dan Kementerian bahawa dengan

adanya rancangan-rancangan agama ini sahaja dapat mengatasi dakyah-dakyah yang disebutkan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan di sini bahawa Kementerian Penerangan merangka dan mewujudkan beberapa program keagamaan yang bersesuaian dengan suasana yang terdapat pada terdapat pada masa ini dan program-program ini berbentuk tafsir Quran, huraian hadis, forum, ceramah dan lain-lain.

Ini bukan bermakna bahawa inilah sahaja program yang boleh kita menyelesaikan masalah. Yang penting ialah sesiapa sahaja yang cintakan negara ini terpaksalah memainkan peranannya masing-masing lebih-lebih lagi Ahli-ahli Yang Berhormat, dan Ahli-ahi Yang Berhormat dari Pembangkang umpamanya perlu mengambil tindakan ini semoga dengan usaha dan kegiatan mereka dapatlah kita mewujudkan satu muhibbah yang berkekalan dan satu perpaduan yang boleh kita banggakan.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Dalam jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat sekejap tadi ada menyebutkan bahawa di antara rancangan untuk menghapuskan dakyah-dakyah ini ialah menjemput alim ulama yang terkemuka. Soalnya, di antara alim ulama yang terkemuka hari ini ialah Ustaz Haji Hadi awang dari Terengganu. Pernahkah Yang Berhormat berfikir untuk menjemput beliau di dalam masalah ini?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya nyatakan sekejap tadi bahawa kita akan menjemput alim ulama yang terkemuka dan disegani umum. Jadi, perkara ini akan kita laksanakan dari masa ke semasa. Akan tetapi jikalau pada hemat umum seseorang itu tidak layak diberi taraf sebagai alim ulama

yang terkemuka maka pihak kami tidak akan sekali-kali menjemput mereka.

GETAH ASLI—HARGA DI PASARAN

6. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) semenjak tamat Perang Dunia ke II, berapakah harga Getah Asli paling tinggi dan yang paling rendah di Pasaran Antarabangsa;
- (b) memandangkan Pengeluaran Getah Asli merupakan satu bahan utama dalam pencarian hidup rakyat negara ini, dan menjadi bahan penting dalam kehidupan manusia sehari-hari, mengapakah harga pasarannya tersangat lembab untuk meningkat berbanding dengan harga barang keperluan lain yang telah meningkat berlipat ganda di dalam tempoh yang sama; dan
- (c) apakah usaha Kerajaan untuk menstabilkan/meninggikan harga getah asli ini, supaya dapat mengimbangkan dan meninggikan pendapatan petani-petani (penoreh-penoreh) getah terutama di kawasan-kawasan luar bandar.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) berdasarkan kepada rekod dari Kementerian saya, harga getah asli bagi gred RSS I telah mencapai tahap paling tinggi pada paras purata 496.15 sen sekilo gram dalam bulan Februari, 1951 iaitu semasa berlakunya perang Korea dan harga yang paling rendah iaitu pada paras 63.47 sen sekilo

gram yang dicatat pada bulan Ogos, 1947 iaitu di tahun-tahun dunia mengalami kemelesetan ekonomi yang teruk.

- (b) ingin saya menjelaskan bahawa perbandingan ini adalah tidak begitu tepat kerana faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan getah dengan barang keperluan adalah berlainan. Getah adalah merupakan bahan mentah bagi barang pembuatan perusahaan khususnya industri pengangkutan yang merupakan pengguna bahan getah yang terbesar. Kedudukan harga getah adalah dipengaruhi oleh keadaan penawaran dan permintaan di pasaran dunia.

Kemelesetan ekonomi dunia yang teruk dan berpanjangan terutama mulai tahun 1981 hingga awal tahun 1983 telah menjadikan pertumbuhan ekonomi dunia khusus bagi negara-negara maju yang juga merupakan pengguna utama getah asli dunia. Dalam keadaan ini permintaan bagi getah asli adalah lembab disebabkan permintaan bagi barang-barang buatan getah juga lembab dan ini telah menyebabkan pengurangan penggunaan getah dunia manakala kedudukan penawaran adalah agak stabil dan dengan itu mempengaruhi kejatuhan harga getah. Hingga kini pemulihan ekonomi dunia masih belum begitu teguh dan dengan demikian peningkatan harga getah juga adalah masih lembab.

- (c) usaha Kerajaan untuk menstabilkan harga getah, suacita dimaklumkan bahawa beberapa langkah positif telah diambil dan di antaranya termasuk penglibatan Malaysia yang aktif dalam skim

penstabilan harga getah antarabangsa melalui Perjanjian Getah Asli Antarabangsa. Tanpa perjanjian ini, harga getah mungkin akan berada di paras yang lebih rendah semasa berlakunya kemelesetan ekonomi dunia baru-baru ini sehingga Pengurus Stok Penimbang terpaksa campur tangan di dalam pasaran sejak akhir tahun 1981 hingga awal tahun 1983 dan berikutan dari pembelian yang begitu besar oleh Pengurus Stok Penimbang dalam tempoh tersebut harga getah telah dapat dipertahankan dari terus jatuh.

Melalui Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli, kerjasama bagi menentukan harga getah yang lumayan dan sentiasa stabil juga diadakan dalam persatuan ini. Menyedari betapa pentingnya harga getah dari segi ekonomi negara-negara pengeluar, terutamanya terhadap pendapatan pekebun-pekebun kecil, negara-negara anggota ANRPC sedang meneliti dengan secara terperinci bagi usaha memperkemas dan memperbaiki Perjanjian Getah Asli Antarabangsa bagi menentukan ianya lebih berkesan untuk menjaga kepentingan negara-negara anggota, khususnya bagi negara-negara pengeluar.

Di samping itu, Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah tertentu melalui agensi-agensi seperti MARDEC dan RISDA khususnya dalam usaha untuk memperbaiki pemerosesan dan memperkemas sistem pasaran getah pekebun-pekebun kecil bagi menentukan mereka mendapatkan harga yang

lumayan di samping membantu meningkatkan mutu pengeluaran getah mereka.

Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri, iaitu adakah kemerosotan atau kurang meningkatnya harga getah asli ini kesan daripada hasil getah tiruan (synthetic rubber) yang begitu banyak dikeluarkan oleh negara Amerika. Sejauh manakah kesan dan pengaruh daripada getah tiruan itu menyebabkan merosotnya getah asli kita.

Kedua, melalui negara-negara Persatuan Pengeluar Getah Asli, pernahkah persatuan ini mengadakan perundingan atau perbincangan dengan pihak negara Amerika Syarikat supaya ada saling mengerti di antara persatuan ini dengan negara Amerika Syarikat supaya negara itu mengurangkan pengeluaran getah tiruannya untuk memberi peluang kepada negara-negara yang menjadi pengeluar getah asli untuk lebih digunakan oleh negara-negara pengguna di seluruh dunia.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, dua soalan tambahan berhubung dengan perkara pokok, iaitu kos pengeluaran getah asli dan kos pengeluaran getah tiruan. Sejak dunia telah mengalami krisis minyak mentah, adalah kemungkinan yang besar bahawa getah asli boleh bersaing dengan getah tiruan walaupun pengeluaran getah tiruan adalah lebih kurang 7 juta ton manakala pengeluaran getah asli dunia adalah lebih kurang 3.7 ton setahun sahaja. Oleh kerana harga minyak mentah telah naik, kos pengeluaran getah tiruan telah naik juga.

Apa yang saya suka melihat iaitu kedudukan ekonomi dunia pulih. Kalau kita boleh mendapat pulihan ekonomi dunia yang kuat, yang

kukuh, saya yakin bahawa permintaan terhadap getah asli adalah kukuh. Ini difikirkan oleh Pasukan Petugas. Oleh sebab itu pengeluaran getah asli akan bertambah daripada 3.7 juta ton pada tahun 1982 kepada 5 juta ton pada tahun 1990 dan kepada 5 juta ton pada tahun 2000. Oleh sebab itu saya ada harapan yang tinggi bahawa kita boleh mendapat harga getah asli yang baik dan kita boleh bersaing dengan getah tiruan di pasaran dunia.

Pada masa ini ANRPC ataupun Persatuan Pengeluar-pengeluar Getah Asli sedang mengkaji perjanjian getah asli antarabangsa supaya kita boleh mendapat kedudukan yang baik bagi perjanjian yang kedua pada masa akan datang. Amerika Syarikat akan membeli getah asli daripada pasaran dunia. Sebenarnya Amerika Syarikat telah membeli getah asli di pasaran dunia tetapi volumenya adalah kecil pada masa ini. Namun demikian, adalah hasrat Kerajaan Amerika Syarikat untuk bertambah stok penimbang getah asli yang strategik daripada 180,000 ton pada masa ini kepada 850,000 ton pada masa yang akan datang.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, satu daripada cara untuk meninggikan harga getah ialah dengan mengadakan stok penimbang untuk menstabilkan harga getah. Apakah Kerajaan bercadang untuk menerus dan memperkuatkan stok penimbang getah kita supaya dapat menstabilkan harga getah.

Yang kedua, adakah Kerajaan mesti berhati-hati dalam penjualan getah supaya getah yang kita hasilkan itu dapat distok atau dapat disimpan oleh negara-negara lain menyebabkan mereka dapat mempengaruhi harga getah dalam negara kita.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Kepada soalan yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, Pengurus Stok Penimbang telah memberi stok sebanyak 270,000 ton. Kalau harga getah asli akan turun memanglah Pengurus Stok Penimbang ini akan membeli getah asli dari pasaran dunia. Tetapi apa yang saya telah terima iaitu ada permintaan terhadap getah asli di pasaran dunia kukuh. Oleh sebab itu, Pengurus Stok belum membeli getah asli di pasaran dunia. Mengenai soalan tambahan kedua, boleh ulangi soalan tambahan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat ulangi soalan yang kedua?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua. Apakah Kerajaan kita mesti berhati-hati dalam penjualan getah asli kita supaya tidak menjadikan negara asing atau negara lain itu dapat membuat stoknya sendiri dan juga dapat mempengaruhi harga pasaran dunia dan juga negara kita.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis untuk mengkaji perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail.

(Soalan No. 8 Y.B. Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail tidak hadir).

KECICIRAN PELAJAR-PELAJAR

9. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimanakah keadaan

keciciran pelajar-pelajar di negara ini dengan menyatakan bilangan murid-murid yang didaftarkan untuk memasuki sekolah (darjah satu) dan yang sebenarnya memasuki sekolah bagi tahun 1980-1984. Jika berlaku keciciran ini, bagaimanakah keadaan di bandar dan luar bandar dan apakah sebab-sebabnya serta langkah-langkah bagi mengatasinya.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya bilangan hitung panjang kanak-kanak yang tidak bersekolah setiap tahun di antara tahun 1980-1984 cuma 3.6% sahaja. Masalah keciciran ini wujud akibat daripadanya terdapat golongan mereka yang cacat, mereka yang miskin, anak-anak Orang Asli dan mereka yang terus memasuki sekolah-sekolah swasta dan sekolah-sekolah agama untuk persekolahan mereka sendiri.

Antara langkah-langkah positif yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah ini adalah dengan menyediakan tempat-tempat yang mencukupi, mendirikan sekolah-sekolah baru, menyediakan dan mengemas kinikan program khidmat bantu seperti Skim Pinjaman Buku Teks, Amalan Makanan dan Pemakanan, Projek Susu dan sebagainya. Bilangan kanak-kanak yang berumur 6 tahun dan yang memasuki sekolah (Darjah I) di tahun-tahun 1980-1984 adalah seperti berikut:

Tahun	Anggaran Bilangan Kanak-kanak Berumur 6+	Bil. Yang Memasuki Darjah I	Peratus Masuk Sekolah
1980	300,597	282,676	94%
1981	305,042	291,924	95.7%
1982	307,365	295,099	96%
1983	316,213	306,081	96.8%
1984	307,040	306,016	99.7%
JUMLAH ...	1,536,257	1,481,896	96.4%

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya mengenai masalah keciciran yang disebabkan oleh kemiskinan dan pengaruh alam sekitar ataupun pengaruh kawan sebaya (kira group). Adakah Kerajaan boleh membuat satu peraturan terhadap golongan murid-murid yang tercicir ini supaya pihak sekolah terutamanya guru-guru kerjaya boleh pergi kerumah-rumah ibubapa ataupun penjaga murid-murid itu memaksa murid-murid tersebut supaya hadir ke sekolah bersesuaian dengan dasar pelajaran wajib.

Yang keduanya, bagi mengatasi masalah keciciran kepada murid-murid yang gagal di dalam peperiksaan SRP/SPM sejahtera manakah institusi-institusi pelajaran lanjutan dan institusi-institusi pelajaran untuk latihan kemahiran dapat menampung kesemuanya mereka yang cicir ini supaya mereka boleh meneruskan pelajaran mereka di dalam bidang kemahiran yang diminati oleh mereka seperti IKM, IPM, Sekolah-sekolah Vokesyen dan adakah Kerajaan akan menambah bilangan institusi-institusi pelajaran lanjutan dan latihan kemahiran seumpama ini di negara kita pada masa-masa yang akan datang.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan bahagian pertama soalan tambahan Ahli Yang Berhormat itu, biasanya apabila berlaku kejadian ini maka pihak Guru Besar ataupun pihak sekolah sendiri menghubungi ibubapa bagi murid yang berkenaan. Dan setelah dihubungi dan diberitahu biasanya berjaya juga mengembalikan pelajar itu ke sekolah. Dan PIBG adalah menjadi satu-satunya alat yang sentiasa digunakan iaitu melalui Jawatankuasa PIBG untuk memaklumkan kepadanya tentang beberapa perkara ataupun perkara-perkara yang berkaitan dengan pelajar-pelajar di sekolah. Dengan itu

PIBG selalunya memberi respond yang baik, membantu jika kesulitan itu dihadapi iaitu khususnya bila berlaku murid-murid kita yang tinggalkan sekolah, yang lari.

Berkaitan dengan murid-murid yang tidak lulus peperiksaan SRP dan dengan itu tidak dapat meneruskan pelajaran ke Tingkatan IV, rancangan yang diusahakan oleh Kerajaan untuk memberi latihan kepada mereka ini memang terdapat berbagai rupa dan dijalankan oleh beberapa Kementerian seperti Kementerian Buruh, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pertanian dan Kementerian Kebajikan dan juga Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Jadi agensi-agensi ini setahu saya ada mempunyai program-program tertentu untuk memberi latihan kepada pelajar-pelajar ataupun belia-belia yang telah mengambil peperiksaan SRP dan tidak mencukupi kelulusan untuk meneruskan pelajaran ke Tingkatan IV. Rancangan ini adalah rancangan yang sentiasa berjalan, yang sentiasa diteruskan, tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat berapakah bilangan yang dapat ataupun bilangan tempat yang dapat diberikan oleh Institusi-institusi Pelajaran seperti ini, saya minta maaflah, saya minta notis.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah Kerajaan bercadang untuk menguatkuasakan satu undang-undang pelajaran wajib untuk memastikan bahawa semua kanak-kanak yang cukup umur akan didaftarkan di sekolah dan sekiranya tidak, apakah sebab-sebabnya?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita jalankan pada masa sekarang ini, walaupun tidak ada peraturan mewajibkan kanak-kanak

yang umurnya 6 tahun untuk masuk sekolah, ini menunjukkan bahawa kejayaan kita itu adalah satu kejayaan yang baik.

Misalnya pada tahun 1984 ini sahaja, kita mendapat peratus 99.7%, ertiinya begitu sekali ramai anak-anak kita yang dalam lengkongan umur 6 tahun dapat masuk sekolah. Jadi memandang kepada keadaan inilah, maka kita tidak bercadang pada waktu ini untuk membuat peraturan mewajibkan anak-anak yang cukup 6 tahun didaftarkan dan mestilah dimasukkan ke sekolah.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah menerangkan bahawa kadar keciciran kanak-kanak sebanyak 3.6%.

Soalan saya, saya ingin tahu kanak-kanak di peringkat manakah yang dimaksudkan itu, adakah di peringkat rendah ataupun yang akan pergi ke peringkat menengah, dan kalau Yang Berhormat boleh menerangkan lebih kurang berapa peratus peringkat rendah dan berapa peratus di peringkat menengah.

Soalan yang kedua, untuk mengatasi masalah kemiskinan terutama sekali di peringkat sekolah-sekolah rendah yang pada hari ini, kita ketahui bahawa banyak sekolah-sekolah yang berada berhampiran dalam suasana persekitaran yang tertentu umpamanya, dalam kawasan 2-3 batu ada 2-3 buah sekolah. Adakah Kerajaan bercadang untuk menarik minat yang lebih bagi kanak-kanak di luar bandar dan juga membantu anak-anak miskin supaya diadakan satu sistem percantuman, sekurang-kurangnya di peringkat Darjah 4 sampai ke 6 bagi sekolah-sekolah di kawasan pendalam atau luar bandar.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, bilangan kanak-kanak yang tercicir itu kebanyakannya adalah dari kawasan-kawasan luar bandar.

Sebagaimana yang saya sebutkan dalam jawapan saya awal-awal tadi, faktor-faktor yang menyebabkan ini ialah keadaan kemiskinan yang terdapat daripada kebanyakkan penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Yang kedua, kemudahan sekolah itu tidak mudah didapati kerana ada kawasan-kawasan ataupun kampung-kampung yang begitu terpencil dan kampung-kampung kecil di mana tidak dapat sekolah dan sekolah yang paling dekat itu memang sangat jauh. Jadi ini biasa berlaku dan angka yang saya beritahu tadi kepada Ahli Yang Berhormat itu adalah menepati dengan soalan yang berkaitan dengan pelajar-pelajar ataupun kanak-kanak yang umurnya sudah mencapai 6 tahun untuk masuk sekolah. Angka-angka yang lain berhubung dengan kecinciran pada peringkat-peringkat yang lain, kerana tiap-tiap peringkat memangnya ada tercicir, dan kalau Ahli Yang Berhormat perlukan angka itu sepenuhnya, izinkanlah saya sampaikan kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis.

Berhubung dengan soalan bahagian kedua iaitu sama ada Kerajaan akan mencantumkan sekolah-sekolah yang kecil-kecil, yang murid-muridnya pun tidak ramai. Pada waktu ini kita tidak bercadang hendak mengambil langkah itu, tetapi apa yang hendak diusahakan sekarang ini ialah dengan mengadakan apa yang boleh dipanggil sebagai asrama untuk sekolah rendah. Asrama ini boleh ditempatkan di sebuah sekolah yang difikirkan mempunyai kemudahan yang secukupnya dan anak-anak daripada sekolah-sekolah yang terpencil ini di mana hanya terdapat satu kelas dan dua guru, anak-anak ini apabila sudah

sampai masanya mereka masuk ke tahun tiga, mereka boleh dibawa ke sekolah-sekolah pusat di mana terdapat asrama luar bandar itu. Dengan cara ini, maka kita mengharapkan anak-anak kita itu atau pelajar-pelajar kita itu akan mendapat peluang untuk belajar dengan cara yang lebih baik, dengan kelengkapan dan kemudahan-kemudahan yang lebih sempurna. Kalaulara mereka itu dibiarkan berterusan belajar di sekolah kecil di kampung mereka di mana bilangan pelajar-pelajar terlalu kecil, bilangan guru pun tidak mencukupi, jadi kalaulara mereka belajar selama 6 tahun di sekolah rendah maka adalah difikirkan mereka tidak akan mendapat manfaat ataupun faedah yang sebesarnya daripada pelajaran peringkat sekolah rendah itu. Jadi perlulah mereka itu dipindahkan ke sekolah pusat apabila sudah tiba masanya hendak memasuki Darjah 3, patutlah diusahakan dan caranya ialah dengan mengadakan asrama di sekolah pusat itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.

(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah tidak hadir).

PROGRAM PERTUKARAN PENUNTUT UNIVERSITI MALAYSIA-AUSTRALIA

11. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) hasil rundingan beliau dengan rakan sejawatnya di Australia mengenai Program Pertukaran untuk penuntut-penuntut universiti di kedua-dua negara;
- (b) sama ada Program ini tertumpu kepada penuntut-penuntut di peringkat pra-universiti;
- (c) sama ada Program ini hanya melibatkan kursus-kursus akademik universiti bagi tahun

pertama dan tahun kedua, jika ya, sebutkan bidang pengajian yang berkenaan; dan

- (d) sama ada semua bakal-bakal penuntut ke Universiti Australia pada masa akan datang adalah tertakluk kepada Program ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, (a) perbincangan saya dengan Menteri Pelajaran di Australia baru-baru ini tertumpu kepada soal untuk mendapatkan lebih banyak lagi tempat bagi pelajar-pelajar kita untuk mengikuti kursus-kursus terutama sekali sains dan kejuruteraan dan juga kursus-kursus profesional di peringkat ijazah di universiti-universiti Australia.

Soal kerjasama antara universiti-universiti tempatan (universiti kita) dengan universiti-universiti Australia juga telah pun ditimbulkan, dan hasil daripada perbincangannya itu ada keinginan daripada pihak Australia juga untuk mengadakan rancangan-rancangan seperti Rancangan Universiti Kembar (Twin University) dengan universiti-universiti kita. Dalam hal ini saya telah menyatakan hasrat untuk mengadakan juga kursus pra-universiti atau kursus matrikulasi dan kursus tahun pertama dan kedua bagi ijazah-ijazah universiti Australia. Nampaknya pihak Kementerian Pelajaran Australia dan juga pihak universiti yang ada di Australia yang saya berkesempatan mengadakan perbincangan dengan mereka telah juga menunjukkan minat terhadap cadangan kita ini.

Sebenarnya mengikut mereka ini adalah merupakan satu cadangan yang agak baru yang mereka belum temui lagi selama ini, dan dengan ini perlu dibincangkan dengan teliti terlebih dahulu.

Mereka seterusnya memberikan jaminan untuk meneruskan kerjasama

dengan Kerajaan kita dalam bidang pelajaran dan saya kira dengan adanya sikap untuk terus bekerjasama itu, maka insya Allah rancangan pelajaran tinggi bagi anak-anak kita di Australia itu akan dapat diperkemaskan lagi dengan cara yang lebih menjamin faedah dan keuntungan bagi mereka.

Berhubung dengan cadangan soalan b, c dan d itu, perkara ini tidak dibincangkan dalam perbincangan saya dengan Menteri Pelajaran itu.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan cadangan program universiti berkembar yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, apakah Kerajaan bercadang menambah lagi bilangan tempat di universiti-universiti tempatan selaras dengan program itu. Jika ya, apakah perancangan Kementerian Pelajaran?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan bahawa langkah-langkah bagi menambahkan lagi peluang-peluang untuk pelajaran pada peringkat universiti di Malaysia sedang diambil pada masa sekarang. Umpamanya, oleh sebab kita perlu kepada kursus kejuruteraan, maka 3 buah universiti telah dibenarkan untuk menubuhkan atau mengadakan kursus kejuruteraan iaitu Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Dan Universiti Sains Malaysia baru sahaja merasmikan pembukaan Fakulti Perubatannya di Kelantan dan di universiti-universiti yang lain sedang merancang bagi penubuhan kampus-kampus cawangan universiti-universiti itu. Jadi saya harap ini jelas menunjukkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa usaha untuk membanyakkan lagi tempat pelajaran tinggi di negara kita ini memanglah usaha yang dibuat masa sekarang, tetapi diharapkan Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa usaha kita hendak menambahkan

tempat-tempat itu ataupun peluang-peluang pelajaran di peringkat universiti itu banyak lagi perkara-perkara lain, masalah-masalah lain yang perlu diberi perhatian dan perlu diatasi.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, dalam lawatan Yang Berhormat Menteri ke Australia, suka saya bertanya sama ada Yang Berhormat Menteri ada peluang untuk berbincang dengan pemimpin di Australia mengenai masalah sekatan yang dikenakan ke atas pelajar-pelajar Malaysia yang ingin dan layak untuk melanjutkan pelajaran mereka di universiti-universiti Australia. Jika ya, apakah yang ada dibincang?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibincangkan itu sebenarnya bukan sekatan, sebenarnya tidak ada sekatan tetapi apa yang terdapat di Australia pada masa sekarang ialah peluang untuk mengikuti kursus-kursus profesional, seperti kejuruteraan, perubatan dan juga kursus-kursus profesional yang lain yang ada kaitan dengan accountancy, architecture dan sebagainya adalah sangat terhad pada masa sekarang, terutama di universiti-universiti yang terkemuka di Australia. Sebabnya ialah bilangan pelajar-pelajar Australia yang memohon untuk belajar di universiti-universiti ini telah meningkat dan antara sebab-sebabnya ialah situasi pekerjaan di Australia itu sendiri adalah kurang baik dan dengan itu anak-anak muda lebih suka meneruskan pelajaran mereka hingga ke universiti dan tidak berhenti dan mencari kerja sebagaimana biasa berlaku dalam tahun-tahun yang dahulu. Jadi, bila berlaku keadaan ini maka sudah semestinya nampaknya peluang-peluang itu diutamakan atau diberi kepada pelajar-pelajar Australia sendiri atas dasar keutamaan.

Bagi pelajar-pelajar kita pula, walaupun tempat-tempat di universiti-universiti yang terkemuka itu tidak mudah didapati seperti tahun-tahun dahulu, Kerajaan Australia telah mencadangkan supaya kita menghantar pelajar-pelajar ke universiti-universiti yang lain yang juga banyak di negara itu yang dahulunya kita tak pernah hantar pelajar-pelajar kita.

Saya telah meminta jaminan daripada Kerajaan Australia supaya mempastikan universiti-universiti yang lain itu, selain daripada universiti yang terkemuka yang lazimnya kita menghantar pelajar-pelajar selama ini, memberi jaminan bahawa universiti-universiti itu adalah tinggi mutu pelajarannya. Saya telah meminta supaya senarai universiti-universiti itu disampaikan kepada kita supaya dapat kita beri pertimbangan dan menentukan sama ada kita akan menghantar pelajar-pelajar ke universiti-universiti itu atau tidak.

SYARIKAT PELABURAN BER-SAMA MALAYSIA-JEPUN

12. Dr George Chan Hong Nam minta Perdana Menteri menyatakan jumlah bilangan/jenis syarikat Jepun atau syarikat-syarikat pelaburan bersama Malaysia-Jepun dalam Malaysia dan sama ada dari pelaburan tersebut negara kita telah benar-benar menikmati pemindahan teknologi, jika ya, nyatakan dari mana satu aspek atau bentuk seperti berikut yang negara kita telah mendapat faedah:

- (a) "design pattern, blue prints" dan bantuan teknikal;
- (b) mesin dan peralatan, termasuk "turnkey points" dan modal; dan
- (c) kemahiran dan latihan teknik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, jumlah syarikat-syarikat Jepun syarikat-syarikat pelaburan bersama Malaysia-Jepun dalam bidang pengilangan sehingga 30hb September, 1984 adalah sebanyak 176 buah. Selain daripada itu, terdapat sebanyak 35 buah syarikat Jepun syarikat usahasama Malaysia-Jepun yang melaksanakan projek-projek "turnkey", dengan izin, di negara ini.

Menyentuh tentang soal pemindahan teknologi, suka cita saya menyatakan bahawa negara kita memang memperolehi faedah yang sewajarnya hasil daripada projek usahasama yang telah jalankan selama ini.

Teknologi yang berhubung dengan design, pattern dan blue print, dengan izin, adalah merupakan harta perindustrian yang dimiliki oleh pelabur asing hasil dari usaha dan perbelanjaan penyelidikan mereka. Walau bagaimanapun, sebagai rakan usahasama, kita dibenarkan menggunakan melalui perjanjian teknikal.

Perkara yang sama juga berlaku dari segi mesin dan peralatan di mana kita boleh mempelajari atau diajar cara-cara menggunakan peralatan jentera baru, terutamanya dalam kontrak-kontrak "turnkey", dengan izin.

Dari segi kemahiran dan latihan teknik pula, perkara ini sentiasa diberikan perhatian yang utama sebelum perjanjian usahasama ditandatangani. Latihan-latihan tersebut adalah meliputi latihan secara formal di luar dan dalam negeri serta latihan sambil kerja bagi menyesuaikan kemahiran pekerja dengan keperluan syarikat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa terdapat banyak jurutera-jurutera

daripada universiti-universiti tempatan itu tidak dapat kerja kerana ada projek-projek seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Adakah Yang Berhormat percaya bahawa jurutera-jurutera lepasan universiti tempatan ini ada mempunyai kemahiran juga, dan kalau mereka tidak diberi peluang, bagaimana hendak kita memindahkan teknologi ini?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar terdapatnya jurutera-jurutera kita yang keluar daripada universiti tempatan sehingga tak ada kerja. Mungkin perkara yang berkaitan dengan ini ialah dari segi bila masa dia mendapat kerja selepas kelulusannya. Yang kedua, mungkin juga dari segi pemilihan jurutera-jurutera ini hendak bekerja sama ada dengan Kerajaan ataupun mereka yang tidak mahu bekerja dengan Kerajaan hendak memasuki pusat-pusat atau kilang-kilang swasta. Dari segi tidak mendapat kerja ini tidak timbul oleh kerana mengikut 'projection', dengan izin, keperluan tenaga kita masih lagi memerlukan jurutera-jurutera yang boleh bertugas dalam negara kita sekarang ini.

KLINIK DESA DI NANGA KUMPANG—PEMBINAAN

13. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk membina sebuah Klinik Desa di Nanga Kumpang di Daerah Lubok Antu; dan
- (b) adakah Kementerian sedar bahawa ramainya penduduk-penduduk di kawasan itu dan ketidakadaan jalan-jalan raya.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Kesihatan belum ada cadangan untuk membina sebuah klinik desa di Nanga Kumpang dalam jangka masa Rancangan Malaysia Keempat oleh kerana jumlah penduduk adalah kurang dari 1,500 orang.

Sebuah klinik desa telah pun ada di sebuah pekan yang berhampiran dengan Nanga Kumpang, iaitu Pekan Engkilili. Selain dari itu, Nanga Kumpang juga dilawati oleh klinik bergerak daripada Engkilili.

TENAGA KERJA SEKTOR LADANG—KEKURANGAN

14. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Buruh menyatakan jumlah kekurangan tenaga kerja di sektor ladang. Memandangkan upah yang rendah menjadi punca utama bagaimanakah caranya Kerajaan bercadang mengatasi masalah kekurangan ini dan apakah rancangan Kementerian untuk membantu 60,000 pekerja Malaysia di Singapura yang terpaksa pulang ke tanahair akibat dasar Kerajaan Singapura.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu adalah dalam 3 bahagian.

Jawapan kepada bahagian (iii), iaitu mengenai pengembalian pekerja-pekerja Malaysia yang sedang bekerja di Singapura telah pun diberi semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Lumut pada 15hb Oktober, 1984.

Saya akan teruskan menjawab mengenai bahagian (i) dan (ii) pertanyaan itu. Kekurangan tenaga pekerja di sektor perladangan telah dianggarkan sebanyak 45,000 orang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kadar upah yang rendah merupakan hanya salah satu dari

sebab-sebab wujudnya kekurangan itu. Lain-lain sebab adalah seperti berikut:

- (i) peningkatan taraf pelajaran yang terdapat di kalangan belia-belia pada masa ini menyebabkan mereka bersikap memilih kerja;
- (ii) kedudukan terpencil dan kemudahan-kemudahan sosial yang tidak mencukupi di ladang-ladang;
- (iii) kemajuan yang pesat dalam sektor perindustrian menyebabkan penghijrahan belia-belia ke bandar dan ini merupakan kejadian biasa dalam negara-negara yang sedang membangun;
- (iv) penarikan pekerjaan di sektor perindustrian yang mana kebiasaannya berpusat di bandar-bandar;
- (v) kepercayaan bahawa pekerjaan di ladang-ladang tidak memberi peluang untuk meningkat lebih maju dan sebagai pekerja-pekerja ladang akan dipandang rendah oleh masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah dan sedang mengambil langkah-langkah berikut untuk mengatasi masalah tersebut:

- (i) membaiki keadaan penghidupan di ladang-ladang dengan memperuntukkan kemudahan-kemudahan yang lebih baik seperti perumahan, sekolah-sekolah, bekalan air, elektrik, peraturan kesihatan yang baik, padang-padang permainan dan pelbagai kemudahan yang lain;
- (ii) mengecualikan penduduk-penduduk tetap yang bukan warganegara Malaysia dari peraturan mendapatkan permit

kerja untuk bekerja di ladang-ladang. Pengecualian ini telah berkuatkuasa sejak 17-3-1983;

- (iii) menanamkan kepercayaan bahawa pekerjaan di ladang-ladang tidak dipandang rendah oleh masyarakat;
- (iv) mengambil masuk buruh asing yang sanggup bekerja di ladang-ladang secara kontrak untuk menampung kekurangan tenaga pekerja-pekerja. Walau bagaimanapun langkah ini merupakan tindakan sementara sahaja.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan mengenai penguatkuasaan peraturan memberi kemudahan asas di ladang-ladang seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Soalannya bagaimana jika sekiranya pemilik-pemilik ladang tak mahu mengikut arahan, peraturan mengenai peningkatan kemudahan-kemudahan asas di ladang-ladang. Apa tindakan yang boleh dijalani oleh pihak Kementerian terhadap pemilik-pemilik ladang tersebut, jika sekiranya pemilik-pemilik ladang ini mengabaikan penguatkuasaan peraturan itu tadi.

Timbalan Yang di-Pertua: Nasib baik ada tambahan, apa tindakan, kalau bermula daripada bagaimana, apa, sekiranya, itu hypothetical.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang mempunyai satu undang-undang yang bernama Akta (Piawaian Minima Perumahan) Pekerja. Di bawah Akta ini ada ditetapkan syarat-syarat dan peruntukan-peruntukan di mana majikan boleh diwajibkan memberi peruntukan-peruntukan mengikut undang-undang itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Liang Seng.

(Soalan No.15 Y.B. Tuan Lim Liang Seng tidak hadir).

PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB)—PENUBUHAN

16. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan jumlah wang yang telah disalurkan kepada Permodalan Nasional Berhad oleh Kerajaan sejak pembentukannya dan sama ada jumlah tersebut dibayar balik. Apakah syarikat-syarikat yang telah diambilalih oleh Permodalan Nasional Berhad. Adakah penyusunan semula berlaku pada tahun ini. Jika ya, apakah penyusunan tersebut. Adakah langkah-langkah berkesan untuk menjamin bahawa kekurangan disiplin kewangan sebagaimana yang terdapat dalam skandal BMF tidak berlaku dalam pengurusan PNB. Jika ya, apakah langkah-langkah tersebut.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, sejak penubuhan Permodalan Nasional Berhad (PNB), Yayasan Pelaburan Bumiputera yang ditubuhkan oleh Kerajaan dan memiliki PNB telah mengeluarkan pinjaman sebanyak \$3.3 ribu juta kepada PNB bagi aktiviti pelaburannya. Jumlah ini belum lagi dibayar balik.

PNB telah mengambilalih sebanyak 2 buah syarikat dari pasaran terbuka iaitu:

- (a) Guthrie Corporation Ltd.
- (b) Harrison Malaysia Estates Ltd., dengan izin.

Di samping itu sejumlah 34 syarikat Kerajaan telah juga dipindahkan kepada PNB di bawah Skim Pemindahan Syarikat Milikan Kerajaan kepada PNB.

Pada tahun ini, di antara syarikat-syarikat PNB hanya Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBPM) dan Malayan Banking Berhad yang telah

menyusun semula ekuitinya yang melibatkan PNB menjual pegangannya sebanyak 86.73% daripada modal saham dalam BBMB kepada PETRONAS dan membeli 30% ekuiti Malayan Banking Berhad. Berikutnya dengan penyusunan semula ini, PNB tiada lagi mempunyai pelaburan dalam BBMB dan penguasaannya dalam Malayan Banking Berhad meningkat kepada 50% (termasuk 20% melalui Skim Amanah Saham Nasional).

Langkah-langkah yang diambil oleh PNB untuk menjamin terdapatnya disiplin kewangan dalam pengurusannya ialah:

- (a) Pengawasan audit yang rapi dan kerap. Ini termasuk juga Audit Pengurusan Dalaman, dengan izin, (International Management Audit);
- (b) Pengawasan oleh Lembaga Pengarah yang bermesyuarat sekurang-kurangnya 8 kali setahun untuk mengkaji dan menentukan operasi PNB;
- (c) Perlantikan calon-calon yang sesuai bagi menjadi Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif yang rapat memberi pimpinan yang berkesan kepada badan-badan ini;
- (d) Pengawasan oleh Yayasan Pelaburan Bumiputra yang sentiasa meneliti segala kemajuan dan laporan operasi PNB; dan
- (e) Kaitangan dan pihak pengurusan PNB sendiri yang terdiri daripada golongan profesional yang berkaliber tinggi. Mereka juga sentiasa diingatkan supaya berkerja dengan berpegang teguh kepada prinsip "Bersih, Cekap dan Amanah".

Timbalan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 4, 7, 8, 10, 15 dan 17 hingga 24 adalah diberi di bawah ini).

ORANG TUA DI RUMAH ORANG-ORANG TUA

2. Tuan Ban Hon Keong minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) bilangan orang-orang tua yang tinggal di Rumah Orang-orang Tua dan jumlah peruntukan yang ditetapkan kepada mereka setiap tahun dan adakah menimbangkan menambah peruntukan tersebut;
- (b) sama ada beliau akan menimbangkan memberi kemudahan-kemudahan awam kepada mereka; dan
- (c) adakah beliau menimbangkan memberi faedah pendidikan kepada orang-orang tua yang berumur di antara 50 hingga 60 tahun, yang berhasrat melanjutkan pelajaran mereka di kolej-kolej dan universiti-universiti di mana mereka dapat mencapai cita-cita mereka yang tidak dapat dicapai bila mereka masih muda oleh kerana kewajipan kepada keluarga mereka dan lagipun, seseorang yang tua bukan hanya menunggu masa untuk mati sahaja, tetapi dapat mempergunakan masa mereka dengan membuat sesuatu yang berfaedah.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Haji Abu Hasan bin Omar):

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat Rumah Orang Tua

ada yang diuruskan oleh Kerajaan dan ada yang diuruskan oleh Persatuan Kebajikan Sukarela. Bilangan orang tua yang tinggal di Rumah Orang Tua yang diuruskan oleh Kerajaan adalah seramai 2,490 orang dan bilangan yang tinggal di Rumah Orang Tua yang diuruskan oleh Persatuan Kebajikan Sukarela adalah seramai 1,743 orang. Peruntukan yang disediakan bagi mengendalikan Rumah Orang Tua Kerajaan dalam tahun 1984 adalah sebanyak \$5,086,800 dan Persatuan Kebajikan Sukarela diberi geran sebanyak \$989,040 oleh Kerajaan untuk mengandalikan Rumah Orang Tua yang di bawah jagaan mereka. Tambahan peruntukan akan ditimbangkan jika perlu tetapi Kerajaan tidak dapat membantu Persatuan Kebajikan Sukarela dengan sepenuhnya dan mereka diharap mendapat sumber kewangan dari kutipan derma dan lain-lain rancangan. Adalah menjadi hasrat dan dasar Kerajaan untuk melibatkan serta mempertingkatkan penyertaan orang ramai dalam hal-ehwal kebajikan masyarakat.

- (b) Semua orang tua di Rumah Orang Tua dikelolakan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat mendapat kemudahan-kemudahan awam yang cukup. Bagi Rumah Orang Tua yang diuruskan oleh Persatuan Kebajikan Sukarela, kemudahan-kemudahan awam yang diberi itu bergantung kepada keupayaan Persatuan yang berkenaan.
- (c) Setakat ini belum ada orang tua yang berumur di antara 50 hingga 60 tahun memohon

bantuan untuk melanjutkan pelajaran mereka dan sekiranya terdapat calon-calon yang layak, bantuan akan dipertimbangkan jika perlu.

PERSEMPADANAN PILIHANRAYA NEGERI/PARLIMEN

4. **Tuan Seow Hun Khim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar tentang berat sebelahnya pembahagian semula kawasan-kawasan pilihanraya di Negeri Pulau Pinang di mana bilangan pengundi Pulau Pinang adalah melebihi Seberang Perai seramai 45 ribu orang pengundi tetapi Pulau Pinang cuma diperuntukkan 5 kawasan Parlimen manakala Seberang Perai 6 kawasan Parlimen dan apa yang kurang difahamkan ialah di antara 6 kawasan Parlimen di Seberang Perai, dua kawasan di dapat mempunyai lebih kurang 29 ribu orang sahaja di setiap kawasan itu dan apakah tindakan pembetulan akan diambil.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Memandangkan laporan ulangkaji dan persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah akan dibentangkan dalam sidang Dewan Rakyat pada 6 Disember yang akan datang, maka Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam bolehlah membangkitkan perkara tersebut semasa laporan yang berkenaan pada 6 haribulan Disember ini.

KAWALAN PERTUKARAN WANG

7. **Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) manakah lebih banyak peratus wang-wang Negara Malaysia yang keluar ke Negara Asing berbanding dengan jumlah

wang-wang dari Negara Asing yang masuk tumpah ke Negara Malaysia;

- (b) berapa banyakkah hitungan secara kasar wang-wang Malaysia tumpah masuk ke Negara Singapura jumlah kasar dalam setahun, dan berapakah pula kemasukan wang-wang Singapura masuk tumpah ke Malaysia; dan berapa anggaran kasar wang Malaysia tumpah ke Singapura sekurang-kurangnya tiap-tiap hari; dan berapakah pula anggaran kasar wang-wang Malaysia masuk tumpah ke Thailand jumlah dalam setahun, dan berapakah jumlah wang Thailand masuk tumpah ke Malaysia; dan
- (c) Jika jumlah kasar wang-wang Malaysia lebih banyak yang keluar berbanding dengan yang masuk ke Negara Malaysia maka apakah sebabnya.

Dato Sabbaruddin Chik:

- (a) Sistem ekonomi negara kita adalah satu sistem ekonomi terbuka dan kawalan pertukaran wang adalah liberal. Oleh itu wang dapat keluar dan masuk dengan bebas. Pada tahun 1981 hingga 1983 semasa ekonomi negara mengalami kemelesetan, pendapatan negara dari eksport telah terjejas. Sementara bayaran terhadap import telah bertambah. Oleh itu urusniaga-urusniaga Malaysia dengan negara-negara lain telah menunjukkan keadaan aliran keluar bersih yang lebih menguntungkan negara asing. Walau bagaimanapun keadaan ini tidaklah membawa kesan-kesan yang kurang baik kepada cadangan Bank Negara atau "reserves". Pada akhir bulan September 1984 yang lalu simpanan luar Bank Negara

alah berjumlah sebanyak \$10.2 ribu juta. Jumlah ini adalah cukup untuk membiayai kira-kira empat bulan import tertangguh pada paras masa kini.

- (b) Berdasarkan kepada urusniaga-urusniaga melalui bank-bank perdagangan, aliran masuk wang dari Singapura ke Malaysia untuk tujuan akaun semasa dan modal bernilai kira-kira \$9,730 juta dalam tahun 1983, atau secara purata sebanyak \$26.7 juta sehari. Pada masa yang sama, aliran keluar wang dari Malaysia ke Singapura untuk perdagangan dan lain-lain pembayaran berjumlah sebanyak \$11,030 juta atau secara purata, \$30.2 juta sehari. Pada keseluruhannya, terdapat aliran keluar wang bersih dari Malaysia ke Singapura sebanyak kira-kira \$1,300 juta dalam tahun 1983 atau \$3.5 juta sehari.

Berdasarkan kepada urusniaga-urusniaga perdagangan di antara Malaysia dengan negeri Thai, imbangan perdagangan lebih menguntungkan negeri Thai, dan telah menyebabkan aliran keluar wang dari Malaysia ke negeri Thai sebanyak \$287 juta dalam tahun 1980, \$456 juta dalam tahun 1981 dan \$27 juta dalam tahun 1982. Walau bagaimanapun dalam tahun 1983, imbangan perdagangan telah menguntungkan Malaysia pula. Malaysia telah mencatitkan lebihan perdagangan dengan negeri Thai sebanyak \$418 juta, disebabkan oleh peningkatan import-import petroleum mentah, minyak kelapa sawit dan kayu balak oleh negeri Thai.

(c) Pada keseluruhannya jumlah aliran keluar wang bagi negara kita dalam tiga tahun yang lepas adalah disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia yang berpanjangan yang telah mengurangkan permintaan dunia bagi barang-barangan dan seterusnya menjelaskan pendapatan eksport negara kita. Sebaliknya negara kita terus mengekalkan aktiviti-aktiviti pembangunan yang melibatkan penambahan import terutama sekali alat-alat jentera dan pengangkutan. Akibatnya akaun dagangan tidak dapat mencapai lebihan seperti tahun-tahun sebelum kemelesetan ekonomi negara yang lalu malah mengalami kurangan. Ini bersama-sama dengan kurangan yang sentiasa dialami dalam akaun perkhidmatan telah menyebabkan kemerosotan yang nyata dalam akaun semasa.

Walau bagaimanapun, aliran masuk modal ke dalam negeri masih memuaskan dan telah membantu mengurangkan sebahagian daripada aliran wang keluar. Sebahagian besar daripada aliran masuk modal ini merupakan pelaburan modal asing dan pinjaman dari luar negeri.

Bagi tahun 1984 adalah dijangka akaun semasaimbangan pembayaran dapat menghasilkan kurangan yang lebih rendah sebanyak \$5.2 ribu juta. Adalah diharap dengan pemulihan ekonomi dunia, permintaan luar negeri bagi barang negara akan bertambah dan kita akan dapat mencapai lebihan akaun perdagangan yang lebih tinggi pada tahun 1985. Dengan tindakan tegas yang diambil

oleh Kerajaan untuk memperkuatkannya lagi kedudukan kewangan sektor awam dan jugaimbangan pembayaran, kurangan dalam akaun semasa,imbangan pembayaran akan dapat dikurangkan lagi dalam tahun 1985.

JENAYAH DI TEMPAT AWAM

8. Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, memandangkan bahawa kejadian jenayah di tempat-tempat awam kebelakangan ini semakin menjadi-jadi dan membimbangkan orang ramai:

- (a) adakah jenayah-jenayah ini merupakan strategi komunis menakut-nakutkan orang ramai; dan
- (b) apakah langkah-langkah keselamatan yang lebih ketat oleh Kementerian Dalam Negeri.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Kementerian ini sedar peningkatan jenayah memang ketara di masa kebelakangan ini. Namun begitu peningkatan ini bukanlah satu strategi komunis untuk menakut-nakutkan orang ramai, malah dari semua laporan kejadian jenayah seluruh negara tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan adanya penglibatan komunis.

Untuk membentera peningkatan kejadian-kejadian jenayah ini kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang tertentu. Antara langkah-langkah jangka pendek yang diambil itu ialah seperti:

- (i) Menambah anggota-anggota polis untuk meronda di kawasan yang kritis serta melancarkan operasi-operasi

seperti Operasi BENTERAS I dan II, Operasi RODA I, Operasi BERKAS, Operasi BERSIH dan Operasi SAPU.

- (ii) Mengambil tindakan tegas ke atas pengedar dan penagih dadah yang diketahui terlibat dalam kejadian jenayah.
- (iii) Mengatakan kawalan di kawasan perairan dan sempadan untuk mencegah penyeludupan.

Di samping langkah-langkah jangka pendek tersebut beberapa langkah jangka panjang juga diadakan yang antaranya termasuklah:

- (i) Mengadakan kempen mencegah jenayah ke seluruh negara untuk menyedarkan orang ramai supaya berhati-hati terhadap keselamatan diri dan harta benda.
- (ii) Mengadakan dialog dengan pengurus-pengurus kedai-kedai emas, bank-bank dan syarikat-syarikat dengan memberi nasihat tentang cara-cara mencegah jenayah.
- (iii) Mendapatkan kerjasama yang lebih erat dari Rukun Tetangga, Rela dan Badan-badan Awam lain untuk membantu polis dalam usaha membentera jenayah.
- (iv) Menambah alat-alat perhubungan polis seperti di kenderaan-kenderaan kecil bagi tujuan rondaan.

GURU-GURU MELETAKKAN JAWATAN

10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab utama yang mendorong guru-guru memohon

meletakkan jawatan ketika mereka berumur 50 tahun, dan nyatakan;

- (a) berapa ramaikah mereka itu yang meletakkan jawatan dalam tahun 1981, 1982, 1983 dan 6 bulan pertama tahun 1984;
- (b) sejauh manakah keupayaan Kementerian dapat menampung kekosongan itu;
- (c) berapa peratuskah purata permohonan yang diluluskan tiap-tiap tahun;
- (d) masalah yang timbul dari perlentakan jawatan yang tersebut dan langkah mengatasinya.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod di Kementerian ini, hanya seorang sahaja yang telah meletakkan jawatan ketika berumur 50 tahun iaitu dalam tahun 1982. Beliau telah meletakkan jawatan untuk masuk bertanding dalam pilihanraya dalam tahun tersebut.
- (b) Kementerian tidak ada masalah bagi menampung kekosongan itu.
- (c) Oleh kerana hanya ada seorang sahaja yang meletakkan jawatan maka tidaklah perlu diberikan peratusnya.
- (d) Tidak ada masalah yang timbul. Jawatan tersebut telah pun diisi dengan pegawai lain.

PROJEK PELANCONGAN

15. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah projek-projek perancangan yang telah diluluskan dan yang sedang diusahakan oleh Kerajaan untuk mencapai matlamat menjadikan

Malaysia satu destinasi pelancongan yang utama di dunia dan rantau dunia di sebelah sini.

Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah: Perancangan beberapa projek pelancongan telah diluluskan oleh Kerajaan untuk dilaksanakan sebagai usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan yang utama.

Di Pulau Langkawi, satu rancangan besar-besaran sedang diusahakan oleh pihak swasta untuk memajukan kawasan Tg. Rhu sebagai pusat pelancongan. Beberapa buah hotel bertaraf antarabangsa beserta kemudahan-kemudahan bagi para pelancong akan dibina.

Selain dari itu, Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia sedang mengambil langkah-langkah untuk membesarluarkan Hotel Langkawi Country Club dengan menambah sebanyak lebih kurang 100 buah bilik lagi. Projek ini dijangka siap pada awal tahun 1986.

Program pengindahan Bandar Kuah dijalankan untuk mengwastakan tidak lama lagi. Kesemua projek ini apabila siap dilaksanakan akan menempatkan Pulau Langkawi sebagai sebuah destinasi pelancongan yang terkemuka.

Usaha-usaha juga sedang giat dijalankan untuk mengwastakan kompleks pelancongan Desaru di Johor untuk meninggikan mutu perkhidmatan serta menambah kemudahan-kemudahan supaya dapat menarik para pelancongan datang mengunjungi tempat tersebut dengan lebih ramai.

Di Sarawak pula Perbadanan Kemajuan Ekonomi sedang membina sebuah kompleks pelancongan di Teluk Bandung. Projek ini juga akan mengandungi hotel bertaraf

antarabangsa serta kemudahan-kemudahan untuk para pelancong dan dijangka siap pada tahun 1985.

Pada masa yang sama galakan pelaburan bagi perusahaan hotel sedang dikaji semula untuk membolehkan hotel-hotel kelas ekonomi penerima galakan bagi menampung keperluan pelancongan dalam negeri dan mereka yang berpendapatan sederhana melawat tempat-tempat pelancongan di negara ini.

Bagi memperkenalkan Malaysia di luar negeri usaha-usaha pemasaran dan penggalakan sedang giat dijalankan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia.

Selain dari mengedarkan risalah-risalah mengenai Malaysia, misi-misi penggalakan juga dihantar ke negara-negara tertentu di mana pihak Kerajaan dan pihak swasta bersama-sama memperkenalkan negara ini kepada bakal-bakal pelancong di negara-negara tersebut. Pejabat-pejabat Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia di luar negeri juga sentiasa menjalankan usaha-usaha penggalakan untuk menarik lebih ramai para pelancong melawat Malaysia.

JEMAAH HAJI TERKANDAS DI MAKKAH

17. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan apakah terdapat jemaah-jemaah haji dari Malaysia yang terkandas di Makkah yang pergi menunaikan fardhu haji menerusi pihak swasta tidak Tabung Haji baru-baru ini dan sekiranya ada, kenapakah berlaku demikian dan apakah sumbangan yang telah diberikan oleh pihak Tabung Haji bagi mengatasi kesulitan ini.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:

Pada tahun ini, terdapat satu kumpulan Jemaah Haji yang pergi ke Tanah Suci secara bersendirian, iaitu dengan tidak menerusi Tabung Haji, yang telah terkandas selama kira-kira 24 jam apabila mereka tiba di Makkah.

Kumpulan itu, seramai 354 orang dari Negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak, Pahang, Terengganu dan Kelantan telah tiba di Makkah pada 23hb Ogos dan telah ditahan oleh pihak Muassasah Asia Tenggara kerana kumpulan itu hendak mengatur sendiri tempat menginapnya di beberapa buah bangunan di Makkah yang telah disewa lebih awal lagi.

Mengikut laporan kumpulan itu enggan mengikut peraturan Muassasah dan menjelaskan bayaran-bayaran kepadanya tetapi setelah pihak Muassasah mendesak mereka telah menjelaskan bayaran-bayaran yang dituntut dan menunaikan fardhu haji mengikut Sistem Muassasah sama seperti Jemaah Haji yang menunaikan fardhu haji melalui Tabung Haji.

Perkara itu telah berlaku kerana kumpulan tersebut tidak memahami sepenuhnya Peraturan Haji Arab Saudi.

Memandangkan masalah kumpulan tersebut telah di angkat hanya kepada pihak TYT Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi, Jeddah dan tidak kepada Tabung Haji, maka Tabung Haji tidak mengambil apa-apa tindakan dalam perkara ini.

**PENDATANG HARAM
INDONESIA**

18. Dr Chen Man Hin minta Menteri Dalam Negeri supaya bersedar akan laporan-laporan mengenai pendaratan secara berterusan pendatang-haram Indonesia di pantai barat Semenanjung Malaysia yang

bererti bahawa pengawasan imigresen waktu kini adalah kurang mencukupi.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:

Untuk makluman Dewan yang mulia, saya telah menjawab beberapa kali soalan-soalan yang mempunyai maksud sama dengan soalan ini dan saya tidak bercadang untuk menambah atau mengemukakan apa-apa makluman lain.

**KEWARGANEGARAAN
MALAYSIA YANG
DILUCUTKAN**

19. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) angka-angka pecahan bagi berbagai kesalahan yang telah dilakukan oleh kira-kira 7,000 rakyat Malaysia yang mana kewarganegaraan mereka sedang dibatalkan;
- (b) mengapa tindakan keras seperti ini diambil terhadap sebilangan besar orang sedangkan dalam pentadbiran Kerajaan dahulu dan juga dalam masa gerakan-gerakan Komunis yang hebat dahulu, tindakan-tindakan seumpama ini hanya diambil terhadap 17,097 orang warganegara semenjak kemerdekaan atau dalam perkataan yang lain, dalam masa tempoh 27 tahun;
- (c) tempoh masa di mana kira-kira 7,000 kesalahan tersebut telah dilakukan; dan
- (d) sama ada pihak Kerajaan akan menimbang semula kes-kes mereka yang telah menyeberangi sempadan ke China tanpa kuasa yang sah kerana walaupun kesalahan-kesalahan mereka adalah serius tetapi tidaklah sehingga mengambil langkah yang keras

dan muktamad dengan membatalkan kewarganegaraan mereka.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:

- (a) Kementerian Dalam Negeri pada masa ini, tidak dapat memberi angka-angka mengikut pecahan kesalahan dilakukan oleh 6,690 warganegara Malaysia yang taraf kewarganegaraan Malaysia mereka akan dilucutkan kerana semua kes ini sedang disiasat dan dikaji dengan teliti sebelum keputusan muktamad dibuat.
- (b) Tindakan Kerajaan tidaklah keras tetapi ia adalah tegas dan berasaskan kepada peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Perlembagaan serta tidak dipengaruhi oleh lain-lain faktor.
- (c) Adalah sukar untuk dibuat penentuan tempoh masa yang tepat kerana kes-kes mereka masih dalam kajian dan siasatan rapi.
- (d) Kerajaan tetap akan menguatkuasakan peruntukan-peruntukan seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia bagi melucutkan taraf kewarganegaraan mereka yang terlibat ini. Dalam pada itu warganegara Malaysia yang berkenaan boleh menggunakan hak mereka seperti terkandung dalam Perlembagaan.

**TRAGEDI KAPAL KOREK
DI PUCHONG**

- 20. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan supaya tragedi kapal korek terbalik yang berlaku di Puchong baru-baru ini tidak akan berulang lagi.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Siong): Soalan ini adalah sama seperti soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang dan Kuala Lumpur Bandar, dan saya telah pun menjawabnya di Dewan Yang Mulia ini pada 8hb dan 17hb Oktober, 1984.

**BANGUNAN SEKOLAH RENDAH
CHUNG HUA No. 3**

- 21. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kerajaan bercadang membuat peruntukan sebanyak \$2.7 juta yang dikehendaki untuk pembinaan semula bangunan usang Sekolah Rendah Chung Hua No. 3 di Kuching kerana bangunan buatan kayu itu sekarang adalah berusia berdekad-dekad tahun dan tidak memberi enviromen yang sihat bagi pelajar-pelajar.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Dalam jawapan saya terhadap soalan tambahan oleh Yang Berhormat pada 27hb November saya telah pun memberi jawapan yang sama. Walau bagaimanapun, untuk menjawab soalan Yang Berhormat, saya akan mengulangi jawapan saya sekali lagi. Kementerian Pelajaran sedar SRJK(C) Chung Hua No. 3 di Kuching memang perlu diperbaiki atau dibina semula. Akan tetapi Pejabat Pelajaran Sarawak cuma menerima peruntukan sebanyak \$2.8 juta sahaja bagi tahun ini. Maka tindakan memperuntukkan kesemua \$2.7 juta itu kepada sebuah sekolah adalah mustahil. Walau bagaimanapun, Pejabat Pelajaran Negeri Sarawak telah bersetuju memperuntukkan \$150,000 kepada sekolah tersebut itu dalam tiga peringkat, iaitu sebanyak \$50,000 akan diperuntukkan dalam jangka masa tiga tahun sepertimana yang saya telah sebutkan. Lembaga Pengurus Sekolah belum memberi jawapan

sama ada ianya akan menerima cadangan Pejabat Pelajaran Negeri Sarawak ini atau tidak.

Walau bagaimana, apabila ekonomi negara mengizinkan, Kementerian Pelajaran akan menyemak semula permohonan tersebut itu.

PERNAS—BARANG-BARANG YANG DIIMPORT

22. Tuan Chan Kok Kit minta Perdana Menteri menyatakan sama ada komisyen sebanyak $\frac{1}{2}$ peratus yang dikenakan oleh PERNAS ke atas barang-barang yang diimport daripada Republik Rakyat China akan dibatalkan; jika ya, beri butir-butir lanjut; jika tidak, mengapa.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Kerajaan tidak bercadang untuk membatalkan komisyen sebanyak $\frac{1}{2}$ peratus yang dikenakan ke atas barang-barang yang diimport daripada Republik Rakyat China.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hubungan diplomatik Malaysia dengan Republik Rakyat China adalah dipelopori oleh hubungan niaga terlebih dahulu. Satu memorandum telah ditandatangani pada Mei 1971 di mana dagangan terus dua hala telah dipersetujui. PERNAS sebagai sebuah agensi milikan penuh Kerajaan telah diberi tanggungjawab untuk menentukan serta menggalakkan dagangan terus semua barang Republik Rakyat China dan ini dikendalikan melalui perlesenan.

Komisen $\frac{1}{2}$ peratus yang dikenakan itu adalah untuk membiayai kerja-kerja yang bersangkutan paut dengan dasar untuk

melaksanakan dagangan terus itu. Kerja-kerja itu termasuk menganjur rombongan ke Canton dan ke bandar-bandar lain di Republik Rakyat China, memproses permohonan-permohonan lesen import serta menjadi penganjur kepada lawatan yang dibuat oleh Perbadanan Republik Rakyat China ke Malaysia. Kerja-kerja tersebut perlu diteruskan untuk menentukan perdagangan dua hala ini berjalan dengan teratur dan lancar dan oleh yang demikian, komisyen $\frac{1}{2}$ peratus yang dikenakan perlu diteruskan.

KAWALAN KEWANGAN OFF-BUDGET AGENCIES

23. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan "Off-Budget Agencies" serta jumlah pelaburan, pendapatan dan perbelanjaan tahunan mereka pada tempoh 1980-1983 dan langkah-langkah kawalan kewangan yang sedia ada berhubung dengan "public accountability" mereka adalah memuaskan, jika tidak, apakah langkah-langkah pembetulan atau pendekatan-pendekatan baru yang diambil?

Dato Sabbaruddin Chik: Jawapan saya adalah sama seperti yang telah diberikan dalam Dewan ini pada 2hb November, 1984 kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ingin saya menambah bahawa pada masa ini terdapat 13 buah agensi utama yang disenaraikan dibawah kategori OBA. Kedudukan jumlah pelaburan, perbelanjaan dan pendapatan bagi 13 buah agensi-agensi utama ini adalah seperti berikut:

Jumlah Tahun	\$ Juta			
	1980	1981	1982	1983
(i) Pelaburan	1,426.7	2,138.8	3,297.8	3,478.4
(ii) Perbelanjaan	1,202.1	1,630.2	1,873.4	2,119.5
(iii) Pendapatan	4,702.1	5,820.6	6,086.4	6,784.0

**PERKHIDMATAN PARLIMEN—
KENAIKAN PANGKAT**

24. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Perdana Menteri menyatakan bilangan pegawai-pegawai dan kakitangan dari semua kategori dalam Perkhidmatan Parlimen yang telah berkhidmat lebih daripada sepuluh tahun yang telah dinaikkan pangkat semenjak tahun 1974 hingga sekarang dan apakah tindakan yang diambil untuk membuka ruangan kenaikan pangkat agar mereka yang telah lama berkhidmat dan tidak dapat naik pangkat tidak akan merasa kecewa dan berapa peratuskah yang telah dinaikkan pangkat.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Bilangan pegawai dan kakitangan dari semua kategori dalam Perkhidmatan Parlimen yang telah berkhidmat lebih daripada sepuluh tahun dan telah dinaikkan pangkat sejak tahun 1974 hingga sekarang adalah seramai 9 orang seperti berikut:

(i)	Kategori	A	—	3	orang
(ii)	"	B	—	2	"
(iii)	"	C	—	3	"
(iv)	"	D	—	1	"
			—	9	orang

Mengikut peratus dari jumlah seramai 164 orang pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Parlimen yang telah dinaikkan pangkat ialah 5.48%. Tindakan dan usaha telah dan sentiasa diambil untuk membuka peluang bagi pegawai-pegawai dan kakitangan yang mempunyai dedikasi dan inisiatif untuk memperbaiki kedudukan mereka dalam Perkhidmatan Parlimen.

**RANG-UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG
PERIKANAN**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta berhubung dengan perikanan termasuk pemuliharaan, pengurusan dan pemajuan penangkapan ikan dan perikanan kedak laut dan muara di perairan perikanan Malaysia, penangkapan ikan di sungai dalam Malaysia dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya atau yang bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

USUL-USUL

AKTA KASTAM, 1967

3.38 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan oleh seksyen kecil (2) dalam seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20) 1984;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21) 1984;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 22) 1984;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23) 1984;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 24) 1984;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 25) 1984;

- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 26) 1984;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 27) 1984;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28) 1984;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 29) 1984;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 30) 1984;
- (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 31) 1984;
- (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 36) 1984,

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 158, 159, 160, 161, 162, 163, 164, 165, 166, 167, 168, 169 dan 152 tahun 1984 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20) 1984 adalah bertujuan untuk menaikkan duti import ke atas simen daripada \$15.03 sen kepada 50% *ad valorem* atau \$80 se tan yang mana lebih tinggi bagi Semenanjung Malaysia sahaja. Langkah ini diambil bagi maksud memberi perlindungan kepada pengusaha-pengusaha simen tempatan di Semenanjung Malaysia.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21) 1984 bertujuan untuk menghapuskan duti import sebanyak 5% ke atas filem-filem yang belum diproses. Tindakan ini adalah untuk menyamakan kedudukan filem-filem yang belum diproses ini dengan filem-filem yang telah diproses.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 22) 1984 adalah dibuat dengan tujuan untuk mengekalkan "margin of preference" dengan izin, yang perlu diberi oleh Malaysia kepada negara-negara Australia dan New Zealand mengikut perjanjian-perjanjian perdagangan yang dimeterikan oleh Malaysia dengan negara-negara berkenaan. Bagi tujuan untuk memberikan perlindungan tarif

kepada pengeluar tempatan yang mengeluarkan bahan "bi-excel oriented poly propelin Film" dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Kod tarif bahan ini adalah disusun semula dan duti ke atasnya dinaikkan di bawah Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23) 1984. Dengan langkah tersebut adalah diharapkan pengeluar tempatan akan dapat bersaing dengan pengimport-pengimport bahan yang sama di pasaran tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 24) 1984 pula bertujuan untuk mengenakan duti import sebanyak \$1 se liter ke atas "transformer oil" dengan tujuan bagi memberikan perlindungan tarif kepada syarikat pengeluar tempatan yang baru memulakan operasinya.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 25) 1984 pula bertujuan menaikkan duti import ke atas, dengan izin, "metal closures and crown corks" daripada 5% kepada 25%. Langkah ini adalah memberikan perlindungan tarif kepada syarikat-syarikat pengeluar tempatan yang sedang menghadapi persaingan dengan pengimportan yang semakin meningkat.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 26) 1984 bertujuan untuk menaikkan duti import ke atas dengan izin Timbalan Yang di-Pertua, "aluminium foil" daripada 3% dan 15% kepada 30% *ad valorem* yang bermaksud untuk melindungi industri tempatan yang menghadapi ancaman daripada barang yang sama yang diimport.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 27) 1984 pula bertujuan untuk menaikkan duti import ke atas simen putih daripada \$47.24 se tan kepada 50% *ad valorem* atau \$200 se tan yang mana lebih tinggi. Langkah ini bertujuan untuk melindungi perusahaan tersebut di dalam negeri ini.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28) 1984 adalah bertujuan untuk meminda keterangan mengenai kod di bawah, dengan izin, "printed cellulose board" dan menyelaraskan duti import yang dikenakan ke atasnya. Sebelum pindaan ini duti ke atas "printed cellulose board" adalah dikenakan mengikut kegunaan barang tersebut dan hal ini telah menyulitkan pentadbiran Kastam.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 29) 1984 pula bertujuan untuk mewujudkan kod tarif baru khusus bagi "cooling towers" dan mengenakan duti import 25% ke atasnya. Sebelum ini "cooling towers" jatuh di bawah kod tarif am dan tidak dikenakan apa-apa duti.

Langkah ini adalah bertujuan untuk memberikan perlindungan tarif ke atas syarikat tempatan dan pada masa ini menghadapi persaingan dari pengimport-pengimport.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 30) 1984 pula bertujuan memberi perlindungan kepada industri makanan haiwan tempatan. Di bawah pindaan ini, dengan izin, "sweetened porridge complete feeds, and feed supplements" diletakkan di bawah kod tarif baru dan dikenakan duti sebanyak 13%.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 31) 1984 pula bertujuan untuk mengurangkan duti import ke atas beberapa jenis racun rumput daripada 20% ke 15% ad valorem. Dengan langkah ini kadar duti import bagi semua jenis racun rumput adalah diselaraskan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 36) 1984 pula adalah bertujuan untuk melaksanakan beberapa cadangan cukai yang dikemukakan

untuk Belanjawan tahun 1985. Dengan ini Perintah ini adalah untuk:

- (i) Mengenakan satu kadar duti import sebanyak 50% atas semua barang bercukai kecuali kenderaan bermotor, rokok dan minuman keras yang dibawa masuk oleh penumpang-penumpang ke negara ini bertujuan untuk memudahkan pemeriksaan Kastam.
- (ii) Menaikkan duti import atas papan lapis dari 25% kepada 45% untuk memberi perlindungan yang lebih tinggi kepada industri tersebut.
- (iii) Menaikkan margin kadar duti import ke atas kereta yang belum siap dipasang dari 30% kepada 40%. Bagi kereta siap dipasang dinaikkan sebanyak 35% bagi tujuan membaiki imbalan pembayaran di samping melindungi projek kereta nasional.
- (iv) Menaikkan duti import atas tayar dan tiub di antara 30% dan 178% bagi tujuan memberi perlindungan yang lebih tinggi kepada industri tersebut.
- (v) Menghapuskan duti import ke atas "compression garments" dengan izin, bagi tujuan memudahkan rawatan kulit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah

bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967 Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20) 1984;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21) 1984;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 22) 1984;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23) 1984;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 24) 1984;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 25) 1984;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 26) 1984;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 27) 1984;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28) 1984;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 29) 1984;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 30) 1984;
- (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 31) 1984;
- (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 36) 1984;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 158, 159, 160, 161, 162, 163, 164, 165, 166, 167, 168, 169 dan 152 tahun 1984 disahkan.

AKTA EKSAIS, 1976

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3) 1984

3.50 *ptg.*

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen (2) dalam Seksyen 6 Akta Eksais 1976, Perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3) 1984; yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 153 tahun 1984 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam No. 3, 1984 adalah bertujuan untuk menukar kadar duti eksais atas beberapa jenis barangan seperti minuman ringan, minuman keras, daun terup, bateri kering, serbuk perasa dan mancis dari kadar spesifik ad valorem bagi tujuan menyelaras dan memudahkan duti kastam dan supaya hasil dari duti tersebut akan berubah sealiran dengan perubahan-perubahan harga barang-barang berkenaan.

Kedua, kenaikan duti eksais sebanyak 5% ke atas kereta yang bernilai melebihi \$13,000 bagi tujuan menambahkan hasil negara di samping mengekalkan perbezaan antara kereta yang diimport dan yang dipasang di dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti di dalam Aturan Urusan Mesyuarat dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa yang diberi kepadaannya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 6 Akta Eksais, 1976, Perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3) 1984; yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 153 tahun 1984 disahkan.

AKTA CUKAI JUALAN, 1972

Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pindaan) 1984

3.54 ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mencadangkan, ada sedikit "printing error", dengan izin, kalau boleh diperbetulkan dalam bahasa Inggeris—Notice Paper. Ini satu printing error, saya difahamkan. Dalam bahasa Malaysiana betul. Saya bacakan, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin:

"The Minister of Finance to move:

That this House resolves that in accordance with the powers vested in it by virtue of section 6"

Yang sebenarnya angka "15" yang sepatutnya, dan dalam Bahasa Malaysiana betul. Tuan Yang di-Pertua, itu printing error.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya minta pengesahan sekali lagi, pindaan hanya diperlukan dalam naskah Inggeris?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, betul.

Timbalan Yang di-Pertua: Bukan dalam naskah Bahasa Kebangsaan.

Dato Sabbaruddin Chik: Pindaan hanya diperlukan dalam naskah Bahasa Inggeris sahaja. Boleh saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa yang diberi kepadaannya oleh Seksyen 15 Akta Cukai Jualan 1972, Perintah berikut:

- (i) Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pindaan) 1984; yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 154 tahun 1984 disahkan.

Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pindaan) 1984 adalah bertujuan untuk mengecualikan cukai jualan atas semua barang-barang cukai yang dibawa masuk oleh penumpang-penumpang ke negara ini kecuali kenderaan-kenderaan bermotor, minuman keras, spirit, tembakau dan rokok selaras dengan pelaksanaan satu kadar duti import tetap sebanyak 50% bertujuan untuk memudahkan pemeriksaan Kastam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk William Lye Chye Hien: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti di dalam Aturan Urusan Mesyuarat dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen 15 Akta Cukai Jualan 1972, Perintah berikut:

- (i) Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) (Pindaan) 1984; yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil.154 tahun 1984 disahkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1983 DAN 1984)

Bacaan Kali Yang Kedua

4.00 ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1983 dan 1984 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu, dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meminta

kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$1,178,644,445 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membayai dua Anggaran Tambahan iaitu Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1983 berjumlah \$22,606,160 dan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1984 berjumlah \$1,156,038,285. Keperluan bagi membentangkan kedua-dua Anggaran Tambahan ini adalah mengikut kehendak Perkara 101 Perlembagaan di samping untuk mengadakan peruntukan bagi mengganti pendahuluan-pendahuluan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Luar Jangka sebagaimana dikehendaki oleh Perkara 103 Perlembagaan.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1983

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1983 berjumlah \$22,606,160 adalah diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini. Peruntukan tambahan ini adalah diperlukan bagi membayai perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan secukupnya dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 1983 yang asal serta Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1983. Dari jumlah tambahan yang dikehendaki sebanyak \$21,921,300 adalah untuk menampung kekurangan peruntukan emolumen di bawah Kementerian Pertahanan bagi membayai bayaran gaji kepada Anggota Tentera dan bakinya sebanyak \$684,860 adalah untuk membayai lain-lain perbelanjaan mengurus bagi Jabatan Penjara dan Kementerian Penerangan.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1983 ini boleh didapati dalam

penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31 tahun 1984 dan dalam Memorandum Perbelanjaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32 Tahun 1984. Dengan tambahan sebanyak \$22,606,160 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini maka jumlah Anggaran Perbelanjaan Bekalan bagi tahun 1983 menjadi \$14,128,495,142. Jika, dimasukkan Anggaran Perbelanjaan Tanggungan yang berjumlah \$5,758,841,750 maka jumlah besar Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1983 menjadi \$19,887,336,892.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1984 ini peruntukan tambahan yang dikehendaki adalah berjumlah \$1,156,282,478. Dari jumlah tersebut sebanyak \$1,156,038,285 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 3, Rang Undang-undang ini kerana baki daripada peruntukan tersebut sebanyak \$244,193 adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada Perbekalan undang-undang tertentu. Peruntukan tambahan ini adalah diperlukan bagi membiayai perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan secukupnya dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus, 1984 yang asal. Dari jumlah peruntukan tambahan di bawah Perbelanjaan Bekalan sebanyak \$15,528,892 adalah untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai emolumen dan bakinya sebanyak \$1,140,509,393 adalah untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai lain-lain perbelanjaan yang diperlukan oleh beberapa buah Kementerian dan Jabatan. Tambahan terbesar berjumlah \$1,011.6 juta adalah dikehendaki di bawah peruntukan kepada Kumpulan Wang iaitu sebanyak \$1,000 juta adalah untuk dipindahkan kepada Kumpulan

Pembangunan sebanyak \$11.5 juta adalah untuk Akaun Setor dan Woksyop belum ditentu dan sebanyak \$100,000 adalah untuk Kumpulan Wang Amanah Orang Malaysia di Seberang Laut.

Selain dari itu, tambahan sebanyak \$42 juta adalah dikehendaki oleh Jabatan Perdana Menteri untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai emolumen dan lain-lain Perbelanjaan Mengurus Jabatan tersebut. Sebanyak \$25 juta adalah dikehendaki oleh Kementerian Kesihatan untuk membiayai Perbelanjaan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan serta Pemilikan Harta Modal. Dan sebanyak \$23.4 juta adalah dikehendaki oleh Kementerian Luar Negeri untuk menampung kekurangan peruntukan Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian tersebut. Yang lain-lainnya adalah merupakan tambahan-tambahan kecil untuk berbagai perkhidmatan di bawah lain-lain Kementerian dan Jabatan.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1984 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 33 tahun 1984 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 34 tahun 1984.

Tuan Yang di-Pertua, selepas ucapan ini saya akan mengemukakan pula satu usul mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 1983 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1984.

Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua, 1983

Anggaran ini berjumlah \$68,543,600. Dari jumlah tersebut sebanyak \$18,322,839 adalah

perbelanjaan secara langsung dan bakinya sebanyak \$50,220,761 adalah Perbelanjaan Pinjaman. Dengan cadangan tambahan ini maka jumlah terbesar peruntukan Anggaran Pembangunan bagi tahun 1983 menjadi \$12,673,303,868. Tambahan tersebut, tambahan terbesar sebanyak \$50.2 juta atau 73.3% daripada jumlah peruntukan tambahan yang dikehendaki ialah untuk sektor ekonomi, bagi menampung peruntukan pinjaman untuk membiayai projek-projek pembangunan Jabatan Telekom. Yang lain-lainnya adalah merupakan tambahan-tambahan kecil di bawah sektor sosial dan sektor pentadbiran am.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua, 1983 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 35 tahun 1984 dan juga dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 36 tahun 1984.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1984

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan pula cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1984 berjumlah \$1,164,997,344. Dari jumlah tersebut sebanyak \$718,811,174 adalah perbelanjaan secara langsung dan bakinya sebanyak \$446,186,170 adalah perbelanjaan pinjaman.

Tambahan tersebut adalah dikehendaki di bawah sektor ekonomi iaitu berjumlah \$674.5 juta atau 57.9% daripada jumlah peruntukan tambahan yang dicadangkan itu. Jumlah ini termasuklah sebanyak \$300

juta sebagai pinjaman kepada Jabatan Telekom untuk membiayai projek-projek pembangunannya dalam tahun 1984. Sebanyak \$124.4 juta untuk membiayai projek-projek jalanraya dan jambatan dan sebanyak \$100 juta sebagai pinjaman kepada Lembaga Letrik Sabah untuk membolehkan Lembaga tersebut membayar balik pinjaman dari Kerajaan Negeri Sabah yang telah digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan. Di samping itu, tambahan sebanyak \$283.7 juta atau 20.5% daripada jumlah peruntukan tambahan yang dicadangkan ini adalah untuk sektor sosial. Dari jumlah tersebut sebanyak \$180 juta adalah untuk membiayai projek-projek pembangunan bagi pelajaran rendah, pelajaran menengah, rumah guru serta asrama dan sebanyak \$25 juta adalah untuk membiayai institusi sukan.

Selain dari itu, sebanyak \$222.5 juta atau 19.1% daripada peruntukan tambahan yang dicadangkan ini adalah untuk sektor keselamatan. Di bawah sektor ini tambahan terbesar sebanyak \$218.5 juta ialah untuk membiayai projek-projek pembangunan angkatan tentera, yang lain-lainnya adalah merupakan tambahan-tambahan kecil termasuklah beberapa peruntukan tanda \$10 bagi membiayai beberapa butir-butir di bawah berbagai sektor. Butiran penjelasan lanjut mengenai Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1984 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 37 tahun 1984 dan juga dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 38 tahun 1984.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2), 1983

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1) 1984

4.13 ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan, bahawa usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Peraturan Mesyuarat yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$1,233,540,944 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

(1) bagi tahun kewangan 1983, untuk menampung sejumlah \$68, 543,600 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 1983 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 35 Tahun 1984 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas; dan

(2) bagi tahun kewangan 1984, untuk menampung sejumlah \$1,164,997,344 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1984 yang

dibentangkan sebagai Kertas Perintah 37 Tahun 1984 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

Diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1983 dan 1984 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang, kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.18 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, ketika kita menghadapi keketatan ekonomi, perbelanjaan Kerajaan tidaklah seharusnya melampaui Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan dan Kerajaan tidaklah sepatutnya datang ke Parlimen untuk meminta diluluskan peruntukan wang tambahan.

Apa yang kita diminta meluluskan bukanlah satu jumlah yang begitu kecil kerana jumlah Anggaran Mengurus dan Pembangunan

Tambahan untuk tahun 1983 dan 1984 berjumlah \$2.4 billion. Sebelum Kerajaan meminta Parlimen meluluskan peruntukan-peruntukan tambahan ini, ia harus menyakinkan Dewan yang mulia ini bahawa ia telah membelanjakan wang yang diluluskan Belanjawan-belanjawan berkenaan secara bijaksana dan berekonomi dan bila ia memandu ekonomi dan kewangan negara kita dengan berlaku pembaziran, pemborosan, salah pengurusan dan rasuah yang paling minima sekali.

Secara kebetulan jumlah Anggaran Tambahan yang Dewan ini diminta meluluskan adalah sebanyak \$2.4 billion yang kurang sedikit dengan jumlah yang terlibat dalam skandal BMF di Hong Kong. Sehingga ini Kerajaan telah gagal memberi satu perakaunan yang memuaskan mengenai skandal pinjaman BMF kepada Parlimen dan saya seakan-akan ingin mencadangkan supaya Dewan ini tidak meluluskan Anggaran Perbelanjaan Tambahan ini kecuali satu perakaunan penuh awam diberikan berhubung dengan skandal pinjaman BMF. Tetapi saya tahu bahawa Yang Berhormat daripada Barisan Nasional yang tidak akan menyokong saya sebaliknya nanti mungkin dalam perbahasan akan mengkritik saya bahawa saya membangkitkan lagi hal BMF.

Biarlah saya beri tahu Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional ini bahawa bagi saya dan saya percaya pandangan saya ini juga adalah sama dengan pandangan majoriti rakyat Malaysia, skandal pinjaman BMF adalah suatu yang membawa malu yang paling besar kepada Malaysia dari segi banking dan kewangan dan rakyat berhak mendesak apabila terdapat peluang supaya suatu perakaunan penuh diberi mengenai skandal tersebut.

Adalah menjadi niat saya untuk membangkitkan skandal pinjaman BMF setiap kali terdapat peluang dalam Parlimen sehingga segala cerita mengenai skandal pinjaman BMF diberitahu kepada orang ramai dan orang-orang yang bertanggungjawab ke atasnya di bawa ke mahkamah tanpa mengira pangkat dan pengaruh politik mereka.

Sekiranya terdapat Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional yang tidak suka mendengar apa yang saya ingin memperkatakan tentang skandal pinjaman BMF, baik sekarang atau kemudian, mereka boleh meninggalkan Dewan yang mulia ini. Mungkin mereka akan memikirkan bahawa saya ingin membazirkan masa Dewan ini, tetapi sebenarnya mereka lah yang membazirkan masa Dewan ini dengan tidak membangkitkan isu-isu penting seperti skandal pinjaman BMF dalam Parlimen, mereka hanya bermuat dalam perkara-perkara remeh-temeh sahaja.

Sejak ucapan terakhir sekali saya berhubung dengan skandal pinjaman BMF yang dilafazkan semasa perbahasan ke atas Anggaran Belanjawan 1985 bagi Kementerian Kewangan diadakan pada peringkat Jawatankuasa pada 20hb November yang lalu, Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin telah mengemukakan laporan ketiganya kepada pihak berkuasa. Menurut Yang Berhormat Menteri Kewangan beberapa hari lalu, Jemaah Menteri masih belum lagi menimbang laporan kedua Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin.

Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin haruslah dipuji atas kederasannya mengeluarkan laporan kedua dan ketiganya sehingga Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin mengeluarkan laporan-laporannya lebih pantas daripada

Jemaah Menteri dapat menimbangkannya. Ini memberi gambaran buruk akan Jemaah Menteri kita dan saya menyeru Jemaah Menteri agar bekerja dengan lebih giat, lebih efficient dan janganlah, dengan izin, "sit on" laporan-laporan penyiasatan BMF itu, tetapi sebaliknya bertindak ke atasnya dengan cepat dan berkesan seperti diharapkan oleh rakyat Malaysia.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengeluarkan satu arahan kepada semua kakitangan Kerajaan bahawa mereka patutlah menjawab kepada semua arahan Menteri-menteri dalam 5 hari. Saya harap bahawa Jemaah Menteri boleh buat satu teladan yang baik bahawa dalam 5 hari boleh buat satu keputusan atas semua laporan-laporan baik pun laporan Ahmad Noordin yang kedua, ketiga atau laporan yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah beberapa kali berkata bahawa beliau mahu laporan kedua Jawatankuasa Ahmad Noordin diumumkan. Saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan, kenapa beliau tidak boleh berbuat demikian oleh kerana perkara BMF ialah di dalam bidang kuasa Yang Berhormat Menteri Kewangan dan dalam Jemaah Menteri barulah 2 orang yang lebih kuat yang boleh veto pandangan Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Adakah beliau bercadang atau bermakna bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri, atau kedua-duanya, tidak mahu laporan BMF Ahmad Nordin diumumkan?

Minggu lalu satu suratkhabar dengan besar heboh-hebohkan perkara dua laporan polis ada dibuat oleh Bank Bumiputra mengenai skandal BMF, tetapi rakyat Malaysia

yang berfikiran waras tidak dapat "impressed", dengan izin, mengenai perkara ini oleh kerana kedua-dua laporan yang melibatkan wang tidak lebih daripada 4% jumlah pinjaman skandal BMF \$2.5 billion. Rakyat Malaysia tidak mahu lihat laporan polis token mengenai kesalahan token, akhirnya prosecution yang token terhadap kakitangan yang token dan berikut dengan hukuman yang token.

Sebenarnya, Pengerusi Jawatankuasa BMF dan Tan Sri Ahmad Noordin dengan sebenarnya ada berkata perkara bayaran perundingan sebenarnya satu perkara apabila dibanding dengan pinjaman "peanuts" sahaja dan ialah salah satu di antara dua subject laporan polis. Tetapi apa yang lebih menimbulkan soalan ialah kenyataan Peguam Negara yang memberi gambaran bahawa siasatan Jawatankuasa BMF tidak boleh menjadi asas untuk tindakan undang-undang oleh kerana barulah siasatan polis akan diambil kira.

Saya boleh faham kenapa anggota-anggota Jawatankuasa Siasatan BMF rasa demoralised dengan kenyataan Peguam Negara oleh sebab nampaknya dalam kacamata pihak polis dan Public Prosecutor, siasatan Jawatankuasa BMF nampaknya tidak bererti langsung. Dalam keadaan ini saya bersetuju dengan Tan Sri Ahmad Noordin bahawa kalau itulah pandangan Peguam Negara, lebih baik Peguam Negara menasihatkan Menteri Kewangan bahawa janganlah maklumkan Jawatankuasa BMF, janganlah siasatan criminal aspect BMF loan scandal. Tetapi sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah Yang Berhormat Menteri Kewangan selepas laporan yang pertama yang mahu Jawatankuasa BMF menumpukan masa dan tenaga atas criminal aspect BMF loan scandal.

Saya di sini mahu menyeru Kerajaan khasnya Jemaah Menteri membuat satu arahan kepada Peguam Negara untuk menggunakan perakuan-perakuan dan laporan-laporan Jawatankuasa Ahmad Noordin sebagai asas tindakan pihak polis oleh kerana kalau pihak polis mahu memulakan siasatan daripada mulanya bukan sahaja membuangkan masa bahkan pun wang rakyat juga.

Berhubung dengan perkara ini, saya pun berharap bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh menjelaskan kenapa kedua-dua laporan polis tidak dibuat lebih awal iaitu tahun lalu, di mana tentulah pihak BMF dan pihak Bank Bumiputra sudah tahu perkara ini. Kenapa begitu lewat untuk buat police report?

Akhirnya, dalam perkara BMF, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bahawa pengendalian skandal BMF oleh Kerajaan sangat tidak memuaskan hati dan memberi satu gambaran tanpa desakan orang ramai mahu satu perakaunan yang sepenuhnya, pihak Kerajaan tidak akan memberi satu pengakaunan yang sepatutnya dibuat.

Parlimen sebagai wakil rakyat Malaysia pun ada tanggungjawab dalam perkara ini dan untuk mengetahui sebenarnya apa yang berlaku dalam skandal BMF, di sini saya cadangkan bahawa Dewan yang mulia ini menubuhkan sebuah Jawatankuasa Parlimen untuk siasat skandal BMF bukan sahaja buat kajian mengenai laporan Ahmad Noordin Committee tetapi pun lain-lain aspect loan scandal.

Di bawah Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan yang mulia ini ada cukup kuasa di mana mengadakan sebuah Jawatankuasa Parlimen yang sebenarnya atau ada kuasa semacam

sebuah Suruhanjaya DiRaja sebenarnya, oleh kerana ada kuasa dalam Peraturan Mesyuarat tetapi masalah ialah sama ada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional semua boleh menghadapi cabaran ini atau mereka mahu sahaja membantu untuk menyembunyikan skandal BMF. Dan akhirnya saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan bila laporan kedua dan laporan ketiga akan diumumkan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila agensi-agensi Kerajaan gagal untuk menjaga kepentingan negara khasnya apabila ada berlaku pengelakan cukai yang melibatkan berpuluhan juta ringgit. Kerajaan pun sudah gagal untuk mengurangkan keperluannya datang ke Parlimen untuk meminta peruntukan tambahan.

Pada 7hb Januari, 1980 *The New Straits Times* dalam muka hadapan ada satu laporan—*The New Straits Times victory—“Customs exposed \$20 million racket”* mengenai Jabatan Kastam sudah membongkarkan satu racket mengelakkan cukai atau duti yang melibatkan eksport minyak kelapa sawit (crude palm oil) yang melibatkan lebih \$20 juta dalam masa 3 tahun selepas itu. Modus operandi pengelakan cukai duti itu ialah untuk mengeksport crude palm oil, masa itu di bawah nama “by-product” yang tidak perlu dibayar duti seperti neutralised palm oil (NPO) dan pengeksport-pengeksport boleh mengelak duti kastam antara \$200 kepada \$400 setan. Tetapi selepas laporan itu, nampaknya tiada apa-apa didengar lagi. Perkara itu sudah berhenti.

Sebenarnya mengikut seorang yang ada memberi maklumat dan ada bekerjasama erat dengan Jabatan Kastam untuk menyiasat perkara ini, Jabatan Kastam ada dapat dokumen-dokumen yang cukup membuktikan

bahawa racket ini ada berlaku di mana Jabatan Kastam ada diberi dokumen-dokumen yang palsu.

Sebenarnya ada dua set dokumen apabila eksport kastam duti itu, satu set dihantar kepada pihak Kastam, kepada Kerajaan yang menunjukkan bahawa benda yang akan dieksport ialah by-product yang tidak perlu dibayar duti tetapi set dokumen yang dihantar kepada bank-bank untuk mendapat wang kepada pengimport-pengimport di luar negeri ialah "crude palm oil". Ini bererti ada dua set dokumen, satu set yang fraudulent dan pihak di Jabatan Kastam ada dokumen-dokumen tersebut.

Sebenarnya saya ada dokumen di sini, ada dua set bill of lading pun di mana ada tanker dokumen bill of lading declaration satu set untuk Kerajaan, tidak perlu bayar duti, satu set untuk mahu dapat bayaran, itulah crude palm oil dan untuk shipment yang sama, consignment yang sama, tempat yang sama. Semua Jabatan Kastam ada. Saya mahu tanya di sini kenapa sampai sekarang nampaknya kalau saya tidak silap, kes ini sudah ditutup sungguhpun ada dokumen-dokumen yang cukup? Saya dapatti bahawa integriti dalam Kerajaan, sangat berpengaruh ada terlibat dalam racket ini.

Saya harap kalau perkara ini ada dibawa ke mahkamah, Kerajaan boleh jimat, boleh dapat lebih \$20 juta duti balik, boleh dapat denda daripada orang yang terlibat, mungkin tidak perlu begitu banyak peruntukan tambahan diminta daripada Dewan yang mulia ini. Di sini saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh memberi satu penjelasan yang memuaskan hati dan kalau dia mahu dokumen, saya pun boleh beri dokumen ini dan mungkin lah Jabatan ACA atau Pencegah Rasuah patut campur tangan dalam perkara ini, bukan

sahaja negara kita sudah hilang revenue tetapi sama ada korupsi, salah guna kuasa yang berlaku.

Dalam dua perkara ini, Loan Scandal BMF dan Skandal Duti Kastam \$20 juta menunjukkan bahawa integriti dalam Kerajaan, public life sangat kurang, sangat rendah.

Baru-baru ini dalam pasaran kita dengar khabar angin bahawa batch yang akhir, lesen syarikat kewangan boleh dibeli oleh orang yang menawarkan harga yang tinggi kepada orang yang sudah diberi lesen atau dijamin lesen finance company, \$50 juta, \$70 juta sebelum pembekuan lesen finance company. Apa guna Kerajaan atau pemimpin-pemimpin Kerajaan menyalahkan bumiputera yang biasa mengAlibabakan lesen mereka, kalau orang-orang atasan dapat syarikat lesen finance company pun boleh, mulanya belum start business,—jualkan lesen itu untuk dapatkan cash, wang tunai yang ready \$50 juta. Saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan boleh memberitahu Dewan yang mulia ini semenjak tahun 1980, berapa lesen syarikat kewangan atau finance company licence ada dikeluarkan, kepada siapa, sama ada apa peruntukan ada dibuat supaya tidak berlaku peristiwa di mana lesen itu dikeluarkan untuk dijual kepada kumpulan-kumpulan yang ada wang baikpun dalam negeri atau dari luar negeri sahaja oleh kerana saya rasa ini tidak akan meninggikan kepercayaan, keyakinan orang ramai terhadap integriti finance negara, Kerajaan kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.36 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk

menyokong Perbekalan Tambahan bagi tahun 1983/1984 yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan.

Sebenarnya, butir-butir yang diberikan di sini pada pendapat saya tidaklah melampau kalau sekiranya kita faham apakah perlunya tambahan ini dilaksanakan dan telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa sebarang tambahan yang dilakukan ini adalah kerana butir-butir yang tidak tersebut atau tidak disebut atau di luar jangkaan perbelanjaannya dan tidak hairanlah kerana di dalam peruntukan tahun 1983/1984 yang lepas yang kita bincangkan dan juga peruntukan tahun 1985 yang kita bincangkan pada tahun ini adalah anggaran.

(Tuan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Mesyuarat)

Apabila kita sebut anggaran, saya rasa di seluruh dunia orang faham kerana benda itu tidak tetap. Kalau sekiranya sesuatu anggaran yang kita adakan itu mungkin kita belanja lebih banyak, maka perlu peruntukan tambahan. Tidak mungkin satu projek yang kita laksanakan itu tidak perlu hendak menyudahkannya, kalau sekiranya perlu tambahan. Dan sekiranya kalau kurang pun tidak boleh hendak alih suka hati macam wang dalam poket kita sahaja, mesti ada butiran dan peruntukan dan mesti ada kelulusan Dewan ini untuk membelanjakan peruntukan tambahan. Kalau kita faham sahaja Anggaran Perbelanjaan, maka kita tidak perlu mempersoalkan bahawa sesuatu perbelanjaan yang dilakukan oleh Kerajaan itu tidak seharusnya mesti tepat, tidak perlu tambahan atau tidak perlu kurang kerana yang lepas yang diberikan itu adalah anggarannya sahaja.

Saya menyokong penuh dari segi peruntukan tambahan ini kerana ianya

tidak akan lari daripada peraturan-peraturan yang ada pada kita.

Selain daripada itu memang benarlah sangkaan daripada Wakil dari Kota Melaka tadi, kita sudah jemu mendengar hal BMF ini, jemu bukan kita tidak mahu mengambil berat tentang BMF ini kerana perkara yang sama ditimbulkan beberapa kali, seolah-olah macam kita ini bangang sangat serupa macam dia barangkali. Tetapi kita tidak begitu. Kerajaan telah mengadakan penyiasatan dan juga diserahkan kepada polis dan juga diserahkan kepada penyiasatan BSN dan juga beberapa penyiasatan lagi. Kalau hendak diadakan Parlimen ini menubuhkan satu Jawatankuasa untuk menyiasat ini, seolah-olah tiada kerja lain dalam negara kita, hanya inilah satu masalah yang besar yang harus kita hadapi.

Bagi saya, saya tidak akan menyokong sebarang Jawatankuasa yang ada kerana badan-badan Kerajaan yang ada, badan polis, BSN dan juga badan penyiasatan yang ditubuhkan oleh Kerajaan setakat ini sudah memadai bagi mengatasi masalah BMF yang timbul sekarang ini. Dan perkara-perkara ini kita tahu ditimbulkan dengan tujuan hendak menjadikan satu isu kerana mungkin pilihanraya tidak lama lagi, tiada modal lain maka inilah yang dijadikan isu untuk berkempen, mencerita itu mencerita ini bagi meracuni fikiran rakyat dengan perkara yang telah pun diambil berat oleh Kerajaan.

Dan saya rasa tindakan yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri walaupun mempunyai kuasa veto dalam perkara ini sebagaimana disebutkan oleh Wakil dari Kota Melaka tadi tetapi bagi kita tidaklah sebodoh itu untuk menggunakan kuasa-kuasa itu

memperlindungi penjenayah-penjenayah yang berlaku dalam skandal BMF ini.

Tetapi saya meminta kepada Kerajaan supaya bertindak berhati-hati, tidak bertindak melulu atau bertindak gelojoj sebagaimana yang dikehendaki oleh pemimpin-pemimpin DAP kerana kalau kita bertindak gelojoj sudah tentu mereka inilah yang akan menanggok di air keroh sekiranya sesuatu kesilapan berlaku. Dan kita berhati-hati ini sebagaimana orang-orang tua kata seperti kita "menarik rambut dalam tepung". Maknanya rambut jangan putus, tepung tidak rosak supaya sesuatu yang kita bertindak itu biar berkesan. Kita pukul ular biar ular itu mati kayu jangan patah, tanah jangan lebam. Supaya kita bertindak seperti ini adalah lebih baik dan berhati-hati dan kita tidak perlu gelojoj dan mendengar suara-suara sumbang yang disuarakan dalam Dewan ini dengan maksud lain daripada maksud sebenar yang dia kehendaki. Kerana seolah-olah apa yang mereka timbulkan itu Kerajaan tidak endah langsung atau tidak bertindak langsung dalam perkara yang kita lakukan ini. Dan kita mintalah kepada pihak pembangkang atau pihak Ketua Pembangkang sendiri jangan cubalah mengejar itik berenang dalam Dewan ini dan juga jangan cuba mengajar anak harimau makan daging kerana segala-galanya telah diketahui oleh pihak Kerajaan agar sebarang tindakan itu tidak akan gelojoj dan tidak akan menimpa balik kepada kita.

Saya suka hendak menyebut satu perkara berkenaan dengan Parlimen. Saya rasa sudah sampai masanya setelah Parlimen ini menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi maka sudah sampai sebarang urusan mesyuarat juga hanya diadakan di dalam Bahasa Malaysia sahaja. Bukan

sahaja kita menggunakan sepenuhnya bahasa rasmi misalnya Peraturan Mesyuarat ataupun penyata-penyata yang dibentangkan dalam Dewan ini kita perlu menggunakan Bahasa Malaysia sahaja. Selain dari itu supaya di antara dua penyata atau buku itu tidak bersalahan dan tidak mengelirukan.

Jikalau sekiranya kita menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya di dalam sebarang Peraturan Mesyuarat dan juga Penyata-penyata Mesyuarat sudah tentu akan mengurangkan beban yang ditanggung oleh kakitangan dan pegawai-pegawai di Parlimen ini. Kerana kita tahu bahawa kadang-kadang kakitangan yang ada dalam Parlimen sudah tentu akan menanggung beban yang berat ataupun "burden", dengan izin, dalam menjalankan tugas hari-hari dan jika sekiranya kita mengadakan satu bahasa sudah tentu akan mengurangkan beban-beban ini selain dari mengurangkan belanja, kertas itu dan ini yang kita gunakan sekarang ini.

Perkara ini adalah penting selain daripada kita mengikut Peraturan Mesyuarat yang ada walaupun kuasa Tuan Yang di-Pertua, boleh membenar menggunakan bahasa lain tetapi bahasa rasmi di dalam Dewan ini ialah Bahasa Malaysia. Jadi, sampai masanya kita menggunakan sebarang Peraturan Mesyuarat, cadangan, usul dan sebagainya hanya menggunakan satu bahasa sahaja. Kalau sudah tidak tahu, kalau Ahli-ahli Dewan ini tidak tahu, sudah berpuluhan-puluhan tahun berada dalam negara ini sehingga menjadi Wakil Rakyat pula, masih tidak mengetahui lagi peraturan yang kita bentangkan dalam Bahasa Malaysia maka sampailah masanya bagi mereka mempelajari sedalam-dalamnya dan secara bersungguh-sungguh.

Begitu jugalah di dalam misal kita kata Peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Dewan ini juga walaupun kita mempunyai dua bahasa tetapi Wakil dari Jelutong tidak mahu memakai di dalam bahasa Indonesia. Jadi, dengan sebab itu kita hanya mengadakan satu bahasa, Bahasa Malaysia sahaja dan minta pihak Parlimen ini menghalusi sehalus-halusnya, janganlah jadi putar belit sebagaimana yang berlaku baru-baru ini menegakkan "telah boleh". Orang kata "tidak boleh", dia kata "telah boleh" walaupun dalam bahasa Inggeris kata "shall not be referred" ada, mohon izin, dalam perkara yang berbangkit baru-baru ini.

Perkara ini patut kita halusi. Kita halusi sebarang kesilapan cetak dan sebarang perkara-perkara dan kita hanya menggunakan satu bahasa sahaja. Ini lebih penting dari segi perlaksanaan di dalam Peraturan Mesyuarat kita.

Dan selain daripada itu kita tahu pada masa mesyuarat ini kakitangan Parlimen ini akan menanggung beberapa beban, kadang-kadang sampai balik jauh malam. Saya bukan hendak memberi pembelaan tetapi patutlah pihak Kerajaan memberi perhatian supaya beban kerja yang berat itu akan memberi imbuhan yang sepadan dengan yang biasa diamalkan. Kalau biasa amal beri \$12.00 maka janganlah kurang sampai \$4.00 misalnya. Amalkan sebagaimana biasa kita lakukan begitu, kita teruskan supaya pihak kakitangan Parlimen ini bukan sahaja kerja itu terpaksa tetapi akan menyukarkan hati mereka di dalam menjalankan tugas-tugas yang dijalankan sekarang ini. Begitu juga saya dengar rungutan-rungutan seperti saya kata kakitangan-kakitangan yang ada perlu pinjaman rumah \$30,000. Dengan gajinya yang ada, tetapi rumah sekarang \$50,000, macam mana hendak cari \$20,000 lagi? Duduk

termenung tiap-tiap orang. Kalau banyak temenung tidak jadi kerja. Apabila tidak jadi kerja, Penyata-penjata kita pun tidak siap. Jadi, minta memberi perhatian dan pertimbangan supaya keadaan ini akan dapat diubah dan akan dapat diberi perhatian oleh pihak yang berkenaan supaya keadaan ini dapat memberi kesukaan ataupun senang hati pihak yang bertanggungjawab di dalam menguruskan perjalanan Parlimen dan juga mesyuarat kita.

Saya suka juga hendak menarik perhatian kepada Jabatan Telekom yang walaupun telah beberapa kali disebut di dalam Dewan ini tentang tuntutan yang berlebihan daripada sepatutnya. Ini ada satu bukti yang terang dan saya sendiri juga terlibat. Di dalam tuntutan panggilan ini dengan bayaran yang berlipat ganda. Misalnya kita tahu kalau kita gunakan ISD (International Subscriber Dailing) telefon ini, kita tidak perlu membayar begini banyak. Kadang-kadang kita tidak payah menunggu begitu lama. Dan ada pula yang kita pakai ISD ini pun keadaan jadi begitu saya ingat komputer dia rosak. Misalnya kita telefon ke Indonesia, ke Jakarta misal kita kata, kita tahu satu callnya \$50.00 tiap-tiap kali. Tetapi, satu kali, saya pinjam telefon kawan kena \$500.00. Terpaksa bayarlah sebab pinjam telefon kawan. Dan tuntutan ini telah pun dibuat kepada pihak yang berkenaan supaya membetulkan kesilapan ini. Kalau \$500.00 itu mesti saya bercakap sekurang-kurang 1½ jam atau 2 jam. Dan saya tidak pernah bercakap lebih dari 1 jam hanya saya bercakap habis lama 4-5 minit, itu sahaja. Tetapi \$500.00 kena bayar. Dan telefon yang sama juga dia bercakap ke Germany dia kena satu call \$600.00 lebih; saya tidak ingat angka tepatnya. Tuntutan-tuntutan ini telah pun dibuat kepada Jabatan Telekom. Tetapi malangnya tidak ada layanan, bulan Januari dulu sehingga sekarang tidak ada layanan

bahkan tuntutan ini tidak dibayar balik. Begitulah susahnya kalau duitnya sudah diambil.

Saya mintalah pihak Kementerian ini untuk menyiasat adakah sindiket-sindiket yang mengambil peluang untuk mempergunakan keadaan seperti ini. Kerana saya tidak mahu menyatakan benda-benda ini ada atau tidak tetapi "kalau-kalau ada", cuba siasat, tengok, kerana saya tiap-tiap kali saya telah dengar tentang telefon lebih ini tidak sepatutnya berlaku kepada orang yang menggunakaninya ini timbul. Kerana ada katanya misalnya seorang itu biasa pakai \$3,000 sebulan telefon misalnya. Kalau untuk mengurangkan jadi \$1,000 maknanya tidak sayanglah hendak beri \$500.00 kepada sindiket ini sebulan, misalnya begitu supaya dapat mengurangkan tuntutan telefon itu. Dan perkara itu saya tidak pernah pergi tengok dia punya itu tetapi kemungkinan berlaku. Perkara-perkara seperti inilah tidak seharusnya berlaku, dan tidak sepatutnya berlaku dan saya tidak mahu menuduh sesuatu, tetapi perkara-perkara ini sepatutnya tidak akan berlaku, kalau sendiketnya ada sepatutnya perkara ini patut ditumpaskan. Mungkin perkara ini tidak kepada peringkat yang tinggi, peringkat pengarah atau sebagainya, peringkat yang cucuk masuk, cucuk masuk—itu yang berkemungkinan, seperti Operator Telefon.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi mengenai telefon ini, kalau kita telefon keluar negeri, saya tidak tahu sama ada alat kita modenkah atau alat luar negeri itu lebih moden. Kalau kita telefon melalui operator dalam negara kita ini, kita mesti tunggu satu atau dua jam, kadang-kadang terlupa langsung, dia tidak jawab pun; kita tertunggu-tunggu, akhirnya tidak dijawab "Seperti tunggu buah tidak jatuh". Apabila tanya sekali lagi, baru

dia jawab, nombor berapa? Hendak berapa, rupanya orang lain, dia tanya lagi, tunggu lagi selama satu jam, dan ini mungkin tidak dapat juga. Tetapi kalau kita duduk di luar negeri, panggil ke negara kita, kita hanya tunggu 3 minit kita boleh dapat. Ini pernah saya lakukan melalui operator pun sama bukan ITT. Kalau kita pakai memanglah itu daripada negeri kita keluar negeri, kita boleh dapat dengan serta merta. Melalui operator memakan masa $1\frac{1}{2}$ jam, kalau luar negeri menggunakan operator pun dalam masa 3 minit juga. Jadi saya tidak tahu sama ada negara kita ini mesinnya baik, peralatannya baik ataupun negara sana yang peralatannya baik. Inilah keadaan yang kita alami sekarang ini.

Akhir sekali, saya minta supaya pihak Telekom ini dapat menumpukan pemasangan telefon ini ke luar-luar bandar. Sebagaimana yang telah disebutkan bahawa sekarang ini kita kira di dalam bandar ini, walaupun masih banyak senarai menunggu, tetapi keperluan dalam bandar ini mungkin setengah-setengahnya sudah mencukupi, cuma hendak tambah 3, 4, 5, di luar-luar bandar ini penting bagi perhubungan dan kemudahan yang ada sekarang ini. Jadi kita dapati bahawa banyak senarai-senarai atau pemohon-pemohon di luar-luar bandar yang berkehendakkan supaya telefon ini disambung ke rumah mereka sebagaimana yang dinikmati oleh orang-orang bandar. Kalau orang bandar telah menikmati segala kemudahan, maka di luar bandar juga perlu mendapat kemudahan-kemudahan seperti ini. Maka tumpuan yang lebih diberikan ke luar bandar, dengan peruntukan tambahan yang diberi ini akan dapat melaksanakan perkara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

4.54 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil bahagian dalam perbahasan ini untuk menyokong Anggaran Perbelanjaan Tambahan bagi Tahun 1983 dan 1984 sepetimana yang dibangkitkan oleh rakan saya dari Pasir Puteh tadi.

Saya hendak menekankan sedikit mengenai Perbelanjaan Tambahan Mengurus yang pada pandangan saya tidak sepatutnya berbeza, Perbelanjaan Mengurus dijalankan begitu besar dengan peruntukan tambahan yang dipohon juga adalah besar. Pada pandangan saya pengurusan ini telah pun kita tetapkan berapa jumlah anggarannya, walaupun dianggarkan, tetapi sepatutnya ianya bertepatan dengan anggaran yang dibuat. Ini kemungkinannya berlaku disebabkan oleh perkara-perkara yang telah pun saya sebutkan semasa membahaskan Belanjawan yang lalu iaitu berapa perbelanjaan yang telah dijalankan dengan sewenang-wenangnya tanpa disertakan dengan voucher-voucher, resit-resit yang berkenaan untuk sokongan bayaran dan selepas itu kita terpaksa untuk meminta dihapuskira (write-off).

Saya memandang perkara ini dan memohon kepada Kerajaan supaya dapat mengadakan kawalan yang lebih ketat dalam urusan perbelanjaan Kerajaan. Walau macamapun saya bersetuju dengan permohonan untuk mendapatkan tambahan bagi Perbelanjaan pembangunan. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi mengatakan dia tidak bersetuju tidak perlu, kerana dalam soal pembangunan ini jalan rosak perlu dibaiki, titi rosak perlu diperbaiki. Ini adalah perkara-perkara pembangunan yang dari semasa ke semasa perlu mendapat penjelasan ataupun perlu

disempurnakan dengan segera, perlu dibuat oleh pihak Kerajaan. Jadi dengan itu saya rasa perbelanjaan ini adalah wajar untuk kita semua timbang dan sokong walaupun Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak mahu menyokong, tetapi sayangnya dalam Dewan ini beliau tidak ada, setelah bercakap, cabut lari. Tadi beliau mencabar kita, siapa yang tidak mahu dengar—keluar. Ini saya hendak bercakap, dia tidak ada, jadi ini satu perkara, satu tabiat, perangai DAP dalam Dewan ini, bila bercakap tidak berani hendak menerima tanggungjawab, tidak berani untuk melihat perkara yang benar apa yang kita percakapkan, memanglah DAP ini sudah tidak ada isu selain daripada isu BMF. Perkara-perkara lain sememangnya tidak ada. Perkara ini dibangkit-bangkitkan dengan begitu lama, berkali-kali di dalam Dewan ini.

Saya masih ingat pada satu hari apabila interim report BMF ini telah dikeluarkan, sekurang-kurangnya 3 wakil DAP bercakap atas facts yang sama, kalau tidak salah saya, termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching yang duduk senyum, dari Bukit Bendera, Kepong dan Kota Melaka sendiri, bercakap atas facts yang sama, menghentam Ketua Audit Negara, laporan yang tidak berfaedah, laporan yang tidak menunjukkan kebenaran, “Lidah tidak bertulang” orang Melayu kata. Tetapi pada hari ini memuji Tan Sri Ahmad Noordin—kerja bagus, cepat boleh siapkan laporan 2 dan 3 dan menghentam Menteri kerana belum membuat keputusan, fikirlah sedikit. Jawatankuasa ini menjalankan tugas selama 9 bulan, Menteri baru terima 10 hari, mahkluk mana hendak baca begitu cepat dengan keputusan yang diambil begitu cepat. Inilah yang dikatakan pandangan-pandangan yang tidak rasional, walaupun telah lama di dalam Dewan yang mulia ini, tetapi masih lagi tidak berkembang jalan pemikirannya, masih ditakuk lama

atau ditahap lama. Jadi berfikirlah dalam negara yang kita sedang berusaha untuk membangunkan masyarakat, dalam keghairahan Kerajaan untuk mengekalkan perpaduan di dalam negara ini, DAP tidak pun menyebutkan sesuatu resolusi bagaimanakah Kerajaan perlu membuat untuk membantu supaya rakyat di negara ini bersatupadu, tidak pernah disebutkan, tidak pernah diberikan. Kita mencadangkan bentuk kebudayaan kebangsaan, ditentang habis-habisan, cuba beri sesuatu kepada Kerajaan yang positif, macamanakah Kerajaan boleh berusaha untuk membentuk satu masyarakat Malaysia yang bersatupadu, aman, tidak ada kakau bilau—sebut sekarang ini kalau boleh, jangan duduk mencari perkara-perkara yang lapuk, busuk dikeluarkan di dalam Dewan ini. Inilah yang dikatakan Pembangkang yang tidak mendatangkan faedah. Ini sebut soal Finance Company, ada orang-orang besar yang dapat, tidak berani sebut nama, sebutlah nama, siapa orang besar, siapa pembesar negara yang dapat Finance Company. Kalau berani—sebut, kita boleh bersedia dan saya rasa Kerajaan akan sentiasa memberi pandangan dan bertanggungjawab kepada rakyat.

Sekarang ini setelah Peguam Negara mendapat laporan kedua dan ketiga, tindakan dan proses sedang diambil, baru 5 hari Polis menjalankan siasatan, hari ini sudah hendak keputusan. Perbicaraan di mahkamah pun kalau boleh peguam-peguam DAP hendak menangguhkan 2-3 tahun, sebab boleh masuk duit banyak sedikit, bila panjang kes, boleh tuntut banyak, dalam soal hendak masuk itu, dia fikir hendak masuk bagi banyak. Jadi dalam soal ini lima hari setelah dibuat laporan Polis, hari ini sudah hendak keputusan. Inilah yang saya katakan perangai budak-budak, kanak-kanak semuanya.

Jadi, dalam soal ini saya telah sebutkan bahawa DAP pun perlulah bersabar dan tidak ada seorang pun rakyat Malaysia yang bersetuju dengan perkara yang berlaku dalam BMF dan perkara yang berlaku dalam Bank Bumiputra dan dalam semua agensi Kerajaan yang berlaku korap, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan; semua orang tidak bersetuju tetapi cara penyelesaiannya mestilah mengikut tahap dan tata cara yang sesuai supaya orang yang melakukan kesalahan itu dapat diambil tindakan, jangan terburuburu. Sayang, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tak ada, kalau tidak, sedap juga hendak berdebat dengan dia.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebutkan perkara di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Baru-baru ini pada 15hb November yang lalu di Hari Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa satu keadaan yang sedikit sebanyak mencacatkan perayaan sambutan itu, Bahagian Protokol, saya hendak sebutkan. Apabila satu tempat duduk 'seating arrangements', dengan izin, di sebelah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu, kita dapati bahawa di tempat itu Sultanah-sultanah semuanya duduk di sebelah kanan. Ini satu perkara yang tak pernah berlaku di dalam sejarah apabila Sultanah-sultanah berada di sebelah kanan Sultan-sultan. Perlulah Bahagian Protokol ini mengambil perhatian yang berat di dalam perayaan yang begitu agong, 5 tahun sekali, kita telah mencacatkan sehingga saya nampak di dalam televisyen yang ditunjukkan di hadapan, keengganhan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor untuk duduk, begitu juga Duli Yang Maha

Mulia Sultan Terengganu teragak-agak hendak duduk sebab Permaisuri di sebelah kanan. Inilah satu perkara yang saya harap Bahagian Protokol, Jabatan Perdana Menteri, pengiring-pengiring itu mestilah tahu. Ini adalah tugas mereka untuk meletakkan Permaisuri biasanya di sebelah kiri, Sultan-sultan biasanya di sebelah kanan Permaisuri mereka, bukan di sebelah kanan letak duduknya Permaisuri, supaya perkara ini tidak berlaku lagi pada masa-masa yang akan datang, walaupun perkara ini kecil, tetapi bagi Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu, perkara ini mestilah dianggap sebagai penting dan mustahak kerana ianya sedikit sebanyak akan mencatatkan ataupun mencelakan perayaan itu.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini sahabat-sahabat saya semua telah pun memberi satu gelaran kepada saya, iaitu "Othman LPN". Saya hendak sebut sekali lagi perkara-perkara di bawah Kementerian Perusahaan Awam. Tadi saya nampak Menteri sudah masuk, saya hendak tunjuklah kepada DAP, kita pun berani hendak menyebutkan soal-soal yang tidak betul yang berlaku. Saya masih ada banyak perkara yang hendak disebutkan dalam perkara ini.

Pertama sekali, perkara yang hangat diperbahaskan sekarang ialah mengapakah Menteri Perusahaan Awam membuat kenyataan tentang penukaran akaun kira-kira daripada Bank Bumiputra Malaysia Berhad kepada Malayan Banking Berhad. Satu Arahan Pekeliling yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah LPN dalam tahun 1983, saya tak bawa Surat Pekeliling itu, saya pun ada satu, dan kenyataannya menunjukkan bahawa LPN telah pun menyelamatkan berjuta-juta ringgit kerana memindahkan kira-kira daripada Bank Bumiputra kepada Malayan Banking, kerana MBB lebih cekap, bermakna kata Malayan

Banking lebih cekap. Bila berkata Malayan Banking lebih cekap, menunjukkan Bank Bumiputra itu tidak cekap. Jika pandangan ini adalah pandangan Kerajaan terhadap satu institusi Kerajaan, saya rasa sedih perkara ini keluar dari mulut Menteri, kerana Bank Bumiputra juga adalah satu institusi yang ditubuhkan oleh Kerajaan bagi membantu bumiputera-bumiputera. Kita sendiri yang telah pun mengeluarkan kenyataan yang boleh menjelaskan perjalanan bank itu sendiri.

Kenyataan yang kedua, Menteri ada menyebutkan bahawa, saya bacakan, Tuan Yang di-Pertua:

"Walaupun pihaknya menerima teguran-teguran ramai terhadap kesilapan-kesilapan dalam agensi awam, tetapi tindak-tanduk kakitangan yang membocorkan rahsia

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat baca daripada mana itu?

Tuan Othman bin Abdul: Daripada suratkhabar *Berita Harian*, 22-11-1984, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Setahu saya, apa-apa perkataan, report-report dalam suratkhabar tak boleh dibuatkan asas di sini.

Tuan Othman bin Abdul: Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya terima kenyataan itu. Walau bagaimanapun, dalam jawapan Menteri yang berkenaan kepada saya dalam Dewan yang mulia ini, *Hansard* saya tak tengok kerana tebal sangat, menunjukkan bahawa tindakan akan diambil kepada pembocor-pembocor rahsia. Saya rasa di dalam soal ini orang yang membocorkan rahsia yang tertentu ini merekalah inilah sebenarnya orang yang boleh kita katakan mereka itu amanah kepada

Kerajaan, amanah kepada rakyat, sebab mereka boleh menunjukkan perkara-perkara yang tidak baik yang sedang berlaku di dalam LPN ini. Kalau-lah rahsia-rahsia itu boleh menjelaskan keselamatan negara misalnya, itulah rahsia yang boleh kita tahan, tidak boleh kita keluarkan, tetapi kalau sekiranya pegawai-pegawai Kerajaan hendak menunjukkan ataupun hendak memberi maklumat yang buruk tentang perjalanan yang mereka tidak setuju, saya rasa tidak salah—boleh. Jadi, dengan itu tugas sebahagian daripada Wakil Rakyat untuk bercakap supaya perkara ini dapat diperbaiki, bukan perlu kita marah kepada mereka, tidak perlu.

Kalau saya hendak sebutkan satu persatu perkara ini cukup banyak, Tuan Yang di-Pertua, soal Pegawai Kanan LPN di Negeri Kedah yang sudah pun tidak dapat lagi berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak bersetuju untuk berjumpa dengan dia lagi kerana tindakan-tindakan yang bertentangan dengan asas, dengan dasar Kerajaan. Misalnya dalam masalah mengupah mengisar padi, cuma 40 kilang bumiputera yang diberi kesempatan, 80 bukan kilang bumiputera. Jadi, sebagai sebuah agensi Kerajaan yang sebahagian daripada tugasnya untuk menjalankan Dasar Ekonomi Baru tidak perlulah untuk membuat kerja-kerja yang begini.

Saya masih ada banyak lagi perkara-perkara yang hendak disebutkan dalam LPN ini, tetapi kalau kita hendak sebut makin banyak. Saya rasa bukanlah kita tidak mahu, tetapi setakat kesedaran yang telah kita sebut bahawa perjalanan yang telah dibuat dalam soal ini supaya perkara-perkara yang tidak perlu itu diberhentikan dan kalau boleh, seluruh pentadbiran LPN itu ditukar

supaya ianya diberi nafas baru, jentera baru untuk bergerak supaya ianya sampai kepada matlamat untuk membantu petani-petani miskin di kampung-kampung yang teraniaya ini, cukup banyak. Tuan Yang di-Pertua pun faham, dari Negeri Kedah juga masalah petani-petani yang sangat bergantung kepada Kerajaan sehingga ke hari ini.

Jadi, dengan itu saya sekali lagi menyeru kepada pihak Kementerian supaya dapat mengambil tindakan-tindakan yang segera bagi memberhentikan ataupun membaiki keadaan-keadaan yang sedang berlaku di dalam LPN ini dan saya sangat mengalu-alukan jika sekiranya Menteri sendiri dapat mengambil tindakan untuk memperbaharui, dapat membaiki urusan pentadbiran itu.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Tambahan bagi 1983 dan 1984.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Seremban.

5.08 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, saya mahu berucap sedikit satu dua perkara sahaja di bawah Supplementary Supply, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam negara kita ada satu sindiket, satu reket di mana sindiket-sindiket ada membawa orang-orang dari luar negeri masuk ke negara ini dan kerja di sini.

Baru-baru ini di Seremban, Negeri Sembilan juga pendedahan 198 pekerja-pekerja haram di Negeri Sembilan yang diimport oleh sindiket-sindiket adalah satu contoh sahaja daripada operasi secara luas untuk menyeludup manusia ke negara ini. 198 pekerja haram ini kini ditempatkan di beberapa kawasan

perumahan di sekitar Seremban, Labu dan Kuala Pilah. Ini adalah tempat-tempat transit di mana pekerja-pekerja ditempatkan secara sementara sebelum dihantarkan ke tempat-tempat pekerjaan masing-masing.

Menurut sumber yang boleh dipercayai, operasi seperti ini telah pun lama dijalankan. Keseluruhananya didedah selepas pekerja-pekerja sendiri membuat laporan Polis dan mengadu bahawa mereka telah diabaikan oleh sindiket berkenaan. Sindiket mengambil wang mereka, travellers cheque dan lain-lainnya dan sekarang orang-orang itu tidak ada wang, tidak boleh pergi ke mana dan tidak ada tiket mahu balik ke negaranya. Mereka hidup dengan sedikit makan sahaja, ada di antara mereka yang sakit. Mereka tidak ada wang untuk perbelanjaan sendiri dan tiket pulang penerbangan mereka telah dipegang oleh sindiket berkenaan. Mereka mahu balik ke negara mereka sendiri, tetapi tidak mampu berbuat demikian.

Pihak DAP ada pergi berjumpa dengan pegawai-pegawai di Pejabat Imigresen dan Pegawai Polis juga, malangnya pegawai berkenaan tidak mengakui sindiket-sindiket ada diedar dan tidak mengakui sindiket ada mengambil wang orang-orang asing itu serta travellers cheque mereka. Ini saya rasa tidak berapa adil. Jabatan Imigresen nampaknya masih melewatkan tindakan terhadap perkara ini dan kata mereka orang-orang ini telah datang sebagai pelancong dan tidak ada tindakan yang boleh diambil. Orang-orang ini sebagaimana kita sedia maklum ialah pekerja haram kerana ada dokumen yang menunjukkan bahawa mereka telah menandatangani surat perjanjian pekerjaan dengan sebuah kumpulan.

Selain daripada itu pekerja-pekerja ini sedang tinggal dengan cara yang tidak merupakan pelancongan.

Misalnya 50 atau lebih ramai orang disesakkan ke dalam satu rumah kecil. Sikap Jabatan Imigresen adalah sangat dikesalkan. Kes ini adalah sebahagian kecil daripada seluruh, dengan izin, tip of the ice-berg.

Masalah penghijrahan pekerja-pekerja secara haram setiap hari memuatkan kapal dengan pekerja-pekerja belayar sepanjang Selat Melaka untuk mendarat di Pontian, Batu Pahat, Muar, Port Dickson dan Morib dan lain-lain tempat sepanjang seberang laut. Ada sindiket yang serupa dengan sindiket yang sedang berjalan di Negeri Sembilan di bahagian lain di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sindiket-sindiket ini adalah bertanggungjawab untuk jumlah besar pekerja-pekerja haram dari Indonesia yang dianggar sebanyak 300 ribu orang di ladang-ladang, kebun-kebun dan juga sebagai peniaga-peniaga dan peniaga-peniaga kecil. Kementerian Dalam Negeri harus mengambil tindakan yang aktif untuk menghapuskan sindiket-sindiket ini. Kementerian Dalam Negeri harus memaksa semua majikan buruh penghijrah untuk membuat laporan yang teliti bersabit dengan jumlah, nombor pekerja-pekerja berkenaan di ladang-ladang atau bangunan perdagangan. Kami masih belum nampak satu sistem yang sistematik untuk mengeluarkan permit pekerjaan dan memastikan tiada penghijrah haram yang bekerja di negara kita atau terlibat dalam aktiviti perniagaan.

Kadar pengangguran yang setinggi 7% kini harus dapat menginsafkan pihak berkuasa Imigresen supaya membuat sesuatu terhadap perkara ini dengan seberapa segera. Pihak DAP menggesa Menteri Dalam Negeri menyiasat masalah penghijrah haram dengan sesungguhnya dan mengambil tindakan sewajarnya sebelum negara

ini dibanjiri dengan penghijrah-penghijrah haram dan mendatangkan masalah sosial, ekonomi dan perkauman yang luar biasa.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Anggaran Belanja Pembangunan berkenaan Majlis Perbandaran Seremban, saya nampak ada vote sahaja untuk Rancangan Saluran Najis Seremban tetapi tidak ada vote untuk menyelesaikan masalah banjir di Seremban, oleh sebab apabila ada sedikit hujan selama 10 minit atau 16 minit beberapa kawasan di Seremban berlaku banjir. Ini ada berlaku beberapa tahun dan Menteri ada pergi ke Seremban dan ada berjanji untuk memberi peruntukan hampir \$20 juta untuk menyelesaikan hal itu untuk membuka drainage, dengan izin, dan lain-lain tetapi sampai hari ini tidak nampak peruntukan itu. Saya harap pihak berkenaan mengambil perhatian di atas perkara ini, oleh sebab kalau tidak, saya rasa di masa akan datang sekiranya ada hujan semua bandar Seremban barangkali akan banjir, oleh sebab di sekeliling Seremban banyak lagi dibuat development atau kemajuan perumahan dan banyak lumpur sampai ke Seremban dan dalam pekan Seremban juga semua parit-paritnya dipenuhi oleh lumpur dan kalau drainage system tidak dibaiki, saya rasa susah.

Saya harap pihak berkenaan silalah percepatkan memberi peruntukan sebagaimana yang telah dijanji iaitu sebanyak \$20 juta. Sekian, terima kasih.

5.15 ptg.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Bismillahirrahmannir-rahim. Saya bangun mengikuti menyokong Anggaran Belanjawan Tambahan yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan baru sekejap tadi. Betapa pentingnya tambahan Anggaran Belanjawan ini kerana kita sendiri

selalu terdengar dalam Dewan ini sendiri bagi pihak Menteri Kerjaya selalu sebut mengatakan kalau ditanya soal kenapa jalan itu tidak siap ataupun jalan ini tak siap. Jawabnya kerana Kementerian Kewangan tak beri belanja yang cukup dan sebagainya.

Memandangkan dalam negara kita ini banyak lagi perkara-perkara yang mustahak hendak dibetulkan dan pekerjaan-pekerjaan yang belum dibereskan, dengan itu betapa mustahaknya Anggaran Belanjawan ini ditambahkan terutama sekali kalau kita pandangkan dalam masa sesingkat-singkat ini apabila datangnya pula masa gelora ataupun banjir, bencana alam, betapa mustahaknya kepada perbelanjaan-perbelanjaan yang rapi dan perbelanjaan-perbelanjaan yang cukup, kerana kita tidak tahu apakah kemalangan-kemalangan banjir akan menimpa khasnya di negeri-negeri di sebelah Pantai Timur. Maka bagi pihak rakyat amatlah mengharapkan kepada pihak Kerajaan dengan Belanjawan yang cukup itu agar betul-betul menolongkan rakyat, agar betul-betul berkhidmat untuk rakyat, agar betul-betul sampai kepada rakyat. Kadang-kadang kita mencukupi Belanjawan akan tetapi dari segi perkhidmatan kita kepada rakyat tidak begitu cukup. Sebab apakah saya mengatakan sedemikian. Sekiranya negara kita sedang dalam aman, baik, bagus, suasana bahagia, kita tidak nampak bahawa pihak perkhidmatan-perkhidmatan itu berkurangan tetapi apabila datang sesuatu kecemasan ataupun sesuatu bencana yang tidak kita fikirkan, di situlah nampaknya kadang-kadang lembab dan kurang perkhidmatan kita kepada rakyat.

Contohnya tahun lalu. Tahun lalu masa Terengganu ditimpa banjir, beribu-ribu orang terkandas di Paka. Di antaranya kesesakan wang, tidak ada duit. Di antaranya pergi cuci

mangkok orang kerana hendak dapat makan, berada di sana berminggu-minggu, tidak boleh ke belakang, tidak boleh hendak ke hadapan. Kita di Malaysia cukup lengkap dengan tentera-tentera kita, kita ada helikopter, kita ada kapalterbang, kita ada bot laju.

Kementerian Pertahanan sepatutnya ketika itu perintah helikopter-helikopter masa itu pergi tolong ambil orang bawa balik yang bahawasanya Kementerian Pertahanan ini untuk pertahanan bukan untuk pertahanan diserang oleh musuh-musuh komunis sahaja, bukan itu maksudnya. Maksud pertahanan negara ini daripada segala ancaman yang boleh kita tolong. Bukan mempertahankan negara daripada serangan komunis dengan senjata-senjata api sahaja. Helikopter kita duduk saja-saja, kenapa?

Di satu masa patut perintah helikopter kita tolong ambil orang-orang, rakyat yang lapar di Paka, tolong pindahkan bawa balik ke mana tempat yang boleh selamat. Saya sendiri menyaksikan dengan lilihan air mata ketika itu saya terkandas di Kuantan. Berapa banyak rakyat Malaysia tidur di kaki-kaki lima—beratus-ratus, di mana Kerajaan, di mana pegawai-pegawai kebajikan pada ketika itu. Di manakah kita berhasrat menolong rakyat, di mana?

Ratusan manusia tidur di kaki lima, tidak ada siapa pergi tanya dan sebagainya. Saya sendiri, saya pergi “round” malam-malam hari, saya mahu cari rakyat kawasan saya Kuala Nerus kalau-kalau ada lapar.

Oleh yang demikian saya tarik beberapa orang-orang kawasan saya yang sedang duduk di kaki lima, saya bawa ke hotel beri mereka makan tetapi pada ketika itu di manakah pegawai-pegawai Kerajaan, di manakah orang-orang yang bertanggungjawab hingga rakyat

Malaysia bergelimpangan di kaki lima pada ketika itu, di mana perkhidmatan kita, di mana ikhlas kita, di mana jujur kita untuk berkhidmat kepada rakyat.

Belum lagi negara berperang, belum lagi negara kita diserang oleh Komunis dengan besar-besaran. Diserang dengan air banjir pun kita tidak layan kepada rakyat kita. Saya dengan lilihan air mata memandang orang dengan anak kecil. Mereka pergi menumpang, cuci pinggan orang kerana mahu makan. Ini saya lihat dengan mata kepala saya sendiri. Saya mahu tahu di mana pegawai-pegawai, di mana mereka, sampai hatikah kita tidur dengan nyenyaknya di rumah di istana kita, rakyat bergelimpangan di tepi jalan, tidak ada makan berminggu-minggu. Itu hanya di Kuantan. Kita pandang pula di Paka. Pada ketika itu orang-orang berniaga mengambil peluang menjual sepenggan nasi sampai \$15. Ketika itu di antara orang-orang yang menjual jam, ketika itu perempuan-perempuan tanggalkan emas, gelang di tangan kerana mahu makan, disebabkan terkandas.

Saya hairan, saya bercakap di dalam hati saya, di manakah helikopter-helikopter yang dibeli oleh Kerajaan, untuk apa disimpan ini, kenapa tidak perintah askar-askar kita supaya menolong orang-orang ini. Untuk kita bertambah berkat pemerintahan kita, orang-orang yang bertanggungjawab kita, semoga Allah subhanahu wataala sentiasa memberi rahmat kepada kita, tolonglah orang-orang susah, pandanglah orang-orang menderita, tengoklah keadaan orang-orang susah.

Adakah kita sampai hati di masa banjir kita tidur nyenyak di atas katil kita, di atas tilam kita yang sedap. Pernah juga tahun yang lalu semasa saya meninjau banjir tengok keadaan, orang-orang yang ditugaskan, orang-orang yang ditugaskan menyekat bajir ataupun menolong orang kemalangan

banjir, dalam suratkhabar kalau kita tengok persiapannya lengkap, apa dia lengkapnya, di mana bot-botnya, di mana? Kalau kita tengok negeri-negeri tempat dilanggar banjir seperti di Terengganu, bot-bot polis, di mana dia?

Saya sendiri pernah bertanya di mana bot. Bot masih di atas darat. Dan masing-masing pengawal banjir dan sebagainya duduk di pejabat menunggu telefon. Apabila ditanya bagaimana tuan mengawal banjir ini, kita tunggu laporan. Laporan dari mana, kalau sekiranya orang-orang kampung sudah tenggelam bagaimana mahu dilapornya.

Orang-orang kampung, ini saya bercakap bukan saya bercakap rekaan, saya sendiri mengharung sampai setakat leher. Saya mengharung sendiri. Saya pergi naik ke atas rumah orang, saya tolong angkat ayam orang dalam kawasan saya. Oleh itu saya mahu tahu di mana pegawai-pegawai, di mana penolong-penolong, di mana orang-orang yang bertanggungjawab.

Masing-masing duduk di pejabat, tunggu telefon. Sepatutnya, sekurang-kurangnya kita mesti tahu hujan makin banyak, kita mesti tahu dan siasat di manakah kawasan-kawasan rendah, di sini rendah, dan di sana rendah, mungkin akan air naik dan sebagainya. Apabila air lagi naik, di situlah tempat, kita menerkam sepatutnya tetapi apabila ditanya kawasan mana rendah, tidak tahu. Tidak tahu kawasan mana rendah.

Jadi apabila orang semua tenggelam ke mana mahu ditujunya. Oleh itu saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya siapkan bot-bot, banyakkan peruntukan, buatkan bot-bot kecemasan ini di tempat-tempat yang selalu ditimpa banjir. Sebab kalau kita tidak bersiap seperti ini bagaimana

kita mahu menolong. Makanan-makanan pula yang amat menggelikan hati saya di Kuala Berang, ada orang bercakap dengan saya sendiri, bantuan yang sampai kepada beliau, setengah kati gula untuk tiga orang, dua tin sardin untuk tiga orang. Jadi kalau kita fikir apa ini, untuk makankah, untuk beri kepada ayamkah, atau untuk apa.

Ini tidak salahnya bagi pihak Kerajaan, salah bagi pihak pegawai-pegawai yang mengedarkan barang-barang itu. Amanah kadang-kadang di antara amanah itu tidak disempurnakan. Kalaulah kita katakan peruntukan yang dijangka cukup tetapi disampaikannya tidak cukup. Ini dari segi amanah pula.

Yang demikian, kita ini sudah dekat, ataupun sudah sampai musim tengkujuh dan kita tidak tahu bagaimana akan terjadi pula, semoga apa yang terjadi di Paka, Terengganu sebagaimana tahun yang lalu agar tidak lagi berulang sebagaimana apa yang berlaku di tahun ini.

Apa yang saya lihat di tahun lalu bergelimpangan orang-orang terkandas kerana banjir, seperti di Kuantan. Semoga tidak lagi pada tahun ini berlaku seperti itu, banjir memang ada tiap-tiap tahun boleh dikatakan, banjir ini daripada Allah. Di sini bagi pihak kita sedaya upayanya, sepatutnyaalah kita menolong betul-betul dan lantikan pegawai-pegawai untuk mereka meronda di malam-malam hari.

Saya fikir barangkali apabila dijawab ataupun Timbalan Menteri akan menjawab tentulah akan mengatakan pegawai-pegawai ronda sudah ada dilantik atau sebagainya, cukup lengkap kesemuanya. Oleh yang demikian, kalau sekiranya sudah dilantik, kenalah ada pula tukang menyiasatnya. Adakah yang kita

lantik untuk meronda malam-malam hari itu dia meronda di rumah diakah atau dia meronda tengok orang-orang kena kemalangan? Jadi supaya tidaklah teraniaya orang-orang kita.

Jadi pada musim banjir ini, di sini saya mengesyorkan, mencadangkan supaya pihak Kementerian seperti Kementerian Kebajikan Masyarakat dan sebagainya untuk menambahkan peruntukan mereka kepada peruntukan bantuan banjir dan begitu juga peruntukan-peruntukan kepada banjir ini ataupun mengatasi banjir ini agar diperuntukkan lebih daripada tahun-tahun yang lalu dan saya mencadangkan lagi kepada Kementerian Pertahanan apabila berlakulah banjir yang melanda besar mengakibatkan di antara rakyat-rakyat terkandas seperti berlaku di Paka, Terengganu tahun yang lalu diharapkan, saya syorkan supaya pihak Kementerian Pertahanan perintahkan umpamanya kepada helikopter-helikopter kita supaya pergi ambil atau menolong orang-orang ini. Tak usahakan manusia, saya teringat contoh yang amat baik yang dapat kita tauladankan kepada perkhidmatan kita.

Saya teringat tahun 1976—tahun 1976 di Jeddah, Saudi Arabia, ketika itu pelabuhan dia didapati “congestion”, dengan izin, iaitu kapal-kapal tak boleh hendak hempet, tak boleh hendak menurunkan barang. Ketika itu saya tengok Kerajaan Saudi perintahkan helikopter-helikopter entah daripada mana, daripada militeri dan sebagainya, tolong ambil barang-barang, punggah daripada kapal bawa naik ke darat. Itu barang. Ini kita manusia 15 hari 15 malam terkandas, tak adapun helikopter tololong hendak ambil. Ini bukan barang, ini orang. Rasa saya perkara-perkara seumpama ini boleh kita jadikan contoh dan tauladan untuk kita, untuk apa disimpan helikopter-helikopter itu? Nanti komunis serang

negara kita? Untuk itu sahajakah ataupun untuk angkut peluru-peluru sahajakah? Untuk angkut senjata-senjata sahajakah? Tak bolehkah untuk angkut orang-orang susah?

Itulah yang saya cadangkan agar pada tahun ini sekiranya berlaku kecemasan-kecemasan banjir seperti tahun lalu semoga dapatlah pihak Kementerian Pertahanan memberikan pertolongan-pertolongan seperti itu. Adapun tahun yang lalu pertolongan-pertolongan memang ada, bukan tak ada, tetapi dengan bot juga, dengan bot juga sebelum datang bot daripada Kerajaan itu, pihak bot-bot nelayan-nelayan ini masa ketika itu mengambil peluang. Daripada Paka ini hendak menyeberang sampai ke seberang sana mula-mula tambangnya \$8.00, lepas itu ambil tambang \$15, lepas itu sampai ke \$70 tambangnya. Ini hakikat, bukan saya cerita-cerita dongeng. Ini hakikat. Oleh yang demikian, orang yang duit tak ada, \$70 duit tak ada, maka mereka tak balik. Ada di antaranya pergi cuci pinggan orang, ada di antaranya pergi minta sedekah, makan di rumah orang. Bukan 100-200 manusia, hampir ribu terkandas di Paka ketika itu. Yang saya tengok sendiri dengan mata kepala saya di Kuantan.

Maka inilah satu dugaan yang kita dapat sama-sama berfikir, ertiinya belum lagi negara kita di serang oleh bala-bala yang besar. Yang kecil-kecil pun kadang-kadang kita nak kata tak terlayan, tak mahu layan, tak tahukah, nak kata tak tahu, televisyen pun ada siarkan. Oleh itu perkara-perkara seumpama ini agar dapat kita sahama-sama memberi perhatian yang penuh.

Selain daripada itu saya mencadangkan kepada Kementerian Kewangan agar kewangan-kewangan yang dibelanjakan itu sesuai dengan keadaan masa dan apa yang lebih mustahak. Kalau dikatakan mustahak

ataupun penting, kesemuanya penting tetapi hendaklah ditekankan atau diutamakan kepada apa yang lebih penting.

Itulah sahaja rasa saya dan saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong penuh peruntukan Belanjawan tambahan yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mengemukakan usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1983) dan (1984) telah dibacakan kali kedua.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan usul di atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan telah dibacakan kali kedua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1983) dan (1984) telah dibacakan kali kedua.

Perbahasan disambung semula

5.38 ptg.

Tuan Ling Sie Ming (Sibu): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah membentangkan Rang Undang-undang Peruntukan Tambahan 1983 kali kedua dan peruntukan tambahan 1984 kali pertama di Dewan yang mulia ini.

Tujuannya ialah untuk meluluskan peruntukan sebanyak \$22,606,160 juta. Peruntukan bagi tahun 1983 adalah sebanyak \$191.15 juta, manakala peruntukan bagi tahun 1984 sebanyak \$2,321.05 juta. Anggaran bagi tahun 1984 telah menjadikan jumlahnya meningkat kepada \$30 billion.

Ada kemungkinan Kerajaan akan menambah peruntukan itu lagi buat kali kedua. Jadi, walaupun Kerajaan giat menyeru rakyat jelata supaya berjimat bersungguh-sungguh, sebaliknya perbelanjaan Kerajaan telah melambung naik. Oleh itu, adakah seruan Kerajaan itu sekadar satu cogan kata yang tak bererti.

Di sini saya mahu menyentuh tentang soal-soal Perumahan Kos Rendah berjalan serta Pembangunan Jalan-jalan Raya. Satu masalah perumahan kos rendah, rakyat dari golongan berpendapatan rendah sangat-sangat memerlukan rumah kos rendah kerana mereka tidak mampu membeli rumah-rumah kos sederhana. Keperluan itu kini menjadi lebih mendesak kerana lebih ramai lagi penduduk desa yang berhijrah ke bandar. Oleh kerana Kerajaan gagal menyediakan perumahan bagi

golongan berpendapatan rendah maka mereka terpaksa menduduki tanah Kerajaan secara haram. Sebenarnya mereka tidak mahu berbuat demikian. Akibat kegagalan usaha Kerajaan boleh dilihat dari kejadian Kampung Bercam, satu kejadian yang bukan dilakukan dengan sengaja tetapi dipaksa oleh keperluan terhadap perumahan.

Pada 5hb November, 1984 lalu sebagai menjawab rakan saya dari Bandar Kuching, Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata sasaran rumah kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Keempat bagi Sektor Awam dan Sektor Swasta ialah 176,500 unit dan 90,000 unit masing-masing. Sasaran bagi negeri Sarawak dalam Sektor Awam ialah 6,793 unit manakala bagi Sektor Swasta tidak ditentu sasarnya.

Setakat 31hb Disember, 1983 sebanyak 57,502 unit rumah kos rendah telah dapat disiapkan. Daripada jumlah ini sebanyak 44,502 unit dibina oleh Sektor Awam dan 12,479 unit telah dibina oleh swasta. Setakat 30hb Jun, 1984 hanya sebanyak 50,497 unit atau 28.6% daripada sasaran telah dibina. Adalah dianggarkan sebanyak 88,250 unit atau 50% sahaja akan siap dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga hanya 26,250 atau 35.7% telah siap dibina.

Dari jawapan ini kita penuh sedar bahawa kemajuan dalam bidang pembinaan rumah kos rendah bukanlah sesuatu yang boleh dibanggakan. Dalam tempoh 9 tahun yang lalu hanya 32.5% daripada sasaran telah dicapai oleh Kerajaan. Dalam Sektor Swasta hanya 10.39% daripada sesebuah telah dicapai. Kerajaan harus mencari sebab-sebab mengapa rancangan rumah kos rendah

gagal. Tidaklah berguna untuk mengatakan kegagalan ini adalah kerana kemelesetan ekonomi dunia.

Perkara-perkara yang Kerajaan harus menimbang untuk memperbetulkan keadaan itu termasuklah:

- (1) Pentadbiran
- (2) Kecekapan
- (3) Penyeliaan.

Saya percaya kegagalan Kerajaan membina rumah kos rendah seperti yang disasarkan bukan kerana keadaan tetapi kerana pentadbiran.

Tuan Speaker, misalnya Singapura adalah sebuah negara yang kecil tetapi mereka mampu membina 30,000 unit rumah setiap tahun iaitu setiap unit dalam masa 17 minit sahaja. Jika Singapura mampu berbuat demikian, mengapakah kita tidak boleh, lebih-lebih lagi kita mempunyai sumber-sumber dan keadaan yang lebih baik untuk membina rumah kos rendah.

Masalah settinggan negara ini makin lama makin serius. Jika masalah itu tidak dapat diselesaikan ia akan bertambah buruk lagi. Saya mendesak supaya Kerajaan memandang berat atas masalah itu. Satu dasar yang berkesan untuk menghadapinya hendaklah diwujudkan. Kerajaan telah pun membelanjakan berjuta-juta ringgit wang rakyat untuk projek perumahan kos rendah. Sebanyak \$3,017 juta telah diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan \$1,469 juta dalam Rancangan Malaysia Keempat. Jika peruntukan yang besar itu juga tidak boleh menyelesaikan masalah perumahan, maka sudah tentulah sesuatu yang tidak betul telah berlaku dalam pentadbiran Kerajaan. Sudahlah tibanya masa bagi Kerajaan untuk mengatasi masalah ketidak seimbangan dalam bidang pembinaan dan peruntukan.

Dalam Belanjawan 1985 sebanyak \$10 telah diperuntukkan masing-masing kepada Kumpulan Wang Amanah Perumahan Sarawak dan Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Sarawak. Sebanyak \$13.33 juta telah dipinjamkan bagi maksud membina rumah kos rendah. Rakyat Sarawak yang sangat-sangat memerlukan rumah kos rendah rasa kecewa kerana terdapat begitu sedikit sahaja peruntukan untuk projek rumah kos rendah di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Sarawak sudah pun gagal untuk menghadapi masalah perumahan untuk rakyat berpendapatan rendah, kerana tidak ada sebuah unit kos rendah yang dibina dengan harga kurang daripada \$25,000 seunit sepetimana yang ditetapkan oleh Kerajaan Pusat.

Yang kedua, pihak swasta langsung tidak membina rumah kos rendah berharga kurang daripada \$25,000 seunit, kerana kononnya mereka tidak boleh mendapat keuntungan besar. Kerana kegagalan Kerajaan untuk menyediakan rumah kos rendah maka masalah setinggan telah menjadi lebih serius berbanding dengan Semenanjung Malaysia.

Di Kuching terdapat lebih kurang 4,000 setinggan dalam satu tempat sahaja dan begitu juga terdapat beribu-ribu setinggan di Sibu, Bintulu dan Miri. Setiap kali Kerajaan bercadang untuk menggunakan tanah yang diduduki oleh setinggan, pergaduhan sering berlaku antara mereka dengan pihak berkuasa yang berkenaan.

Kalau masalah setinggan di Sarawak tidak diselesaikan dengan adil, saya khawatir kejadian Kampung Bercham akan berulang lagi di Sarawak.

Dalam tahun 1983, Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 800 unit rumah dikatakan rumah kos rendah telah dibina di Batu Kawah tetapi yang

memohon untuk mendapatkan rumah itu adalah lebih 13,000 orang. Di Upper Dundon Road, Sibu 1,045 unit rumah yang dikatakan rumah kos rendah telah dibina dengan harga \$50,000 hingga \$60,000 seunit, tetapi yang memohon adalah 5,000 orang.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat satu lagi projek perumahan akan dijalankan di Jalan Oyah, Sibu. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan melawat Sibu pada 16hb April, 1983 memberi tahu penduduk Sibu bahawa projek itu akan siap dalam tempoh rancangan tersebut. Walaupun projek itu patut dilaksanakan, saya dapat tahu ia sudah dibatalkan, kerana tanah yang dikhaskan tidak sesuai. Sebenarnya tanah itu sudah tenggelam, wang rakyat juga sudah dibazirkan oleh Kerajaan. Satu siasatan mengenai pembaziran wang rakyat hendaklah dijalankan untuk memastikan siapakah yang bertanggungjawab atas memiliki kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketiga, negeri Sarawak telah diperuntukkan \$136.37 juta atau 11.48% daripada jumlah peruntukan untuk perumahan kos rendah tetapi dalam Rancangan Malaysia Keempat Sarawak diperuntukkan hanya \$66.15 juta atau 4.5% daripada jumlah besar peruntukan bagi rumah kos rendah. Lebih separuh daripada rakyat Sarawak itu di bawah garis kemiskinan, jadi negeri itu memerlukan lebih banyak peruntukan untuk mengatasi masalah perumahan khasnya rumah kos rendah.

Saya mencadangkan supaya satu

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta maaf. Saya hendak bertanya Yang Berhormat bercakap berkenaan dengan rumah kos rendah, di bawah butiran mana itu? Adakah Kementerian ini minta

wang tambahan pembangunan ataupun perbekalan. Jika tidak ada, pada fikiran saya tidak boleh diucapkan kerana ia bukan di atas usul yang ada di hadapan kita. Adakah di dalam butiran ini, saya sudah cari tidak ada. Adakah Kementerian ini minta tambahan dalam tahun 1983 atau 1984 di bawah Kepala Pembangunan atau di bawah Kepala Bekalan?

Tuan Lee Sie Ming: Tuan Yang di-Pertua, menurut buku ini—Kertas Perintah 37, muka surat 8, Buitran 21, ini ada dicatatkan rancangan perumahan awam kos rendah bagi Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Lee Sie Ming: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya:

- (1) Kerajaan Pusat menambahkan peruntukan bagi rumah kos rendah untuk negeri Sarawak.
- (2) Membaiki pentadbiran dan kecekapannya serta menyelia projek-projek perumahan dari semasa ke semasa.
- (3) Membuka tanah Kerajaan Negeri bagi pembinaan rumah kos rendah.
- (4) Mengurangkan duti import bagi bahan-bahan binaan sekurang-kurangnya bagi bahan-bahan yang digunakan untuk membina rumah kos rendah.
- (5) Membina rumah-rumah kos rendah baharu untuk mengurangkan kepadatan penduduk di satu-satu kawasan yang menyebabkan harga rumah melambung naik.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat negeri Sarawak kini menghadapi masalah-masalah pelajaran yang lebih rumit daripada yang dihadapi oleh rakyat di Semenanjung Malaysia. Ini kerana sistem pelajaran negeri itu sekarang

berada dalam tempoh peralihan. Kini sekolah-sekolah aliran bahasa Inggeris sedang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama, manakala sekolah-sekolah aliran bahasa Cina sedang menghadapi kekurangan guru-guru terlatih.

Di sini saya ingin menarik perhatian Kerajaan kepada beberapa masalah yang terdapat di negeri Sarawak. Masalah-masalah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina), saya tumpukan perhatian khas kepada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) kerana tidak terdapat apa-apa pun masalah yang serius di Sekolah-sekolah Kebangsaan selain daripada setengah guru yang berasal dari Semenanjung Malaysia yang belum dapat menyesuaikan diri dengan keadaan di Sarawak. Kekurangan guru merupakan satu masalah rumit di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina). Kekurangan itu disebabkan oleh:

- (1) Langkah Kerajaan mengurangkan pengambilan guru pelatih dari aliran bahasa Cina.
- (2) Tempoh latihan telah dipanjangkan kepada tiga tahun sejak tahun 1981.
- (3) Pelaksanaan sistem 3M di mana nisbah guru dan darjah adalah bertambah daripada 1:2 kepada 1:5.
- (4) Guru-guru lelaki dibenarkan bersara setelah mencapai umur 50 tahun dan guru-guru perempuan pada 45 tahun.
- (5) Guru-guru pelatih dari aliran bahasa Cina dikehendaki mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia peringkat SPM.
- (6) Kelas latihan masa cuti sekolah untuk guru-guru sementara tidak diteruskan lagi.
- (7) Kerajaan enggan mengambil mereka yang lulus Peperiksaan

Sekolah Menengah Atas, aliran Bahasa Cina dan juga mendapat kelulusan atau kepujian dalam Bahasa Malaysia di peringkat SPM untuk menjalani latihan perguruan.

Penguasaan Bahasa Malaysia ini juga merupakan satu masalah yang paling rumit khasnya bagi rakyat Sarawak. Ini adalah kerana Bahasa Malaysia diwajibkan di sekolah-sekolah rendah di negeri Sarawak dalam tahun 1977 dan di sekolah-sekolah menengah dalam tahun 1983. Oleh itu rasa bimbang akan timbul di kalangan rakyat Sarawak, juga Kerajaan harus mengasingkan kurikulum lama dengan yang baru dalam tempoh peralihan itu.

Kini di negeri Sarawak terdapat lebih kurang 30 orang guru yang telah menjalani latihan perguruan dari tahun 1975 hingga 1978. Mereka menghadapi kemungkinan diberhentikan perkhidmatan kerana tidak mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia. Setengah-setengah daripada mereka telah mengajar selama 12 hingga 15 tahun. Mengikut satu peraturan baru yang dikeluarkan dalam tahun 1983, mereka dikehendaki mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia sebelum tahun 1986, jika gagal mereka akan diberhentikan perkhidmatan.

Saya berharap Kerajaan akan memberi perhatian kepada golongan guru tersebut di atas dan membetulkan keadaan yang tidak munasabah itu. Saya juga berharap Kerajaan akan terus membenarkan mereka yang mendapat kelulusan dalam Bahasa Malaysia peringkat SRP untuk mengajar di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina). Janganlah memaksa mereka mesti mendapat kepujian dalam SPM.

Masalah keluangan sekolah disebabkan kemelesetan ekonomi, ramai penduduk kampung telah

berhijrah ke bandar menyebabkan keluangan tempat-tempat di sekolah untuk anak-anak mereka. Di kebanyakan sekolah-sekolah terdapat 50 hingga 55 murid dalam satu darjah kerana kekurangan bilik. Ini adalah satu masalah yang rumit dan mungkin menjaskam kemajuan pelajaran murid-murid. Lagipun kejayaan, pelaksanaan 3M bergantung semata-mata kepada hubungan langsung antara guru dan murid. Bagaimanakah dapat seorang guru mencapai matlamat itu di dalam sebuah bilik yang mengandungi begitu ramai murid?

Jadi usaha mengadakan bangunan-bangunan sekolah baru hendaklah dijalankan dengan segera. Kebanyakan bangunan-bangunan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) di negeri Sarawak adalah bangunan-bangunan lama, khususnya di luar bandar bangunan yang lama itu merupakan satu bahaya kepada murid-murid sekolah. Misalnya, Sekolah Tionghua III di Bandar Kuching. Bekas Timbalan Menteri Pelajaran telah berjanji memberikan \$3 juta untuk membina semula bangunan sekolah ini tetapi Timbalan Menteri Pelajaran ini tidak dapat menepati janji, sebaliknya bersetuju memberikan \$50,000 setahun kepada sekolah itu. Memandangkan bahawa \$3 juta diperlukan untuk projek pembinaan semula, maka projek itu akan mengambil masa selama 60 tahun berdasarkan peruntukan sebanyak \$50,000 setahun dari Kementerian Pelajaran. Saya ingin bertanya di sini, jika Kerajaan enggan membina semula bangunan Sekolah Tionghua III, siapakah yang akan dipertanggungjawabkan jika berlaku sesuatu kejadian merbahaya, adakah Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan meletakkan jawatan? Meskipun beliau sanggup berbuat demikian, apa yang terjadi tidak dapat diselamatkan lagi.

(c) Masalah kekurangan institusi pengajian tinggi dan sekolah bagi mewujudkan lebih ramai ahli-ahli pendidikan. Adalah mustahak untuk Kerajaan membuka balik Maktab Perguruan di Sibu. Kerajaan telah mengadakan Maktab-maktab Perguruan di Kuching, Bintulu dan Miri masing-masing. Adalah bijak menyediakan sebuah Maktab Perguruan di Sibu juga kerana penduduk di bandar itu adalah yang paling ramai di seluruh negeri.

Tuan Yang di-Pertua, jalan-jalan raya yang dibina oleh Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah mencapai taraf baik dan patut dipuji. Bagaimanapun, Kerajaan nampaknya tidak mengambil begitu berat terhadap pembinaan jalan-jalan raya di negeri Sarawak terutama jalan-jalan raya yang menyambung bahagian-bahagian terpenting. Oleh itu perhubungan darat masih sukar di negeri itu. Walaupun peruntukan kepada Jabatan Kerjaraya Negeri telah bertambah, ianya tentu tidak memadai dan ini akan menjelaskan pembangunan jalan-jalan raya pada tahun hadapan.

Saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Kerjaraya membuat lawatan ke negeri Sarawak untuk melihat dengan sendiri keadaan di negeri itu. Ekoran dari lawatan itu barangkali rakyat Sarawak mungkin mendapat satu 'angpow' besar dalam Rancangan Malaysia Kelima untuk membina jalan-jalan raya di Sarawak. Kalau ini terjadi, maka rakyat Sarawak akan dapat menikmati perhubungan darat yang baik seperti dinikmati oleh Semenanjung Malaysia kini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh khasnya tentang soal pengeluaran lada hitam. Saya harap negeri Sarawak merupakan pengeluar lada hitam yang utama di negeri

Sarawak. Kerajaan hendaklah mengeluarkan arahan kepada Lembaga Pasaran Lada Hitam supaya ianya bukan sahaja melibatkan diri dalam usaha pengeluaran tetapi juga berusaha untuk mencari pasaran-pasaran baru. Kerajaan juga boleh menubuhkan sebuah pusat penyelidikan bagi menjalankan kajian atas komoditi ini supaya pengeluarannya boleh dieksport bukan sahaja dalam bentuk bahan asli tetapi juga sebagai bahan bahan pembuatan. Dari segi itu pandangan bernes dan perancangan jangka panjang adalah mustahak bagi menjamin kemajuan lada hitam negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Matang.

6.13 ptg.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong di atas peruntukan tambahan Kementerian Kewangan bagi tahun 1983/1984.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh ada beberapa perkara yang mana peruntukan-peruntukan tambahan ini bagi tujuan supaya wang rakyat benar-benar sampai kepada matlamatnya. Saya berkata demikian oleh kerana apa yang kita lihat, apa yang kita tengok bahawa banyak daripada peruntukan-peruntukan dan juga yang diberi untuk projek-projek rakyat di seluruh negara kadang kala kita lihat peruntukan yang diberi ataupun hasrat Kerajaan itu memang baik tetapi sampai ke satu peringkat, wang-wang rakyat, saya berkata wang rakyat kerana Kerajaan mendapat wang ini daripada rakyat, yang dicukai daripada rakyat maka wang itu pula Kerajaan laburkan balik kepada rakyat, tetapi ada kalanya peruntukan

ini, hasrat Kerajaan memang baik tetapi matlamat dia ada kalanya tidak begitu sempurna.

Saya beri contoh, misalnya satu projek yang dibuat oleh Kerajaan melalui tender, misalnya katalah sebuah jambatan atau sebuah bangunan sekolah. Bangunan kalau kita tinjau katalah tender sebuah sekolah yang bernilai \$1 juta tetapi di segi perbelanjaan mendirikan sekolah, barang-barang semuanya itu dengan upahnya dikira tidak pun sampai \$1 juta. Ini kita tidak tahu apakah yang menyebabkannya. Mungkin perkara-perkara ini kita ada kala, saya ingin menegur misalnya Kementerian Kerja Raya, peruntukan ada, setengah-setengah Jurutera-jurutera Kanan, saya tidak bawa laporan itu hari ini tetapi saya boleh tunjuk kalau hendak, ada Storekeepers daripada Jabatan Kerjaraya ini orang yang jujur tetapi ada setengah Jurutera-jurutera Kanan Jabatan Kerjaraya Daerah-daerah, misalnya dalam negeri Perak yang tidak jujur. Misalnya katalah dia beli barang yang berharga lebih kurang \$150 tetapi dia bermaufakat pula dengan pihak kontrak yang supply itu dimasukkan dalam bil itu \$300. Itu sebagai satu contoh dan banyak lagi perkara-perkara yang tidak harus dilakukan.

Oleh kerana inilah selalunya berlaku penyelewengan yang merosakkan Kerajaan kita yang mana Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini mengamalkan bersih, cekap dan amanah. Dalam masalah inilah rakyat-rakyat biasa faham dalam masalah ini. Apabila mereka, saya tidak mengatakan, bahkan ada banyak daripada kakitangan Kerajaan yang jujur tetapi ada segelintir, mereka inilah, cekap memang cekap tetapi tidak amanah. Cekap banyak, kata orang memang banyak cekap. Menipu pun cekap juga, berkerja pandai pun orang kita kata cekap. Inilah yang menjadi masalah yang

mana wang rakyat berjuta-juta, beribu-ribu juta ringgit yang Kerajaan kita memperuntukkan untuk rakyat tetapi hasrat Kerajaan untuk matlamat yang dikendaki itu tidak sampai. Inilah yang saya ingin memperingatkan, supaya kita semua terutamanya daripada kakitangan Kerajaan sama ada daripada atasan sampai ke bawahan marilah kita benar-benar mengamalkan konsep tegas, jujur, amanah. Sebab dalam Islam sendiri, saya ini bukan ahli agama, tetapi kita mesti mengamalkan yang mana Siddik, Amanah, Tabligh, Fathanah. Amanah ada dalam itu. Dengan sebab itulah Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini mengambil satu daripada konsep daripada Amanah.

Di sini selain daripada pegawai-pegawai Kerajaan, ahli-ahli politik termasuk saya sendiri mestilah kita benar-benar jujur, benar-benar iklas dalam satu-satu projek Kerajaan sama ada besar atau kecil, kadang-kadang tidak sampai matlamatnya. Misalnya cara peruntukan Ahli Parlimen sendiri misalnya kita minta sekian-sekian untuk orang kampung, kita beri \$2,000 untuk projek yang kecil sudah, projek Kerajaan yang kita Ahli Parlimen minta katalah \$2,000, jambatan itu kalau kita nilai, jambatan papan ataupun dibuat daripada kayu \$2,000. Kalau disuruh orang buat dengan upahnya sekali tidak sampai \$2,000 tetapi dalam kira-kira itu, kata kontraktor itu, kami kena beri si anu sekian, si anu sekian, yang itulah yang menjadikan rosak.

Di sini peruntukan-peruntukan yang kita lihat yang kita minta tambahan kepada Kementerian-kementerian, supaya benar-benarlah sampai kepada matlamat ataupun hasrat yang kitakehendaki itu.

Selain dari itu di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, ini saya tengok terlalu sedikit, benar tujuan Kementerian ini.

Tetapi apa yang saya dapat laporan Kementerian Perumahan ini pula dia sendiri pun Kementerian lain masih hutang, tidak bayar kepada Kementerian Perumahan, pun jadi masalah. Kerajaan sama Kerajaan. Ini pun hairan juga. Sama-sama Kerajaan. Misal kata pihak LLNlah misalnya duduk dalam kawasan bandaran hasil kepada perbandaran itu sampai bertahun-tahun tidak bayar pun ada. Itu kita pun tidak tahu. Ini saya berjumpa banyak dengan pegawai-pegawai daripada Kementerian Perumahan, Perbandaran ataupun Majlis Daerah, rungutan mereka, sama-sama Kementerian pun tidak terbayar. Saya pun hairan kenapa jadi begini, sama-sama Kerajaan pun tidak boleh bayar. Walhal badan seperti LLN itu adalah satu badan yang besar yang boleh, yang banyak wang tetapi tidak boleh mengatasi. Kita pun tidak tahu apa muslihat, kita tidak faham. Jadi, saya berharap kepada Kementerian-kementerian itu supaya sentiasa memberi kerjasama. Ini kita tidak mahu sama dalam satu keluarga, sesama keluarga pun bertelagah. Macam kata abang bergaduh dengan adik, abang bergaduh dengan kakak, macam itulah caranya daripada satu Kementerian dengan satu Kementerian tidak ada pula kerjasama.

Apakah salahnya ketua-ketua Jabatan itu sama ada Kementerian Perumahan, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ataupun apa-apa Kementerian sekalipun supaya ketua-ketua jabatan itu sentiasa bekerjasama dalam masalah-masalah yang tertentu demi untuk kebaikan kita, untuk kebaikan Kerajaan dan negara serta rakyat negara ini.

Menimbulkan masalah Kementerian Perumahan ini, Tuan Yang di-Pertua, masalah rumah-rumah untuk rakyat. Kita sedar bahawa pada masa sekarang ini terlalu ramai daripada rakyat-rakyat yang

berpendapatan rendah yang tidak mempunyai rumah. Mereka ini dahagakan sangat rumah-rumah. Saya mencadangkan dalam Parlimen ini sebagaimana yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak yang mana Kerajaan menyediakan tanah dan memberi tanah percuma dan menjemput pihak swasta secara "turnkey project" rumah kos rendah di antara \$15,000 hingga \$20,000. Ini satu cadangan yang baik yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak yang mana Kerajaan Negeri menyediakan tanah dan tanpa bayaran premium.

Pihak swasta membuat rumah secara "turnkey" dengan harga di antara \$15,000 hingga \$20,000. Jadi dengan harga rumah sebegini rakyat semuanya boleh dapat. Dan apabila kita membuat rumah cara pembahagiannya pula, sebab saya sedar sangat bahawa saya seorang daripada Jawatankuasa Memilih Rumah Kos Rendah ini di kawasan saya. Saya terpaksa dengan beberapa orang menyiasat benar-benar sebab apa orang yang membuat permohonan itu ramai, rumah sedikit 250 buah sedangkan yang memohon 12,000. Bila kita hendak proses itu kita kena kaji betul-betul kena pergi siasat, benarkah orang ini menyewa, benarkah orang ini tidak berupaya. Kadang-kadang itu dia duduk rumah sendiri dia kata dia sewa, pun ada. Tanah sendiri ada, ini pun satu juga caranya kita kena siasat betul-betul. Saya siasat. Orang ini yang sewa tapak, dia ada rumah sendiri, tetapi dia sewa tapak, tidak ada tanah langsung. Kita pergi check Pejabat Tanah, siasat habis, yang mana orang yang tidak ada itu akan kita beri. Itu saya berjumpa banyak.

Yang menjadi masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam cara memproses dan membahagi rumah kos rendah ini kerana banyak berlaku penyelewengan kadangkala kerana

saudara mara, kerana sahabat baik dia, dia sudah ada rumah sudah ada tanah, ada kebun getah semua, beri juga kerana kawan, kerana saudara, kerana adik saudara, bapa saudara, emak saudara dan tok saudara. Inilah yang berlaku. Rakyat yang benar-benar perlu tidak dapat.

Saya sekali lagi, saya berharap kepada Kementerian Perumahan supaya dapat berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri mengikut contoh sebagaimana yang disarankan ataupun yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Perak dan apa yang saya dapat laporan dari pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak bahawa sambutan begitu menggalakkan.

Selain daripada itu Kementerian Pelajaran. Ini masalah sekolah-sekolah. Di mana-mana sekarang ini kita dengar bahawa banyak; kita bersyukur kepada Allah s.w.t. sejak kita mencapai kemerdekaan kita lihat dengan mata kepala kita sendiri bahawa banyak sekolah-sekolah yang dulunya kita tengok sekolah-sekolah dalam bandar sahaja yang cantik-cantik tetapi sekolah-sekolah di luar-luar bandar pun alhamdulillah. Tetapi yang menjadi masalah sekarang ini di setengah-setengah tempat yang mana pertambahan penduduk begitu pesat sekali maka saya mencadangkan kepada Kementerian khasnya Kementerian Pelajaran agar membuat satu kajian, misalnya di tempat saya di Simpang, Taiping di mana pertumbuhan penduduk meningkat. Pada suatu ketika pada tahun 1980 penduduk di sekitar tempat saya di Simpang itu 30,000 orang tetapi pada hari ini hampir 50,000 orang. Begitu pesat.

Dari segi perumahan sudah banyak sampai 5-6 projek perumahan dalam kawasan itu. Tetapi dari segi sekolah misalnya di sekolah tempat saya mengajar itu pada 5 tahun sudah lebih

kurang 300 lebih tetapi pada tahun 1982 meningkat dekat 500. Sekarang ini sudah meningkat hampir 700.

Saya mengesyorkan kepada Kementerian Pelajaran supaya mengkaji keadaan kawasan-kawasan itu yang mana penduduknya itu cepat, pesat maka di situ keperluan sekolah-sekolah itu ditambah. Kalau diminta oleh pihak PIBG atau siapa-siapa oleh kerana memandangkan tidak cukup maka peruntukan kepada sekolah-sekolah berkenaan diberi segera sama ada sekolah bentuk pasang siapkah ataupun sekolah cara kata orang sekarang ini sekolah yang dibuat secara segera ini, saya pun sudah lupa, Tuan Yang di-Pertua, hendak disebut namanya. Pasang siap saya sudah sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, itulah cadangan saya semoga Kementerian Pelajaran ini membuat kajian.

Selain daripada itu ada setengah Kementerian misalnya Kementerian Perumahan, tadi saya lupa hendak sentuh. Misalnya di Taiping. Saya baru hari Ahad kelmarin buat perjumpaan dengan penduduk-penduduk. Sebenarnya Taiping itu bukan kawasan saya, kawasan Menteri Perusahaan Utama tetapi oleh kerana kami itu berjiran tetangga, memang tugas kami sebagai ahli-ahli Barisan Nasional tolong menolong, bantu membantu di antara satu dengan lain. Kalau kita sampai ke Taiping, ada sebuah sungai bernama Sungai Kota, Sungai Kota ini kecil sahaja.

Di Taiping ini adalah kawasan hujan yang mana kalau hujan di Taiping, maka akan melempahlah air merata-rata tempat, dan berhampiran dengan Sungai Kota ini ada 2-3 projek perumahan. Satu daripadanya Taman Long Jaafar sempena pada orang yang mula-mula sekali membuka lombong di Taiping Encik Long Jaafar, jadi kawasan itu dinamakan Taman Long Jaafar iaitu Phase 1 dengan Phase 2.

Kemudian berhampiran di sebelahnya pula Taman Sening dan begitulah seterusnya ada 2-3 lagi projek perumahan. Di Taiping ada 2-3 kali musim hujan. Hujan di Taiping terlalu lebat, kalau Tuan Yang di-Pertua, pergi ke sana sekarang ini memang musim hujan. Di Kuala Lumpur pun hujan, tetapi hujan di Kuala Lumpur ini kalau dibanding dengan di Taiping, Taiping yang paling lebat sekali dalam Malaysia ini. Apabila hujan sahaja, maka akan mengalirlah air daripada Bukit Maxwell, daripada Bukit Larut, dia terus dengan begitu cepat turun melalui Sungai Kota dan Sungai Tupai, terus akan melempah, sudah dua kali di Taman Long Jaafar itu dibanjiri air lebih daripada 2 kaki. Inilah yang menjadi masalah.

Saya berharap kepada pihak Kementerian Perumahan dan juga Jabatan Parit dan Talair supaya menyiasat perkara ini. Apa yang saya dapat laporan cuma perbelanjaannya untuk meluruskan sungai itu, kerana sungai itu ada bengkok sedikit, jadi air tidak dapat hendak mengalir, dia terpaksa lari naik di kawasan perumahan di situ.

Saya telah berbincang dengan pihak JPT, perbelanjaan tidak banyak cuma antara \$50,000-\$60,000 sahaja. Saya mintalah dalam peruntukan tambahan ini supaya benar-benar diberi untuk meluruskan Sungai Kota di Taiping dan juga membuat satu ban yang bernilai \$25,000 dan meluruskan sungai \$25,000 lebih kurang \$50,000 sahaja. Itu yang saya minta supaya dipercepatkan.

Selain daripada itu dalam masalah peruntukan tambahan ini saya melihat Kementerian Pembangunan dan Luar Bandar ini pun saya rasa tahun sudah saya telah bercakap di Parlimen pada bulan November. Saya minta supaya ditambahkan Kementerian ini, tetapi apa yang saya tengok tahun ini kurang

daripada tahun sudah, bukannya ditambah, tetapi dikurangkan daripada tahun sudah. Walhal peruntukan Kementerian ini mesti lebih kerana Kementerian inilah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk menolong orang-orang luar bandar.

Saya tengok dalam laporan Budget ini kebanyakannya di Kuala Lumpur-di Kuala Lumpur, buat Highway \$300 juta, buat yang ini \$300-\$400 juta, beratus-ratus juta tumpu ke Kuala Lumpur sahaja. Di luar-luar bandar ini seolah-olah kita menganaktirikan, bila kita tanya Yang Berhormat Menteri, Menteri kata kedudukan rumah di kampung itu berselerak sana-sini, tetapi apa salahnya kalau kita beri bantuan di luar bandar, kita akan dapat hasil juga. Masuk paip air pun orang kampung akan bayar juga, masuk elektrik orang kampung bayar, tidak ada pernah berhutang. Dalam masalah ini saya rasa apa-apa Kementerian pun tidak usah risau tentang luar bandar ini—beri pertolongan.

Sudah 27-28 tahun negara merdeka, ada orang kampung merungut: Apa ini sudah 27 tahun merdeka, kami tidak pernah rasa pun nikmat Kerajaan, katanya. Hendak dapat air paip pun tidak ada, elektrik pun tidak ada. "Apake heni", kata orang Perak. Ini satu masalah, kita kena ingat betul-betul bapa-bapa Menteri semua ini. Kita pun asal orang kampung juga, sekarang sudah habis duduk di bandar kita sudah lupa. Pegawai-pegawai Kerajaan pun begitu juga jangan jadi "Kacang lupakan kulit", Hari Raya mesti balik kampung, tengok keadaan orang kampung, setengah-setengah kampung kita tahulah ada yang dapat itu, dapat ini, kebanyakan daripada kampung-kampung ini masih tidak dapat lagi. Tetapi saya bersyukur di kawasan saya itu boleh dikatakan $\frac{3}{4}$ sudah ada, saya bersyukurlah kepada Allah s.w.t. yang pertama, dan kedua

kepada Kerajaan. Dengan itu sekali lagi saya mengulangi supaya peruntukan tambahan ini benar-benar sampai matlamat dan hasratnya.

Saya menyokong di atas peruntukan tambahan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kepong, selepas itu saya akan minta Menteri menjawab.

6.35 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang panjang, cuma saya menarik kepada Maksud B.7 iaitu Kertas Perintah 34.

Di sini sukalah saya membangkitkan satu hal mengenai apa yang telah dilafaskan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, iaitu mengenai orang ramai yang mensyaki keselamatan tempat pembuangan sisa-sisa radioaktif di Papan. Beliau telah mengatakan bahawa siapa yang menentang cadangan Kerajaan itu ialah orang-orang jahat, penjahat (rascal). Jadi dengan peruntukan tambahan yang diminta oleh Jabatan Perdana Menteri yang begitu banyak, saya tidak setuju dengan perkataan biadap itu. Sebab-sebab tertentu yang saya boleh kemukakan ialah bahawa penduduk-penduduk dan orang ramai tidak puas hati dengan keputusan Jumaah Menteri yang begitu gopah-gapah terhadap tempat penyimpanan sisasisa radioaktif di Papan. Sebab yang pertama ialah kerana tempat itu mempunyai banyak kelemahan, dengan izin, defect.

Kedua, dari segi kerja kejuruteraan tempat itu dibina dengan tidak sempurna.

Ketiga, bahan radioaktif torium itu yang hendak disimpan di Papan, disimpan dalam tempoh berapa tahun pun kita tidak dapat tahu sama ada

buat sementara, kalau sementara berapa tahun, 20 atau 30 tahun ataupun selama-lamanya?

Keempat, cadangan-cadangan yang dibentangkan oleh pihak Kerajaan untuk membina semula tempat-tempat untuk membuang sisa-sisa itu tidak memuaskan dan ada 3 faktor lagi mengenai risiko orang ramai mengenai bahan radioaktif thorium ini, iaitu

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun, minta apa? Minta penjelasan atau on a point of order?

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Minta tertib mesyuarat 36 (4). Adalah salah pula Peraturan Mesyuarat bagi seseorang ahli menggunakan bahasa biadap. Dalam hujahnya, Ahli dari Kepong mengatakan perkataan penjahat (rascal). Pandangan saya perkataan "rascal" ini adalah unparliamentary, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Perkataan apa?

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Rascal.

Tuan Yang di-Pertua: Rustle?

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Rascal (penjahat)—r-a-s-c-a-l, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Saya minta satu ruling.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cuba ulangkan apa Yang Berhormat kata tadi?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan tadi ialah perkataan "penjahat" itu digunakan oleh Yang Berhormat

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, sebagai rujukan kepada perkataan Yang Berhormat Menteri, bukan saya kata sendiri di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr Tan Seng Giaw: Perkataan ini tidak seharusnya dilafazkan oleh seorang Menteri selagi syak wasangka timbul ke atas pembuangan sisa-sisa radioaktif di Papan kerana sebab-sebab yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua: Perkataan 'rascal' itu daripada mana pula?

Dr Tan Seng Giaw: Daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi dia kata 'penjahat'!

Dr Tan Seng Giaw: Dia kata 'rascal', maknanya 'penjahat'.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak tumpang bertanya?

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Minta jalan. Saya membangkitkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah saya tak dengar perkataan 'rascal' disebutkan beberapa hari dahulu. Daripada petang ini saya dengar Ahli Yang Berhormat dari Kepong menyatakan perkataan 'rascal', pada saya itu 'unparliamentary'. Saya minta tarik balik perkataan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi apa Yang Berhormat dari Kepong kata itu dia dengar orang-orang yang dia kata, orang kata! (*Ketawa*). Jadi, biarlah orang yang dikatakan 'kata' itu menjawab dan dia terjemahkan perkataan 'penjahat' itu kepada 'rascal'. Saya rasa 'rascal' dengan 'penjahat' itu lebih kuranglah maknanya (*Ketawa*). Sila teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kerana Jabatan Perdana Menteri hendak meminta Bekalan Tambahan, saya bangkitkan hal ini supaya salah satu Menteri di dalamnya jangan berkelakuan begitu lagi. Tambahan pula syak wasangka yang timbul mengenai isu Papan ini ialah laporan-laporan yang dibentangkan, dengan izin, oleh 'International Atomic Energy Agency' dan 'British National Radiological Protection Board' yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan. Laporan-laporan inipun menunjukkan bahawa tempat-tempat pembuangan sisa yang dicadangkan itu tidak begitu selamat. Laporan daripada, dengan izin, 'Papan Action Committee' yang menganjurkan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong, bercakap di atas tajuk apa? Peruntukan itu untuk tahun ini, bukanlah di atas Perbelanjaan Perbekalan?

Dr Tan Seng Giaw: Maksud B.7, tahun ini juga—1984.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cuba baca tengok apa dia?

Dr Tan Seng Giaw: Kertas Perintah 34, Maksud B.7, inipun Tuan Yang di-Pertua, saya hampir habis dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Muka berapa, Yang Berhormat?

Dr Tan Seng Giaw: Muka 5, Kertas Perintah 34.

Tuan Yang di-Pertua: Di bawah apa itu?

Dr Tan Seng Giaw: Pentadbiran Am, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tak nampak ada sangkut dengan keputusan yang baru-baru dibuat. Yang ini peruntukan yang diminta ialah benda yang telah pun

dibelanjakan. Yang ini keputusan yang dibuat oleh Kabinet. Adakah bersangkut dengan Anggaran Perbelanjaan ataupun Anggaran Belanjawan? Saya minta gulungkanlah di atas perkara itu, masuk perkara baru jika ada.

Dr Tan Seng Giaw: Ada, Tuan Yang di-Pertua. Kesimpulannya, saya berharap Yang Berhormat Menteri yang saya sebutkan tadi baiklah jangan menggunakan perkataan "biadap" lagi dan baik dia mengadakan satu 'referendum' pungutan suara di Papan dan kawasan sekitarnya, sama ada rakyat hendak mengadakan tempat buangan sisa-sisa radioaktif di Papan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menarik perhatian kepada soal Peguam Negara kerana pada pendapat saya Peguam Negara pada minggu yang lepas telah memberi gambaran bahawa hasil penemuan Jawatankuasa BMF tidak boleh dijadikan landasan untuk tindakan undang-undang dan hanya siasatan Polis sahaja yang akan diambil kira. Sikap ini adalah tidak wajar kerana Pengerusi Jawatankuasa tersebut, Tan Sri Ahmad Noordin telah menjalankan tugas dengan bertungkus-lumus. Dan menurut apa yang telah disebutkan oleh Tan Sri Ahmad Noordin ialah, "siasatan Polis hanya perlu mengesahkan padangan dan tuduhan yang dibuat oleh Jawatankuasa itu dan bukan memulakannya dari awal kerana mereka juga akan memeriksa dokumen-dokumen yang sama yang ada pada kami". Tambah, Tan Sri Ahmad Noordin, "nampaknya semua usaha kami tidak memberi banyak manfaat, kami mendapat gambaran bahawa penemuan-penemuan kami boleh diketepikan dan jika ini benar, usaha-usaha kami hanya membuang masa dan membazirkan sahaja".

Tuan Yang di-Pertua: Yang itupun, Yang Berhormat, sangkut tentang

mana dengan Anggaran tahun yang kebelakang, tahun 1983?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, di sini Kerajaan meminta kira-kira \$2.4 billion.

Tuan Yang di-Pertua: Itu untuk yang lepas.

Dr Tan Seng Giaw: Yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, bukan yang hadapan ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menenangkan di sini bahawa kerja yang dibuat oleh Jawatankuasa yang saya sebutkan tadi tidak bolehlah diketepikan, patut dijadikan satu landasan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara mengenai kesihatan yang peruntukan tambahan diminta di sini. Mengenai kesihatan penduduk di luar bandar untuk ibu dan kanak-kanak, kadar kematian bayi dan kadar kematian ibu bersalin yang telah meningkat pada nisbah yang sama dengan kadar pertambahan penduduk, pada tahun 1980 23.99/1,000 bayi untuk kadar kematian bayi. Pada tahun 1981 19.71/1,000. Pada tahun 1982 19.26/1,000.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, pendidikan kesihatan adalah amat penting kerana tanpa penduduk yang sihat, daya pengeluaran sesebuah negara akan kurang. Lebih ramai orang bermakna permintaan yang lebih besar untuk perkhidmatan kesihatan awam, yang bererti lebih banyak katil rumah sakit, lebih klinik pesakit luar, tetapi yang penting sekali adalah kakitangan hospital. Sebuah hospital tidak dapat berfungsi tanpa doktor, jururawat, pembantu hospital dan kakitangan para medical. Pada awal tahun ini 800 orang hospital assistant di hospital-hospital besar dan hospital-hospital daerah telah mogok kerana perasaan tidak puas hati

mereka mengenai naik pangkat dan dibebankan dengan kerja orang lain telah diabaikan.

Kekurangan pegawai perubatan dan pakar-pakar telah menjadi suatu masalah yang tidak berakhir dalam Perkhidmatan Kesihatan awam kita. Pada tahun 1982, 12 pakar dan 149 pegawai perubatan telah meletakkan jawatan sementara 283 pegawai perubatan telah diambil. Dalam tahun 1983, 29 doktor pakar dan 222 pegawai perubatan telah meletakkan jawatan sementara 399 pegawai perubatan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan telah mengakui bahawa kita masih mengalami kekurangan 25% doktor di dalam Perkhidmatan Awam. Kekurangan doktor di Hospital Universiti adalah amat buruk. Pada 19hb Mac tahun ini Unit Jantung telah terpaksa ditutup kerana kekurangan kakitangan, sekarang ada pulih sedikit. Ini menjelaskan pembedahan. Di masa itu 114 pesakit jantung.

Di Hospital Universiti yang utama di UK, Australia, Kanada dan Amerika Syarikat doktor-doktor muda cuba dengan sedaya upaya untuk ditempatkan di hospital-hospital mengajar kerana memegang jawatan di hospital-hospital mengajar yang terkenal adalah pasport kepada suatu karier yang berjaya. Mengapa doktor-doktor muda di negara ini tidak suka berkhidmat di Hospital Universiti yang merupakan hospital mengajar utama di negara ini? Keadaan buruk ini mesti diperbaiki. Kerajaan termasuk Perdana Menteri sering menyatakan doktor-doktor meninggalkan perkhidmatan kesihatan atas perasaan tak puas hati. Saya berharap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang merupakan seorang doktor yang tidak mudah mempercayai alasan pincang dan senang adalah tepat bagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

untuk meluluskan dan seterusnya melaksanakan tanggagaji yang baru walaupun ia sudah terlalu lewat, justeru itu Kerajaan tidak seharusnya gagal untuk menyaksikan bahawa seluruh Perkhidmatan Kesihatan adalah sakit dan faktor-faktor yang mengakibatkan kesakitan ini hendaklah disiasat dengan teliti. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

6.35 *ptg.*

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Kerajaan yang telah memberi pandangan-pandangan yang berguna di dalam membincangkan peruntukan tambahan ini di bawah perbahasan-perbahasan dasar am.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berupaya menjawab semua perkara-perkara yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi saya percaya perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu telah pun dicatat dan tindakan-tindakan yang sewajarnya saya percaya akan diambil oleh Kementerian-kementerian berkenaan. Ini termasuklah masalah bayaran telefon yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih termasuk juga masalah kesulitan mereka yang dilanda banjir yang telah disebut dengan panjang lebar oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus dan juga termasuklah kemasukan-kemasukan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda berkaitan dengan pentadbiran LPN yang mana Yang Berhormat berharap perkara ini dapat diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Matang meminta peruntukan ditambah bagi

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Sebenarnya alhamdulillah, perkara ini telah pun disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi. Apa yang kita bincangkan sekarang ialah peruntukan yang telah pun dibelanjakan. Ini bukan membincangkan peruntukan bagi tahun depan, jadi kalau minta sekali pun tidak dapat diambil sebarang tindakan kerana sebenarnya wang itu telah dibelanjakan dan Kementerian berkenaan melalui Kementerian Kewangan kemukakan kepada Parlimen ini untuk meluluskan perbelanjaan yang telah pun dibelanjakan. Maka itu berkenaan dengan perkara inilah beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah meminta dan menegur yang mana saya rasa amat berguna supaya kementerian-kementerian mengawasi dan membuat telitian yang baik terhadap perbelanjaan Kerajaan supaya hanya diberikan peruntukan ini kepada perkara-perkara yang penting sahaja.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, sememang Kementerian Kewangan di dalam usahanya berjimat-cermat telah pun dan saya pernah memberi tahu Ahli-ahli Yang Berhormat melalui Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Kewangan telah membuat Surat Pekeliling supaya perbelanjaan ini dijaga dengan lebih baik dan alhamdulillah, Kementerian-kementerian dan juga agensi-agensi Kerajaan telah pun mengikuti sebahagian besar, kalau tidak ke semua arahan-arahan Kementerian Kewangan ini tetapi sebagai satu anggaran di mana-mana negara jugalah yang mengamalkan demokrasi.

Kita sememangnya dari semasa ke semasa memerlukan tambahan-tambahan. Seperti yang saya katakan sewaktu membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini, wang ini diperlukan adalah bagi peruntukan-peruntukan

yang telah disediakan tanpa cukup ataupun sebahagian daripada kegunaan wang yang telah tidak disediakan.

Dari segi jimat cermat yang kita amalkan sekarang ini kerana kita sedar bahawa Kerajaan mengalami kesukaran wang akibat dari kemelesetan ekonomi negara, kita telah meminta supaya pengisian jawatan-jawatan selain daripada hanya jawatan-jawatan yang penting sahaja diisi. Selain daripada itu juga pengujudan jawatan-jawatan baru juga telah dibekukan. Ini sejak daripada tahun 1982 lagi. Dalam pada itu Tuan Yang di-Pertua, almaklum sahajalah kadangkala di dalam menjalankan pentadbiran terutama sekali di dalam menjalankan pembangunan negara mungkin terdapat satu-satu projek yang difikirkan amat perlu oleh Kerajaan maka itulah wang tertentu terpaksa dibelanjakan. Perbelanjaan-perbelanjaan yang dibuat seperti itulah kita kemukakan kepada Dewan yang mulia ini pada hari ini untuk mendapatkan kelulusan dan persetujuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menjawab secara khusus beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya rasa barangkali sudah tidak ada apa lagi perkara yang hendak ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka malah beliau telah secara tidak langsung memberi pengakuan ini. Di mana Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyatakan tadi awal-awal kira-kira jam 4.30 petang tadi beliau akan mengemukakan di mana sahaja peluang perkara berkaitan dengan BMF. Ertinya kalau sekiranya seseorang telah berniat berbuat demikian, kalau hendak mengemukakan juga perkara ini setiap

waktu dan peluang yang ada walaupun tidak bermakna kepada orang ramai, beliau akan mengemukakan juga.

Ini nampak jelas sekali dan selain daripada itu juga saya lihat hari ini barangkali Yang Berhormat dari Kota Melaka oleh sebab suka sangat membesar-besarkan satu-satu perkara dengan izin, "exaggeration", saya percaya sewaktu Yang Berhormat dari Kota Melaka pura-pura membaca dokumen kononnya berkenaan dengan \$20 juta yang melibatkan Jabatan Kastam kata dia sewaktu meneliti pengeksportan minyak kelapa sawit.

Saya percaya kalau beliau ada dokumen-dokumen itu, sebagai seorang Wakil Rakyat mengapa beliau sendiri tidak melaporkan kepada pihak berkenaan? Maka saya rasa agaknya dia sangka kita ini tidak tahu yang dia itu pura-pura membaca sedangkan bendanya tidak ada.

Kalau ada kemukakanlah, insya Allah, Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya kalau beliau itu ada dokumen-dokumen yang mengatakan bahawa ada dua dokumen yang berlainan. Satu untuk pengeksportan, satu untuk mengutip bayaran dan sebagainya.

Saya berharaplah supaya "exaggeration", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, seperti ini tidak selalu digunakan sebab sudah bosan kita, sudah jemu kita dengan tekit-tekit Yang Berhormat dari Kota Melaka ini.

Satu lagi saya rasa "exaggeration" yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka di mana kalau tidak silap pendengaran saya, beliau mengatakan bahawa lesen-lesen kewangan boleh dibeli dengan harga \$50 hingga \$70 juta. Saya hendak menasihatkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka kalau sekiranya seseorang ada wang sampai \$50 ataupun \$70 juta buat apa jadi

bodoh, beli lesen yang belum lagi berjalan syarikat kewangannya. Kalau ada wang sampai \$50 sampai \$70 juta pergi sahaja beli syarikat-syarikat kewangan yang sudah berjalan barangkali dia boleh menggunakan wang \$50 atau \$70 juta ini mengambil syarikat-syarikat kewangan yang telah berjalan.

Ini juga merupakan satu "exaggeration" yang kadangkala kalau kita biarkan sahaja menyakitkan hati kita juga. Pada kebiasaannya saya rasa tidak ada guna menjawab perkara-perkara seperti ini terutama sekali apabila Yang Berhormat berkenaan tidak ada tetapi biarlah dia pun baca Hansard agaknya lain kali.

Jadi janganlah "exaggerate" melampau sangat. Seperti ini sehingga dia hendak, takut pula tidak boleh disebut perkataan "bodoh", memperbodohkan orang ramai.

Itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa yang dapat saya perkatakan di dalam menjawab bagi pihak Kementerian-kementerian berkenaan. Saya katakan sekali lagi, insya Allah, segala hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh 7, 8 orang Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan tadi akan diambil ingatan di atas segalanya supaya kesilapan-kesilapan kalau pun telah berlaku tidak akan diulangi lagi dan akan memperbaiki, insya Allah. Kita juga kalau boleh bukan suka sangat hendak membuat Perbekalan tambahan seperti ini tetapi kadangkala seperti yang saya katakan tadi ini tidak dapat kita lari sama sekali.

Almaklum sahaja ini perbuatan manusia, apabila keadaan bertambah baik walaupun kita jangkakan tidak begitu baik pada mulanya tetapi bertambah baik maka dengan sebab keadaan begitulah kita terpaksa menggunakan wang itu dahulu dan kita meminta kepada Dewan ini selepas perbelanjaan yang mustahak

terpaksa dibuat dan meminta kelulusan kepada Dewan ini. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1983 dan 1984) dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, berbalik kepada usul kita tadi, kita selesailah membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1983 dan 1984) sebagai bacaan kali yang kedua.

Sekarang saya tangguhkan mesyuarat sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.07 malam.